



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan  
Selangor



# LAPORAN TAHUNAN

UiTM CAWANGAN SELANGOR

# 2021



# KANDUNGAN

<b>MAKLUMAT KORPORAT</b> .....	<b>v</b>
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI.....	vi
PENGURUSAN EKSEKUTIF.....	vii
PENGURUSAN UiTM CAWANGAN SELANGOR.....	viii
FALSAFAH / VISI / MISI / OBJEKTIF / NILAI / MOTO.....	ix
LATAR BELAKANG UiTM.....	x
TINTA BICARA NAIB CANSOLOR.....	xii
DARI PENA REKTOR.....	xiv
UCS SEPINTAS LALU.....	xv
<b>1.0 Perancangan Strategik dan Petunjuk Prestasi</b> .....	<b>2</b>
1.1 Latar Belakang.....	2
1.2 Pelan Tindakan Strategik.....	4
1.3 Pencapaian Petunjuk Prestasi.....	6
<b>2.0 Penyelidikan dan Inovasi</b> .....	<b>10</b>
2.1 Pengenalan.....	10
2.2 Objektif.....	10
2.3 Fungsi / Teras Utama.....	11
2.4 Pencapaian Tahun 2021.....	11
2.5 Penganjuran Program Berimpak Tinggi.....	22
2.6 Penutup.....	28
<b>3.0 Jaringan, Industri, Komuniti &amp; Alumni</b> .....	<b>30</b>
3.1 Pengenalan.....	30
3.2 Fungsi / Teras Utama.....	30
3.3 Pencapaian KPI dan PI UiTM Cawangan Selangor di bawah peneraju MASMED dan Bendahari.....	31
3.4 Penganjuran Program Berimpak Tinggi.....	38
3.5 Penutup.....	41
<b>4.0 Pencapaian Pelajar dan Aktiviti Persatuan</b> .....	<b>44</b>
4.1 Pengenalan.....	44
4.2 Pencapaian Hal Ehwal Pelajar Tahun 2021.....	46
4.3 Penganjuran Program Berimpak Tinggi Hal Ehwal Pelajar.....	47
4.4 Penutup.....	59
<b>5.0 Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia</b> .....	<b>62</b>
5.1 Pengenalan.....	62
5.2 Laporan Piagam Pelanggan.....	63
5.3 Pencapaian KPI dan PI UiTM Cawangan Selangor di Bawah Peneraju Pendaftar.....	65
5.4 Pengurusan Sumber Manusia.....	66
5.5 Pembangunan Sumber Manusia.....	72
5.6 Keurusetiaan Mesyuarat.....	75
5.7 Pengurusan Kerja Lebih Masa (KLM).....	77
5.8 Pengurusan Klinik Panel.....	79
5.9 Pengurusan Kenderaan.....	81
5.10 Inisiatif Yang Dilaksanakan.....	85
5.11 Aktiviti Yang Dianjurkan.....	87
5.12 Penutup.....	92
<b>6.0 Pengurusan Fasiliti &amp; ICT</b> .....	<b>94</b>
6.1 Laporan Pejabat Pengurusan Fasiliti Dan ICT UiTM Cawangan Selangor.....	94
6.2 Pencapaian Pejabat Pengurusan Fasiliti UCS 2021.....	99

6.3	Anugerah Kampus Lestari Hijau UiTM 2021 .....	106
6.4	Laporan Bahagian ICT Bagi Tahun 2021 .....	107
6.5	Penutup .....	109
<b>7.0</b>	<b>Perpustakaan Tun Abdul Razak.....</b>	<b>112</b>
7.1	Pengenalan .....	112
7.2	Fungsi / Teras Utama.....	113
7.3	Pencapaian Tahun 2021 .....	113
7.4	Penutup .....	118
<b>8.0</b>	<b>Laporan Unit-unit di bawah Pejabat Rektor .....</b>	<b>120</b>
8.1	Unit Hal Ehwal Islam, (UHEI) .....	120
8.2	Pejabat Polis Bantuan .....	135
8.3	Unit Komunikasi Korporat.....	140
8.4	Unit Kualiti .....	145
<b>9.0</b>	<b>Pusat Asasi.....</b>	<b>158</b>
9.1	Laporan Strategik Dan Petunjuk PI .....	159
9.2	Hal Ehwal Akademik.....	159
9.3	Jaringan Industri, Komuniti & Alumni.....	169
9.4	Pencapaian Pelajar Dan Aktiviti Persatuan .....	169
9.5	Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran.....	170
9.6	Pengurusan Kualiti .....	173
9.7	Prestasi Kewangan.....	173
9.8	Pengurusan Fasiliti dan Infostruktur.....	174
9.9	Bahagian Infostruktur Bagi Tahun 2021 Di Bawah Pejabat Pembangunan Dan Kelestarian .....	185
9.10	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Dengkil .....	188
9.11	Unit Hal Ehwal Islam Pusat Asasi.....	189
9.12	Unit Polis Bantuan Pusat Asasi .....	193
9.13	Pencapaian 2021.....	195
<b>10.0</b>	<b>Prestasi Kewangan .....</b>	<b>204</b>
10.1	Latar Belakang .....	204
10.2	Pencapaian Bahagian Belanjawan dan Pengurusan Hasil .....	208
10.3	Pencapaian Bahagian Pengurusan Bayaran.....	209
10.4	Pencapaian Bahagian Pengurusan Perolehan.....	210
10.5	Pencapaian Bahagian Pengurusan Harta Benda .....	211
10.6	Penutup .....	212
	<b>Galeri Kejayaan 2021.....</b>	<b>213</b>
	<b>Sidang Editorial .....</b>	<b>222</b>



**MAKLUMAT  
KORPORAT**

# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

## PENGERUSI



YBHG. PROF. EMERITUS  
TAN SRI DATO' SERI DR  
IBRAHIM SHAH ABU SHAH



YBHG. PROF. DATUK TS DR  
HJH ROZIAH MOHD JANOR



YBHG. DATUK SERI  
MOHAYANI SHAMSUDIN



YBHG. DATO' SRI  
DR HAJI IRMOHIZAM  
HAJI IBRAHIM



YBHG. DATO'  
HAJI RIZALMAN IBRAHIM



YBRS.  
HAJI ANWAR SYAHRIN  
ABDUL AJIB



YBHG. PROF. DATO'  
DR HUSAINI OMAR



YBRS. ENCIK AHMAD  
SUHAIMI ENDUT



YBRS. TUAN HAJI  
MUHAMAD NIZAM  
NOORDIN

SETIAUSAHA

# PENGURUSAN EKSEKUTIF



**PROF. DATUK TS DR HJH  
ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSOLOR**



**PROF. DATIN DR  
SUZANA SULAIMAN**

**TIMBALAN  
NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK &  
ANTARABANGSA)**



**PROF. DR.  
MOHD SAZILI SHAHIBI**

**TIMBALAN  
NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR)**



**PROF. TS DR NORAZAH  
ABD RAHMAN**

**TIMBALAN NAIB  
CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN &  
INOVASI)**



**PROF. DR MOHAMAD  
HARIRI ABDULLAH**

**TIMBALAN  
NAIB CANSOLOR  
(JARINGAN INDUSTRI,  
KOMUNITI & ALUMNI)**



**PROF. DATO' IR TS  
DR HJ. MOHD FOZI ALI  
TIMBALAN  
NAIB CANSOLOR  
(PEMBANGUNAN)**



**TUAN HAJI  
MUHAMAD NIZAM  
NOORDIN**

**PENDAFTAR**



**HAJI MAZLAN HASHIM**

**BENDAHARI**



**PROF. DR HAIDAR  
DZIYAUDDIN**

**PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG**

# PENGURUSAN UiTM CAWANGAN SELANGOR





## FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

## VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

## MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

## OBJEKTIF

1. Memperluas akses pendidikan tinggi
2. Menyediakan Pendidikan bertaraf dunia
3. Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negaradan kemakmuran global
4. Menghasilkan graduan seimbang berciri keusahawanan yang kompetitif di peringkat global
5. Mempertingkatkan penghayatan nilai melalui program pengukuhan.
6. Melestarikan kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien
7. Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu
8. Memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan industri
9. Menyediakan ekosistem terkehadapan yang kondusif untuk kemajuan akademik
10. Mengawal selia kewangan secara efektif ke arah kelestarian organisasi

## NILAI

- **Kecemerlangan**  
Mengamalkan kualiti piawai dalaman yang standard bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh
- **Sinergi**  
Bekerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat
- **Integriti**  
Memupuk nilai kejujuran, hormat dan ketelusan untuk mencapai standard profesionalisme yang tinggi

## MOTO

**‘USAHA, TAQWA, MULIA’**

## LATAR BELAKANG UiTM

Sejarah UiTM bermula kira-kira 57 tahun dahulu yang pada ketika itu, hanya terdapat sebuah bangunan kecil yang dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA (*Rural Industrial Development Authority*) yang beroperasi di Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada 14 Oktober 1957, Yang Berhormat Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Perdagangan dan Industri Tanah Melayu telah merasmikan pembukaan Dewan Latihan RIDA yang pada ketika itu hanya menawarkan kursus *London Chamber of Commerce* dan juga kursus-kursus untuk peniaga-peniaga kecil.

Hasil dari Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan di Kuala Lumpur dari 5 hingga 7 Jun 1965, Dewan Latihan RIDA ini telah dinaiktarafkan menjadi Maktab MARA (Majlis Amanah Rakyat). Ia disusuli dengan perletakan batu asas oleh Yang Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein pada 14 Oktober 1967, menandakan Dewan Latihan RIDA ini telah maju setapak lagi menjadi Institut Teknologi MARA (ITM).

Seiringan dengan penubuhan ITM, Majlis Pentadbiran ITM telah ditubuhkan dan pengerusi pertamanya ialah Tun Ghazali Shafie. Kemudian, ia disusuli dengan pembangunan yang melibatkan pelbagai kerja-kerja pembinaan di atas tanah seluas 300 ekar di Kampus Shah Alam. Pembinaan ini telah dilaksanakan seawal tahun 1968 dan kampus ini telah mula digunakan sepenuhnya pada tahun 1970.

Penghujung tahun 1970-an telah menyaksikan bahawa ITM tidak lagi diletakkan di bawah Unit Latihan MARA tetapi telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Dalam Negeri. Ruang persekitaran yang baru ini telah memberi peluang kepada ITM untuk berkembang menjadi salah satu institut pengajian tinggi negara. Ini dibuktikan apabila pada bulan Jun 1976, Akta ITM telah diluluskan oleh Parlimen. Seterusnya, ITM telah diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.

Melalui kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh ITM, pihak kerajaan telah mengiktiraf dan mengangkat martabat ITM dari tahun ke tahun. Kementerian Pendidikan pula telah meletakkan ITM seiring dengan universiti-universiti yang lain di dalam negara dalam arena pendidikan tinggi. Kemuncaknya adalah pada 26 Ogos 1999, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan pertukaran nama ITM kepada UiTM semasa perhimpunan Perdana Siswazah ITM.



**TINTA BICARA  
NAIB CANSELOR**

# TINTA BICARA NAIB CANSELOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada keluarga UiTM Cawangan Selangor (UCS) yang telah sama-sama menggembleng tenaga, bersifat lebih proaktif, terkehadapan, kreatif dan berbudaya digital dalam memastikan kualiti perkhidmatan terbaik diberikan lebih-lebih lagi dalam kekangan dan norma baharu yang dilalui berikutan situasi pandemik COVID-19 yang masih tidak menentu.

Tahniah saya ucapkan kepada warga UCS atas pencapaian dan kejayaan yang diperolehi sepanjang tahun 2021. Semoga semua pencapaian dalam kejayaan UCS yang dilakarkan di dalam Laporan Tahunan UCS 2021 ini dijadikan penanda aras bagi tahun 2022 untuk UCS terus mengorak langkah dengan lebih jauh dan meningkatkan produktiviti serta prestasi perkhidmatan kepada warga universiti dan komuniti setempat.

Pencapaian cemerlang ini perlu dikekalkan dan kualiti perkhidmatan dari segenap sudut perlu sentiasa diperhalusi untuk penambahbaikan yang berterusan bagi memastikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin ke arah mencapai matlamat GRU2025.

Sekalung penghargaan kepada Sidang Editorial yang telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan UCS 2021 buat julung kalinya. Semoga penerbitan ini dapat dijadikan wadah untuk meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan warga kerja sekali gus meletakkan UCS sebagai sebuah kampus yang dinamik dan disegani.

**Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**



**DARI PENA  
REKTOR**

# DARI PENA REKTOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera  
Bismillahirrahmanirrahim

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada sidang Editorial yang telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan UCS 2021. Kerjasama dan sinergi yang ditunjukkan oleh semua ketua PTJ dan warga untuk menyumbang idea, tenaga dan masa menghasilkan penerbitan ini amat saya hargai. Penerbitan yang julung kali dihasilkan amat signifikan dan istimewa kerana ianya memaparkan pencapaian prestasi kampus, projek dan aktiviti sepanjang tahun 2021 di saat negara berhadapan dengan pandemik Covid-19.

Tahun 2021 melihat kepada pelaksanaan PKP yang menghadkan pergerakan semua pihak dan sedikit sebanyak memberi kesan kepada prestasi dan fungsi jabatan. Namun, berkat usaha dan iltizam semua pihak, kita berjaya mengatasi cabaran yang melanda dan melaksanakan tugas dengan adaptasi norma kerja baharu. Meskipun berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang melanda negara dan dunia, namun tidak melunturkan semangat warga kerja UCS untuk mempamerkan prestasi yang cemerlang. Malahan banyak program dan aktiviti dengan pendekatan norma baharu berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021 untuk dimanfaatkan oleh warga kampus dan komuniti.

Syukur Alhamdulillah, secara keseluruhan, pencapaian PI bagi tahun 2021 adalah 98%. Pada tahun 2021 juga, UCS turut berjaya mendapatkan peruntukan geran penyelidikan antarabangsa sebanyak RM858,879.80 untuk 21 projek penyelidikan dan peringkat nasional sebanyak RM2,977,356.00 untuk 28 projek penyelidikan.

Saya yakin segala data, fakta dan hasil pencapaian yang dimuatkan dalam laporan tahunan ini dapat membantu warga kerja UCS sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti pada tahun 2022.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada semua warga UCS atas komitmen dan perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan dalam menjayakan tanggungjawab yang diamanahkan walaupun dalam keadaan yang tidak menentu akibat wabak Covid-19.

Mudah-mudahan segala komitmen selama kita melaksanakan amanah yang tergalas ini beroleh keberkatan dan dihitung sebagai ibadah oleh Allah SWT.

**Profesor Dr Ahmad Sazali Hamzah**  
Rektor

## UCS SEPINTAS LALU

Kampus Puncak Alam (KPA) telah mula dirancang seawal tahun 1996 dengan keluasan 1.085,75 ekar dan terletak dalam Mukim Jeram, Kuala Selangor. Dari segi reka bentuk dengan prasarana sekeliling yang begitu kondusif untuk memastikan program-program akademik yang ditawarkan dapat melahirkan golongan graduan yang membuktikan UiTM adalah setanding dengan universiti ternama di dunia.

KPA telah bergabung dengan Kampus Puncak Perdana di bawah satu pentadbiran yang diketuai oleh YBhg. Profesor Dr Azni Zain Ahmed selaku Penolong Naib Canselor yang pertama pada tahun 2009. Pentadbiran kampus ini telah bermula dengan pembukaan Kampus Puncak Alam pada Mei 2009.

### MODEL TADBIR URUS 1UITM: MULTISISTEM



UiTM Cawangan Selangor (UCS) wujud secara rasmi pada 1 November 2015, selaras dengan pelantikan Rektor pertama iaitu YBhg. Profesor Dr Zaini Abdullah. Seterusnya mulai 1 Julai 2017, YBhg. Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed telah dilantik sebagai Rektor UCS dan pada 1 Mac 2021 tampuk kepimpinan telah diterajui oleh YBhg. Profesor Dr Ahmad Sazali Hamzah.

UCS ditubuhkan hasil daripada transformasi UiTM yang mewujudkan Model Tadbir Urus 1 UiTM : Multisistem. Fokus utama UCS adalah untuk menjadi cawangan universiti berteraskan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Komuniti.

Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 14 Tahun 2017 bertarikh 14 Jun 2017 memutuskan bahawa UCS bertanggungjawab terhadap penyeliaan pentadbiran di lokasi-lokasi berikut:

- UiTM Kampus Puncak Alam
- UiTM Kampus Puncak Perdana
- UiTM Kampus Dengkil
- UiTM Kampus Sungai Buloh/Selayang

UCS sebagai sebuah kampus yang unik dan tersendiri, mempunyai objektif berikut:

1. Memacu dan memperkasa aktiviti penyelidikan, pengkomersilan, keusahawanan dan jaringan industri dan komuniti.
2. Pemudahcara kepada fakulti dalam sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan pengajaran dan pembelajaran.
3. Menyelaras semua perkhidmatan (selain daripada pengurusan hal ehwal akademik) bagi memastikan aspirasi kampus UCS tercapai.
4. Memberi perkhidmatan dan kemudahan yang menyeluruh dan sempurna bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran dan kolej kediaman yang selesa, ceria dan selamat.
5. Menyokong pelan strategik semua PTJ dan fakulti di UCS.
6. Mempertingkatkan usaha penjimatan dan penjanaaan pendapatan UCS.

Keseluruhan jumlah staf di UCS adalah 4114 orang di mana 1671 terdiri daripada staf akademik manakala 2443 adalah staf pentadbiran. Pecahan terperinci profil sumber manusia UCS adalah seperti jadual di bawah:

**Jumlah Staf UCS (data sehingga 31 Januari 2022)**

BIL.	KAMPUS	JUMLAH
1	Puncak Alam	364
2	Puncak Perdana	56
3	Sg. Buloh/Selayang	128
4	Dengkil	298
<b>JUMLAH</b>		<b>846</b>
5	Staf Fakulti /CoE /Hospital/ PPUiTM	3268
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>4114</b>

**Jumlah Staf UCS Mengikut Kategori**

KATEGORI STAF	JUMLAH
Staf Akademik	1671
Staf Pentadbiran	2443
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>4114</b>



Jumlah keseluruhan pelajar UCS adalah seramai 28,432 orang iaitu 8317 terdiri daripada pelajar lelaki dan 20,115 pelajar perempuan. Taburan pelajar-pelajar ini meliputi Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sg. Buloh dan Selayang serta Kampus Dengkil.

**Jumlah Pelajar UCS (data sehingga 13 Oktober 2021)**

<b>BIL.</b>	<b>KAMPUS</b>	<b>LELAKI</b>	<b>PEREMPUAN</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Puncak Alam	5282	14630	19912
2	Puncak Perdana	1519	3145	4664
3	Sg. Buloh/Selayang	104	203	307
4	Dengkil	1412	2137	3549
	<b>JUMLAH</b>	<b>8317</b>	<b>20115</b>	<b>28432</b>






**Perancangan  
Strategik dan  
Petunjuk  
Prestasi**

# 1.0 Perancangan Strategik dan Petunjuk Prestasi

## 1.1 Latar Belakang

Pelan Strategik UiTM2025 dibangunkan berdasarkan kerangka strategik yang mengambil kira dan mengintegrasikan dasar dan perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan serta *trend* global. Hala tuju pelan strategik UiTM ini sejajar dengan dasar dan perancangan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sementara itu, dasar terkini kerajaan, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) digunakan sebagai prinsip panduan untuk memastikan bahawa hala tuju strategik ini adalah sejajar dengan agenda negara.

Perancangan strategik baharu ini memberi tumpuan kepada tiga (3) teras strategik iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Setiap teras strategik disokong oleh tema strategik yang telah dikenal pasti dan secara keseluruhan terdapat sembilan (9) tema yang telah diijarkan (Rajah 1). Perancangan Strategik UiTM ini memfokuskan kekuatan terkini universiti dan memberikan laluan yang jelas untuk UiTM. Ia ditubuhkan dengan inisiatif utama bagi mengubah UiTM menjadi sebuah universiti terkemuka di dunia yang bertaraf antarabangsa.



Rajah 1: Model Perancangan Strategik

Bagi memastikan hala tuju strategik UiTM ini berjaya dilaksanakan, setiap kampus cawangan mestilah menyokong hala tuju strategik tersebut dengan sebaiknya. Oleh itu, Pelan Strategik UiTM2025 memainkan peranan amat besar sebagai sumber rujukan bagi pusat, jabatan, bahagian dan unit di UiTM Cawangan Selangor (UCS) dalam membentuk hala tuju dan pelan-pelan inisiatif yang sejajar dengan hala tuju UiTM sepenuhnya. Pelan-pelan tindakan strategik kampus ini akan menyediakan maklumat-maklumat perancangan dan pelaksanaan strategik bagi membolehkan UCS mengorak langkah cemerlang untuk meletakkan UiTM di persada global terutama dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.

UiTM Cawangan Selangor mendokong falsafah, visi dan misi universiti seperti berikut:

## Falsafah

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara

## Visi

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan

## Misi

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak



Dalam merangka dan merencana hala tuju strategik UiTM Cawangan Selangor, kemampuan staf untuk melaksanakan program dan aktiviti yang berkesan dan berimpak tinggi harus diambilkira. Oleh itu, tiga nilai bersama organisasi (*organisational shared values*) iaitu Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti (ESI: *Excellence, Synergy, Integrity*) diterapkan untuk menjadi inti pati utama dalam membuat keputusan dan tindakan (Rajah 2). Pengurusan strategik yang dilaksanakan secara sistematik akan menjadi pemangkin kepada transformasi dan tindak balas positif dalam pelbagai aspek pentadbiran, pengurusan, penjanaaan pendapatan, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.



Rajah 2: Nilai ESI

Pencapaian PI UCS pada 2021 ini merupakan sebahagian daripada petunjuk prestasi penting yang diukur dalam Pelan Strategik UiTM2025. Oleh yang demikian, laporan pencapaian 2021 bukan sahaja mengukur prestasi UCS pada tahun semasa, tetapi ia juga menyumbang kepada maklumat prestasi keseluruhan Pelan Strategik UiTM2025 yang akan berakhir pada 31 Disember 2025.

## 1.2 Pelan Tindakan Strategik


Penyediaan Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Selangor adalah bertujuan untuk menyokong universiti ke arah mencapai aspirasi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025. Justeru, bagi memastikan matlamat ini tercapai, Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang disediakan adalah berdasarkan elemen yang menjadi teras utama kepada pencapaian Petunjuk Prestasi (PI).

Sebanyak 35 projek SAP yang komprehensif telah dirangka pada awal tahun 2021 bagi mencapai 24 PI yang telah diturunkan kepada UCS dimana perincian PI adalah seperti dalam Jadual 1. Setiap projek yang dicadangkan dipetakan kepada satu (1) atau lebih PI yang sesuai. Setelah kelulusan, projek dirancang dengan terperinci untuk merancang tempoh, kos dan sumber yang secukupnya untuk menganggarkan aktiviti yang diperlukan dan mengurus risiko secara berkesan semasa pelaksanaan projek. Cabaran utama pengurusan projek adalah untuk mencapai semua matlamat projek yang diberikan dengan kekangan sedia ada.

Jadual di bawah adalah Petunjuk Prestasi dan penerangan definisi :

<b>Petunjuk Prestasi</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Pengarah PI</b>
29	<i>Number of entrepreneurship collaboration.</i>	Timbalan Rektor (iCARE)
31	<i>Number of student's activities related to community based service learning.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
32	<i>Number of community involved with credited courses in relation to service learning activities.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
33	<i>Number of undergraduate students involved in activities related to credited courses in relation to service learning.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
36	<i>Number of student participated in career activities.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
37	<i>Number of companies involved in career activities.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
38	<i>Students' satisfaction percentage on career guidance programme.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
39	<i>Students' satisfaction toward residential college services, facilities &amp; learning space</i>	Timbalan Rektor (HEP)
40	<i>Number of student involved in communication skill related programmes.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
41	<i>Number of student involved in international programmes.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
42	<i>Number of student involved in e-sports.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
43	<i>Number of value-added programmes with certification by an authorised organisation organised by residential colleges.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
44	<i>Number of undergraduate students participated in value-added skills programmes with certification by an authorised organisation organised by residential colleges.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
46	<i>Number of student involved in creative industry programmes.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
47	<i>Number of students involved in invention and innovation activities.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
48	<i>Number of student's engagement with international peers.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
50	<i>Number of program related to emotional well-being.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
93	<i>Number of staff with industry experience.</i>	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
94	<i>Number of staff registered with voluntary organisation.</i>	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
96	<i>Number of staff with professional qualifications.</i>	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
97	<i>Number of staff attached with top global 2000 companies or top 300 universities.</i>	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
98	<i>Number of staff as members in international academic/ professional bodies/ associations.</i>	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
99	<i>Number of staff as members in national academic/ professional bodies/ associations/ ministry.</i>	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
113	<i>Income generation from asset monetisation including rental or leasing of university assets.</i>	Timbalan Rektor (iCARE)

Pada akhir tahun 2021, semua projek yang dicadangkan telah berjaya dijalankan dan ditamatkan untuk mencapai PI yang dijangka. Kemajuan projek yang dilaporkan secara sukuan adalah seperti dalam Rajah 3.




Rajah 3: Kemajuan projek SAP secara berkala

### 1.3 Pencapaian Petunjuk Prestasi

Proses penilaian serta pemantauan dilakukan dan dilaporkan melalui Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti empat (4) kali setahun. Petunjuk Prestasi (PI) diukur secara berkala pada setiap suku tahun, iaitu suku pertama (Q1), suku kedua (Q2), suku ketiga (Q3) dan suku keempat (Q4) mengikut jumlah sasaran yang telah ditetapkan. Semua data PI ini dianalisis dan dipantau melalui sistem *UePMO* dan *Dashboard KPI* di bawah seliaan Bahagian Transformasi Universiti (BTU).


Sebanyak 24 PI diukur pada tahun 2021 di mana 21 PI didapati berjaya melepasi sasaran yang telah ditetapkan. Di dalam pemantauan PI tahun 2021, terdapat hanya satu PI yang menghadapi masalah untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu PI113 yang telah mencapai sasaran sebanyak 95.6%. Pencapaian PI mengikut suku tahunan adalah seperti dalam Rajah 4.





Rajah 4: Peratus pencapaian PI mengikut suku tahun

Secara keseluruhan, pencapaian PI bagi tahun 2021 adalah 98% dan pencapaian PI keseluruhan mengikut sukuan ditunjukkan di dalam Rajah 5. Pencapaian cemerlang PI UCS merupakan kejayaan inisiatif Pelan Tindakan Strategik yang telah dibangunkan oleh staf. Kejayaan cemerlang ini adalah hasil daripada sistem dan budaya kerja yang memberi impak bernilai tinggi terhadap produktiviti. Sesungguhnya, budaya kerja di UCS telah memupuk kreativiti dan dinamik dalam mewujudkan daya saing yang lebih efektif sejajar dengan perkembangan semasa universiti.



Rajah 5: Peratus pencapaian PI secara keseluruhan mengikut suku tahun





**Penyelidikan  
dan Inovasi**

## 2.0 Penyelidikan dan Inovasi

### 2.1 Pengenalan

UiTM Cawangan Selangor (UCS) telah diiktiraf sebagai kampus cawangan berintensifkan penyelidikan di dalam Mesyuarat Eksekutif Negeri Bil 14/2017 pada 14 Jun 2017. Peranan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS adalah untuk memperkasa penyelidikan dan memastikan pengurusan penyelidikan berjalan lancar.

Terdapat sebanyak 12 fakulti, tiga (3) pusat kecemerlangan dan lima (5) kampus di bawah UiTM Cawangan Selangor. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi diketuai oleh Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) dan dibantu oleh tiga (3) orang Koordinator, tiga (3) orang Penyelaras manakala staf sokongan adalah terdiri daripada seorang (1) Penolong Pendaftar Kanan, seorang (1) Pegawai Eksekutif, seorang (1) Setiausaha Pejabat dan seorang (1) Pembantu Tadbir.

### 2.2 Objektif



## 2.3 Fungsi / Teras Utama



## 2.4 Pencapaian Tahun 2021

### 2.4.1 Penyelidikan dan Inovasi

#### 2.4.1.1 Laporan Penyelidikan

Tahun 2021 telah melakarkan kecemerlangan kepimpinan penyelidikan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor (UCS) dalam menyusun strategi memampakan aspirasi penyelidikan Universiti. Tadbir urus dan perancangan penyelidikan telah diperkasakan ke arah menjadikan penyelidikan satu budaya serta meningkatkan sinergi libat sama antara Universiti-Industri dan agensi kerajaan. Rangkaian kolaborasi penyelidikan yang lebih strategik dengan badan luar atau antarabangsa secara kolektif telah melonjakkan imej dan reputasi UCS di arena global dan selaku Kampus Penyelidikan. Perancangan ke arah membudayakan penyelidikan juga telah berjaya melahirkan penyelidik-penyelidik yang berbakti kepada masyarakat dan komuniti setempat melalui program-program yang dirancang untuk peningkatan sosial dan ekonomi masyarakat.

Pada tahun 2021, pelbagai skim geran penyelidikan ditawarkan oleh pihak Universiti untuk membantu menggalakkan kakitangan akademik/penyelidik menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Penyelidik-penyelidik juga digalakkan untuk memohon geran penyelidikan yang disediakan oleh pihak luar seperti agensi kerajaan, pihak swasta dan antarabangsa.

Projek Penyelidikan di bawah geran dalaman universiti 2021 telah memperuntukkan sebanyak RM2,573,267.00 bagi merencanakan aktiviti penyelidikan. Di bawah geran dalaman ini, terdapat beberapa jenis skim geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan projek pada tahun 2021 mencapai sebanyak 187 projek. Bagi UCS sendiri sebanyak RM300,00.00 telah diagihkan dibawah skim geran DUCS 3.0. Manakala satu (1) geran Sepadan Universiti Luar Negara (*Matching Grant*) telah diagihkan sebanyak RM14,417.61.

Pada tahun 2021 juga, UCS turut berjaya mendapat peruntukan geran penyelidikan antarabangsa sebanyak RM858,879.80 untuk 21 projek penyelidikan. Manakala geran peringkat nasional sebanyak RM2,977,356.00 untuk 28 projek penyelidikan. Geran dari pihak swasta (*Private*) juga UCS terima, sebanyak RM 574,300.00 untuk 10 projek penyelidikan. Akhir sekali geran penyelidikan dari *Self-fund* sebanyak RM420,451.00 bagi 10 projek penyelidikan. Jumlah keseluruhan nilai geran bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM7,404,253.80 bagi 256 projek penyelidikan.

#### 2.4.1.2 Laporan perolehan geran UCS

Jenis Geran	Bilangan	Nilai Geran (RM)	%
<i>International</i>	21	858,879.80	11.5%
<i>National</i>	28	2,977,356.00	40.2%
<i>University</i>	187	2,573,267.00	34.8%
<i>Private</i>	10	574,300.00	7.8%
<i>Self-fund</i>	10	420,451.00	5.7%
	<b>256</b>	<b>7,404,253.80</b>	<b>100%</b>

(Sumber : iRES)

#### 2.4.1.3 Jumlah Geran Dalaman UCS

Jenis Geran	Bilangan	Nilai Geran (RM)
Dana Universiti Cawangan Selangor (DUCS) 3.0	12	300,000.00
Geran Sepadan Universiti Luar Negara ( <i>Matching Grant</i> ), UCS	1	14,417.61
<b>Jumlah</b>	<b>13</b>	<b>314,417.61</b>

(Sumber : iRES)

### 2.4.2 Laporan Penerbitan

Data-data yang digunakan bagi penyediaan laporan penerbitan ini diperolehi dari pangkalan data PRISMA. Terdapat 15 PTJ UCS merekodkan pencapaian 5,596 penerbitan sehingga 31 Disember 2021. Jumlah ini merupakan 40% daripada jumlah keseluruhan penerbitan UiTM yang direkodkan untuk tahun 2021 iaitu sebanyak 13,988 penerbitan.


#### 2.4.2.1 Jumlah penerbitan UCS Tahun 2021 mengikut kategori

Jadual di bawah memaparkan jumlah penerbitan UCS mengikut jenis penerbitan. Analisa menunjukkan penerbitan artikel jurnal, kertas prosiding dan lain-lain penerbitan mendominasi jumlah keseluruhan penerbitan UCS. Artikel jurnal telah mencatatkan sebanyak 2,557 (45.7%) penerbitan. Jumlah ini diikuti dengan penerbitan kertas prosiding iaitu sebanyak 1,258 (22.5%) penerbitan. Lain-lain penerbitan pula mencatatkan sebanyak 1132 (20.2%). Manakala buku penyelidikan mencatatkan penerbitan terendah iaitu dengan hanya 8 (lapan) (0.1%) penerbitan bagi tahun 2021.

Jenis Penerbitan	Jumlah Penerbitan	Peratusan (%)
Artikel jurnal	2557	45.7%
Kertas prosiding	1258	22.5%
Lain-lain penerbitan	1132	20.2%
Buku	212	3.8%
Bab di dalam buku	174	3.1%
Penerbitan kreatif	153	2.7%
Bab di dalam buku penyelidikan	102	1.9%
Buku penyelidikan	8	0.1%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>5596</b>	<b>100%</b>

(Sumber : PRISMA)

### 2021 UCS PUBLICATIONS DATA (JAN – DIS)



#### 2.4.2.2 Jumlah penerbitan UCS Tahun 2021 mengikut fakulti

Jadual di bawah memaparkan jumlah penerbitan berdasarkan fakulti. Sebanyak 5348 penerbitan telah dihasilkan bagi 13 fakulti dan Pusat Asasi UiTM. Fakulti Perubatan mendahului senarai penerbitan tertinggi bagi UCS iaitu sebanyak 1,428 penerbitan. Ini diikuti dengan Fakulti Pengurusan Perniagaan dengan 829 penerbitan. Fakulti Sains Kesihatan pula berada di kedudukan ketiga dengan bilangan penerbitan 574. Manakala Fakulti Filem, Teater dan Animasi mencatatkan sebanyak 78 penerbitan.

Fakulti	Jumlah Penerbitan
Fakulti Perubatan	1428
Fakulti Pengurusan Perniagaan	829
Fakulti Sains Kesihatan	574
Fakulti Pergigian	463
Fakulti Farmasi	430
Fakulti Perakaunan	311
Pusat Asasi	292
Fakulti Pendidikan	209
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur	201
Fakulti Pengurusan Maklumat	195
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan	175
Fakulti Senilukis dan Senireka	163
Fakulti Filem, Teater dan Animasi	78
<b>Jumlah</b>	<b>5348</b>

(Sumber : PRISMA)

Bagi penerbitan Pusat Kecemerlangan, I-Pperform telah mencatatkan bilangan penerbitan sebanyak 121. Ini diikuti oleh AuRIns dengan 67 penerbitan, manakala iPROMISE telah menghasilkan sebanyak 55 buah penerbitan pada tahun 2021.

Pusat Kecemerlangan	Jumlah Penerbitan
I-Pperform	121
AuRIns	67
iPROMISE	55
<b>Jumlah</b>	<b>243</b>

(Sumber : PRISMA)

## 2.4.3 Laporan Aktiviti Inovasi

### 2.4.3.1 Inovasi

Kumpulan *Agricultural Biotechnology Research Group* (RG) yang diketuai oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) telah berjaya memenangi Naib Johan, Kategori Institut Pengajian Tinggi, Anugerah Inovasi Negeri Selangor 2021 (AINS 2021)






Gambar: Menerima Anugerah Inovasi Negeri Selangor pada Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (*Research, Development and Innovation Expo*) Tahun 2021 Negeri Selangor (SRIE 2021) anjuran Kerajaan Negeri Selangor di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC).

#### 2.4.3.2 **MAKER LAB UiTM**

Pelbagai usaha ke arah membudayakan inovasi telah dijalankan oleh *MAKERLAB* UiTM Cawangan Selangor (UCS), iaitu satu entiti di bawah Bahagian Penyelidikan & Inovasi UCS. *MAKERLAB* UiTM ditubuhkan sejak dari tahun 2018 dengan diberikan ruang di dalam PTAR utama UCS untuk menggalakkan pelajar dari semua fakulti di bawah UCS khususnya serta kakitangan UiTM amnya melibatkan diri dengan aktiviti pembuatan (“making”) menggunakan peralatan dan teknologi masa kini yang selari dengan Industri 4.0.

Di antara aktiviti utama *MAKERLAB* UiTM ialah program latihan pelajar industri, sesi perkongsian dari pakar-pakar berkaitan aplikasi teknologi dan bengkel latihan kemahiran. Dari tahun 2018 sehingga 2021, seramai 76 orang pelajar dari beberapa universiti di Malaysia telah pun tamat menjalani latihan industri di *MAKERLAB* UiTM. Pelajar-pelajar ini dilatih untuk menjadi tenaga pekerja mahir yang boleh mengendalikan teknologi masa depan seperti mesin cetakan 3D (3D printer), *Internet of Things (IoT)*, *drone* dan alat *virtual reality*. Mereka juga didedahkan dengan *project-based learning* yang mengaplikasi *design thinking* dan *design process* yang bertujuan mendidik pelajar ke arah menghasilkan produk yang berinovasi tinggi serta mempunyai ciri-ciri kehendak pasaran. Hasil dari program ini, lebih dari 50 jenis produk yang direka oleh pelajar berjaya dihasilkan. Di atas pencapaian tersebut, *MAKERLAB* UiTM diberikan dana sebanyak RM100 ribu untuk program *Structured-Entrepreneurship Incubator Program (SEIP)* dari UMK-JPT, yang bertujuan membantu pelajar yang berpotensi ke arah syarikat *startup* usahawan digital. Projek inkubator usahawan digital *MAKERLAB* UiTM ini dinamakan *Integrated co-Working Space (Ico-WorkS) for Digital & Creative Technopreneurs* dan melibatkan seramai 20

orang pelajar dan 10 orang pensyarah.



Gambar (atas) di antara inovasi dan produk rekaan pelajar hasil dari program latihan kemahiran di *MAKERLAB* UiTM Cawangan Selangor. Sehingga 2021, lebih dari 50 produk cetakan 3D telah dihasilkan dan satu (1) syarikat *startup* pelajar didaftarkan.

Jadual aktiviti ke arah membudayakan inovasi hasil inisiatif *MAKERLAB* UCS pada tahun 2021.

Tarikh	Nama Aktiviti/Program	Impak & Penglibatan
Feb - April 2021	Program Latihan Industri - Batch 1/2021 <i>Intensive Training on IR4.0 Technology</i>	<i>Higher Education &amp; UiTM KPI's for Upskilling/Reskilling, Talent Development</i> 7 pelajar FSSR 2 pelajar FSKM 5 pensyarah
18 Mac 2021	Bengkel Latihan 3D Design & 3D Printing	5 pensyarah FSSR
19 Mac 2021	Bengkel latihan - <i>Laser Cutting &amp; Engraving Workshop- jointly co-organized by Makerlab UiTM &amp; PPAS Shah Alam</i>	<i>Upskilling/Reskilling, Talent Development</i> 15 pelajar UiTM 5 pensyarah
26-29 Mac 2021	<i>Bootcamp for Ico-WorkS students organized by SEIP program at UMK</i>	<i>Innovation &amp; Entrepreneurship</i> 1 pensyarah 4 UiTM students
Ogos 2021 – Feb. 2022 (6 bulan)	<b>Program Latihan Industri - Batch 2/2021</b> <i>Intensive Training on IR4.0 Technology, Design Thinking, Design Process</i>	<i>Higher Education &amp; UiTM KPI's for Upskilling/Reskilling, Talent Development</i> 9 pelajar FSSR 5 pelajar FSKM 2 pelajar FSG 7 pensyarah

1 Oktober 2021	Bengkel Latihan - <i>3D printing using DLP/LCD 3D Printer</i>	<i>Upskilling/Reskilling, Talent Development</i> 2 pensyarah 2 pelajar UiTM
3 November 2021	Lawatan ke syarikat rakan industri - <i>Innoeam Sdn Bhd - Industry Partner in VR Technology</i>	<i>Industry Collaboration</i> 15 pelajar UiTM 3 pensyarah
9-12 November 2021	Bengkel Latihan - <i>3-Days Crash Course for Product Development using 3D Printing Technology for UCS Interns</i>	<i>Upskilling/Reskilling, Talent Development</i> 16 pelajar UiTM
1 Disember 2021	Bengkel - <i>3D printing in Metal Jewelry - co-organized with Department of Fine Metal Art, FSSR</i> <b>Achievement: Sponsorship from the industry partner: Smith 3D Sdn Bhd - Resin 3D printing facilities ~RM3000</b>	<i>Innovation, Teaching Quality Upskilling/Reskilling, Talent Development</i> 3 pensyarah 10 pelajar
18-19 Disember 2021	<i>SEIP Digital Incubator Bootcamp &amp; Startup Pitch Competition - co-organized between Digital Datapreneur Incubator, UiTM Kelantan &amp; Makerlab UiTM Selangor</i> <b>Achievement: Tinkerzon Enterprise led by an alumni from MAKERLAB UiTM won the best pitching presenter award.</b>	Innovation & Entrepreneurship 2 pensyarah 2 pelajar UiTM 2 Alumni UiTM

#### 2.4.3.3 INNOVHUB CENTRE

Melalui strategi memperkasa Inovasi, *Innovhub Centre* UCS yang ditubuhkan sebagai hub untuk pendidikan keusahawanan dan inkubator permulaan bagi komuniti universiti untuk pengkomersialan produk hasil penyelidikan. Ia juga merupakan khidmat universiti kepada masyarakat melalui tanggungjawab UCS (*university social responsibility*).

Penglibatan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) sebagai rakan strategik *Innovhub Centre* akan memberi impak besar kepada UCS dalam membangunkan dan membimbing bakal peniaga *français* di kalangan penyelidik dan usahawan komuniti UiTM melalui kepakarannya dalam menyediakan perkhidmatan dan produk yang berkualiti. PERNAS juga berperanan dalam membangunkan inovasi dan produk tempatan serta memasarkannya ke luar negara.

### 2.4.4 Penganjaran Seminar/Bengkel/Taklimat

Strategi perolehan geran diperkasakan di kalangan semua penyelidik di UCS melalui aktiviti taklimat dan juga perkongsian pengalaman dari agensi terlibat. Beberapa pakar juga turut dijemput berkongsi bersama kaedah pemerkasaan perolehan geran dalam usaha mempertingkatkan kecemerlangan penyelidikan di kampus ini.

Antara webinar/seminar/bengkel/taklimat yang dianjurkan seperti berikut :

**UCS WEBINAR SERIES 2021**  
Research & Innovation

**Strategies for Winning FRGS/PRGS Grant**

**Speaker**  
YBhg. Professor Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed  
Rector, UTM Cawangan Selangor

**WHEN**  
1st February 2021 (Monday)  
11.00 am-12.30 pm

meet.google.com/bhb-shod-smv  
https://www.facebook.com/BPIUCS

Organized By :  
Research and Innovation Division  
UTM Cawangan Selangor

**UCS WEBINAR SERIES 2021**  
Research & Innovation

**Permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)**  
(Gugusan Sains dan Teknologi)

**Panel Jemputan**  
YBhg. Professor Dato' Dr. Mohamed Isa Abdul Majid, USM  
(Panel Penilai Dana KPT)

5 FEBRUARI 2021 (JUMAAT)  
2.30 PETANG- 4.00 PETANG

https://meet.google.com/swh-qyly-mep  
LIVE https://www.facebook.com/BPIUCS

**Moderator**  
Dr. Mohd Shuhuddin Ahmad Noordin  
Penyeras (Hubungan Industri dan Antarabangsa)  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS

Anjuran :  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi,  
UTM Cawangan Selangor

**UCS WEBINAR SERIES 2021**  
Research & Innovation

**Panduan Penulisan Kertas Cadangan Skim Geran Penyelidikan FRGS/PRGS**

**Panel**  
YBhg. Professor Dr. Norhamidi Muhamad Pengarah  
Pusat Kembangan Pendidikan, UKM  
(Ketua Panel Penilai Dana KPT)

10 Februari 2021 (Rabu)  
2.30 - 4.00 petang

**Moderator**  
YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Asmah Awal  
Penyeras Penyelidikan  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi UCS

Anjuran:  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi,  
UTM Cawangan Selangor

**UCS WEBINAR SERIES 2021**  
Research & Innovation

**Formulating a Winning FRGS/PRGS Proposal: From The Expert Panel Perspective**

15 February 2021 (Monday)  
9.00 am-10.30 am

LIVE https://www.facebook.com/BPIUCS

**Speaker**  
YBhg. Professor Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed  
Rector, UTM Cawangan Selangor

**Moderator**  
YBhg. Professor Ts. Dr. Hj. Rughayah Hj. Hashim  
Deputy Rector (Research and Innovation) UCS

Organized By :  
Research and Innovation Division  
UTM Cawangan Selangor

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Penyelidikan dan Inovasi

## RECTOR WITH UCS RESEARCHERS

15 MARCH 2021  
2.30 P.M - 4.30 P.M  
THE SAFFRON, HOTEL UiTM PUNCAK ALAM

PANELIST:  
PROFESSOR DR. AHMAD SAZALI HAMZAH  
RECTOR OF UCS

MODERATOR:  
PROFESSOR T. DR. ROZAYAH HASHIM  
DEPUTY RECTOR (RESEARCH & INNOVATION)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Penyelidikan dan Inovasi

## TOWN HALL SESSION RECTOR WITH UCS RESEARCHERS 2.0

YBhg. Professor Dr. Ahmad Sazali Hamzah  
Rector UiTM Cawangan Selangor

05.04.2021 (Tuesday)  
02:30 - 04:30 p.m.  
DK 500, Bangunan FF4  
UiTM Cawangan Selangor  
Kampus Puncak Alam

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Penyelidikan dan Inovasi

Unleashing Potentials  
Shaping the Future

## A Guide to Getting Published

8 Mac 2021 (Monday)  
2:30 PM  
Webex | <https://bit.ly/3uBTN0S>  
Password: emerald

QR Code Program  
Webex

Mr. Elvin Cheah  
Business Manager  
emerald PUBLISHING

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Penyelidikan dan Inovasi

## Proses Semakan Validasi Penerbitan di Sistem PRISMA

1 April 2021 (Emas) | 2:30 Petang  
Penerbit: Penyelidik, Penyelaras UCS  
Webex Link: <http://onout.uitm.edu.my>

STAY CONNECTED  
Webex Link

Facebook Live: <https://www.facebook.com/BPIUCS>

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi

## Briefing on UiTM 2025 RESEARCH CHALLENGE

DATE OF APPLICATION  
31 MAY - 11 JUNE 2021

4<sup>th</sup> June 2021 (FRIDAY)  
10.00 am - 12.00 pm

Organized by:  
Research and Innovation Division,  
UiTM Cawangan Selangor

Medium:  
webex

Facebook Live: <https://www.facebook.com/BPIUCS>  
Twitter: [https://twitter.com/PI\\_UCS](https://twitter.com/PI_UCS)

Facebook Live: <https://www.facebook.com/BPIUCS>

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi

## WEBINAR COMPUTATIONAL MICROSCOPY OF SARS-COV-2

DATE: 10th June 2021 (Thursday)  
TIME: 09:00 - 10:30 AM

SPEAKER  
ROMMIE AMARO  
Professor of Chemistry & Biochemistry  
University of California San Diego, USA

OPENING REMARKS  
PROFESSOR DR AHMAD SAZALI HAMZAH  
Rector  
UiTM Selangor Branch

MODERATOR  
DR SITI AZMA JUSOH  
Faculty of Pharmacy  
Universiti Teknologi MARA

Facebook Live: <https://www.facebook.com/BPIUCS>

Join Us!



### 2.4.5 Penganjuran Seminar/Bengkel/Taklimat(Lain-lain)

Bagi meningkatkan pengetahuan dikalangan kakitangan unversiti terutama di UiTM Cawangan Selangor, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah menjemput beberapa tokoh bagi sesi perkongsian ilmu dalam bidang-bidang tertentu.

Secara tidak langsung peserta dapat meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan bidang-bidang tertentu selain daripada bidang pekerjaan masing-masing.








## 2.4.6 Laporan MoU dan MoA

Bagi meningkatkan ketampakan UCS di peringkat antarabangsa dan negara terutama di dalam bidang akademik dan penyelidikan, pihak Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah menandatangani MoU/MoA/Loi bersama pihak industri, universiti dan agensi. Melalui MoU/MoA tersebut ianya telah membuka jalan untuk menjalin kerjasama, antaranya di dalam penyelidikan, pengkomersialan produk hasil-hasil penyelidikan. Beberapa MoU/MoA telah ditandatangani pada Tahun 2021 seperti berikut:

- i. IPB University, Indonesia
- ii. University of Sultan Ageng Tirtayasa (UNTIRTA), Indonesia
- iii. Antarama Sdn. Bhd
- iv. Kerajaan Negeri Perak (Diwakili oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Kampung Gajah)
- v. JMyKo Holding (M) Sdn. Bhd


## MoU dan MoA

MoU	MoU	MoU	MoU	MoA
<p>IPB University, Indonesia</p> 	<p>Universitas Ageng Tirtayasa (UNTIRTA), Indonesia</p> 	<p>Antarama Sdn. Bhd</p> 	<p>Kerajaan Negeri Perak (Pejabat Daerah dan Tanah Kecil Kg. Gajah)</p> 	<p>JMyKo Holding (M) Sdn. Bhd</p> 
<p><b>IMPAK:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penganjuran Konferensi/Simposium/International Webinar</li> <li>Penyelidikan bersama</li> </ul>	<p><b>IMPAK:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penganjuran Konferensi/Simposium/International Webinar</li> <li>Penyelidikan bersama</li> </ul>	<p><b>IMPAK:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jalinan kerjasama bersama industri bagi tujuan pengkomersilan produk penyelidikan.</li> </ul>	<p><b>IMPAK:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan taraf sosioekonomi golongan komuniti B40</li> <li>Penyelidik makmal hidup dan pengkomersilan produk hasil penyelidikan</li> </ul>	<p><b>IMPAK:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jalinan kerjasama bersama industri bagi tujuan pengkomersilan produk penyelidikan.</li> </ul>

## 2.5 Penganjuran Program Berimpak Tinggi

Sepanjang tahun 2021 banyak program-program yang telah dijalankan bagi meningkatkan lagi jaringan penyelidikan dan membantu di dalam menyelesaikan serta membangunkan ekonomi masyarakat terutama melalui penyelidikan.

### Lawatan ke Projek Pembangunan Kampung dan Belia B40 Komuniti Pulau 3, Kg. Gajah, Perak




### Lawatan Jabatan Perikanan Daerah Kuala Selangor ke UCS bagi Cadangan Projek Akuakultur UCS





**Perbincangan Projek CSR bersama Komuniti dengan Encik Mettirozman Ayub, Penghulu Mukim Kota Setia, Perak dan Wakil Fakulti**




**Perbincangan Mewujudkan Kolaborasi Penyelidikan Mengenai Penanaman Pokok Tin bersama Pihak Industri (Benefigs Sdn Bhd) dan Fakulti**



**Projek Kerjasama Penyelidikan Bersama Komuniti di bawah Geran MYSI, MOSTI bersama Manjung Aquabest Hatchery, Lumut, Perak**



**Projek Kerjasama Penyelidikan Buah Kantor Bersama Komuniti Kg. Gajah, Perak**



**Kerjasama Penyelidikan Sistem IoT Ikan Sangkar, Kg. Pulau Tiga, Perak**



**Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Cecair Sanitasi Tangan UiTM dan PDRM Bukit Aman dengan Kerjasama Akademi Kepolisian UiTM**



**Program Sumbangan Juadah Berbuka Puasa Berbentuk Pisang Cavendish yang telah Disumbangkan oleh Koperasi Desa Muara Hujung Rintis Berhad dan Bahagian Penyelidikan & Inovasi, UCS Kepada Pelajar-Pelajar yang Menginap di Kolej Kediaman UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam.**




**Perbincangan bersama Pengarah Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah, Lumut Perak**



**Taklimat Projek Biodegradable Hub di Perak Tengah bersama Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah**




**Mesyuarat 'Task Force' UCS-PERNAS Program Usahasama bersama PERNAS**



**Mesyuarat bersama Industri Syarikat Belus Tera Sdn. Bhd mengenai Kerjasama Penyelidikan Kunyit Hitam**



**Kerjasama Penyelidikan Pokok *Mitragyna Speciosa* (Pokok Ketum) bersama Next Generation Oil Sdn. Bhd, Rektor UiTM Pahang dan Dekan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM**



**Program Trigona Extension@PI (Knowledge Transfer Program) Anjuran Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS di Greenhouse UCS**



**Lawatan dan Perbincangan Penyelidikan bersama Pihak Industri, Next Generation Oil Sdn. Bhd dan UiTM Cawangan Pahang**



**Menyertai Selangor Research & Development and Innovation Expo (SRIE) 2021 di Kuala Lumpur Convention Center**



**Perbincangan mengenai MoU di antara UiTM bersama Koperasi Desa Muara Hujung Rintis Sdn. Bhd dan Kerajaan Negeri Perak (Diwakili Pejabat Daerah Dan Kecil Kg. Gajah)**



**Perbincangan mengenai Strategi Meningkatkan Penyelidikan Dan Penarafan UiTM bersama YBhg. Prof. Ts. Dr. Nor Hayati Saad, Penolong Naib Canselor (Strategi), Bahagian Transformasi Universiti**



## **2.6 Penutup**

Pada tahun 2021 Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan usaha untuk meningkatkan kualiti penyelidikan, penerbitan, inovasi, perundingan, aktiviti khidmat masyarakat serta lain-lain aktiviti yang membantu dalam setiap kecemerlangan yang dicapai. Pencapaian ini hasil kesepaduan dan keteguhan semua warga UiTM Cawangan Selangor dalam mengekalkan hala tuju universiti ke peringkat global.

Tahun 2021 juga telah berakhir dengan kesudahan yang cukup sempurna dan sudah tentu banyak kejayaan yang dikecapi pada tahun tersebut. Buku Laporan Tahunan UCS ini diterbitkan sebagai penanda aras dan rujukan untuk penambahbaikan program-program yang akan datang di Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor. Banyak lagi program-program lain yang dijalankan dan memberi impak kepada universiti dan masyarakat.



**Jaringan,  
Industri,  
Komuniti &  
Alumni**

## 3.0 Jaringan, Industri, Komuniti & Alumni

### 3.1 Pengenalan

Bahagian Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE), UiTM Cawangan Selangor merupakan salah satu PTJ di bawah UiTM Cawangan Selangor (UCS) yang diwujudkan pada 2016 dan dikenali sebagai Bahagian iCARE. Bahagian iCARE bermula dengan pelantikan Timbalan Rektor iCARE pada 1 Januari 2016. Seterusnya pelantikan Ketua Unit telah dibuat berkuatkuasa 15 Februari 2016.

Bermula 1 Mac 2016, penempatan yang telah diterima oleh Bahagian iCARE adalah seorang Penolong Pendaftar (N44), dua (2) orang Pegawai Eksekutif (N29) dan seorang kerani (N19) bagi menggerakkan lima (5) fungsi Bahagian iCARE.

Mulai 1 Mac 2017, penempatan yang diterima oleh Bahagian iCARE adalah seorang Penolong Pendaftar (N41), seorang Pegawai Eksekutif (N29) dan seorang kerani (N19) bagi menggerakkan lima (5) fungsi Bahagian iCARE yang telah diperincikan. Bahagian iCARE bertanggungjawab terus kepada Rektor UiTM Cawangan Selangor.

### 3.2 Fungsi / Teras Utama

#### Fungsi Bahagian iCARE

Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE) mempunyai enam (6) fungsi utama yang dipertanggungjawabkan seperti berikut :

#### 3.2.1 Jaringan Industri

- Menjalinkan hubungan dengan Industri untuk tujuan kebolehpasaran pelajar, projek penajaan pendapatan dan pendanaan.
- Menyampaikan maklumat berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan kepada Industri melalui UCS.

#### 3.2.2 Jaringan Komuniti

- Jalinan dengan komuniti bagi tujuan Tranformasi Komuniti dengan menjalankan aktiviti kemasyarakatan dengan kerjasama persatuan pelajar.
- Menyampaikan maklumat berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan kepada komuniti melalui UCS.

#### 3.2.3 Jaringan Alumni

- Jaringan hubungan dengan Alumni melalui perkongsian ilmu, pengalaman dan peluang bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar serta potensi pendanaan pada masa akan datang.



### 3.2.3.1 Keusahawanan

- Menjayakan aspirasi UiTM sebagai Universiti Keusahawanan dengan memberi perkhidmatan khidmat nasihat, penyediaan ruang untuk aktiviti keusahawanan yang membawa keuntungan bersama semua pihak.

### 3.2.3.2 Ruang Niaga

- Menyelaras dan menguruskan semua proses ruang niaga yang melibatkan syarikat luar dari segi permohonan, mesyuarat, temuduga, tawaran perniagaan, pemantauan dan penguatkuasaan.

### 3.2.3.3 Pentadbiran

- Menguruskan hal ehwal pejabat, staf dan fungsi iCARE
- Menguruskan pelaksanaan urusan pentadbiran, operasi, kewangan, sistem maklumat dan perkhidmatan pelanggan berkaitan iCARE

## 3.3 Pencapaian KPI dan PI UiTM Cawangan Selangor di bawah peneraju MASMED dan Bendahari

Bahagian iCARE telah diamanahkan untuk melaksanakan dua (2) KPI dan PI di bawah peneraju MASMED dan Bendahari. Jumlah sasaran yang telah dicapai adalah seperti berikut :

Bil	KPI & PI	No. PI	Sasaran	Pencapaian
1.	Number of entrepreneurship collaboration	29	2	2
2.	Income generation from asset monetisation including rental or leasing of university assets	113	3 Juta	3 Juta

Dua (2) KPI dan PI telah melebihi sasaran yang ditetapkan berdasarkan penglibatan dan jaringan kerjasama dengan industri dan komuniti.

### 3.3.1 Laporan MoU dan MoA

#### i. MoA UiTM - Malaysian Timber Industry Board (MTIB)

- Perjanjian ini bertujuan menjalin kerjasama bagi menghasilkan *Coffeetable Book* mengenai Rumah Warisan Salinger
- Hasil buku terbitan bersama oleh UiTM dan MTIB ini adalah untuk edaran peringkat nasional dan antarabangsa
- FSPU merupakan *anchoring faculty* bagi MoA ini

#### ii. MoU UiTM - Genki Tamago (M) Sdn Bhd

- Perjanjian ini bertujuan untuk membantu dalam pelaksanaan program latihan pelajar

- Selain itu juga kedua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam penganjuran persidangan, kursus pendek dan pelaksanaan kajian bersama
- FBM merupakan *anchoring faculty* bagi MoA ini


### iii. MoU UiTM - Nitkertz Malaysia Sdn Bhd

- Perjanjian dimeterai bertujuan membantu melahirkan lebih ramai usahawan muda dikalangan pelajar yang baru menamatkan pengajian
- Ini bertujuan mewujudkan lebih banyak pekerjaan kepada penganggur melalui inisiatif pendidikan menerusi program mesin penjual makanan panas
- FBM merupakan *anchoring faculty* bagi MoA ini

### iv. MoU UiTM - Sekolah Kebangsaan Puncak Alam

- Perjanjian ini bertujuan untuk berkolaborasi dalam penganjuran program berasaskan komuniti, seminar dan perkongsian ilmu
- Ini termasuk kerjasama dalam mana-mana bidang lain yang merupakan usaha berasaskan nilai yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dari semasa ke semasa

## MoU dan MoA



## 3.3.2 Laporan Aktiviti Bersama Komuniti

### 3.3.2.1 Program anjuran bersama UiTM - SKPA 1

Hasil perbincangan dan kerjasama antara UiTM Cawangan Selangor dan Sek. Keb. Puncak Alam, pihak sekolah telah mengadakan program motivasi kepada guru-guru, ibu bapa dan pelajar mulai Julai 2021 dengan menjemput penceramah daripada pihak UiTM Cawangan Selangor mengikut kepakaran masing-masing semasa Pandemik Covid 19 melanda negara.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**SEKOLAH KEBANGSAAN PUNCAK ALAM**  
**SEKOLAH KEBANGSAAN JERAM**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

# SEMINAR GIGI SIHAT SENYUMAN MENAWAN TAHUN 2021

11 OGOS 2021 / RABU / 10.00 Pagi  
Secara online : Google Meet

**EN NOR HAMIDI BIN MOHD ANSOR**  
GURU BESAR SK PUNCAK ALAM

**PN HAJAH HASNITA BT HASSAN**  
GURU BESAR SK JERAM

**PENCERAMAH JEMPUTAN**  
**PN MARINA BT ISMAIL**  
KETUA UNIT PERGIGIAN, PUSAT KESIHATAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**SEKOLAH KEBANGSAAN PUNCAK ALAM**

# SAHSIAHKU MANTAP DIRIKU HEBAT PDPR KU CEMERLANG

PROGRAM MOTIVASI PERDANA

**PENCERAMAH JEMPUTAN:**  
EN. AHMAD JANAI DI BIN ABD GHANI  
(TIMBALAN PEGAWAI PSIKOLOGI  
UITM SHAH ALAM

**TARIKH :** 30 SEPTEMBER 2021  
**MASA :** 10.00 PG-12.00 TGH HARI.  
**SASARAN :** MURID-MURID TAHAP 1  
**PELANTAR :** GOOGLE MEET

**PERASMI:**  
NORHAMIDI BIN MOHD ANSOR  
(GURU BESAR SK PUNCAK ALAM



Aktiviti ceramah pengurusan *stress* kepada ibu bapa dan guru melalui *google meet*

### 3.3.2.2 Santai UiTM bersama Komuniti Sekolah

Pada 8 Oktober 2021, satu program Santai Komuniti Sekolah telah diadakan di Richiamore, Coffe Hipster, Kompleks At-Tijarah, UiTM Kampus Puncak Alam anjuran Bahagian Hubungan Industri, Komuniti Alumni & Keusahawanan (iCARE) dengan kerjasama Sek. Keb. Puncak Alam. Tujuan penganjuran program adalah hasil kerjasama dan hubungan erat selama ini antara komuniti dalam menganjurkan program, seminar dan komuniti berasaskan perkongsian pengetahuan. Di samping itu, turut menekankan kerjasama dalam bidang lain yang merupakan usaha berdasarkan nilai yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

Program secara ringkas dipengerusikan oleh Puan Juliana Saadun dan dimulakan dengan bacaan doa yang telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Azlan Md Aris selaku Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, UiTM Cawangan Selangor dan salah seorang penceramah motivasi kepada pihak sekolah. Seterusnya ucapan aluan oleh Rektor UiTM Cawangan Selangor, Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah serta ucapan terima kasih daripada En Norhamidi Bin Mohd Anzor selaku Guru Besar SK Puncak Alam. Turut hadir dalam program berkenaan adalah Encik Mohd Hairuddin Saman dari Sektor Pengurusan Sekolah Pejabat Pendidikan Daerah, Kuala Selangor.

Seterusnya pemberian cenderahati diberikan kepada penceramah atas sumbangan kepakaran masing-masing. Akhir sekali sedikit jamuan makan minum kepada semua hadirin yang hadir dan bergambar bagi kenang-kenangan sebelum bersurai.



### 3.3.2.3 Perjanjian Persefahaman MoU antara UiTM dan SKPA

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Sek. Keb. Puncak Alam (SKPA) telah berlangsung dalam satu majlis ringkas pada 9 Disember 2021. Perjanjian ini bertujuan mengadakan kerjasama dan meneroka peluang untuk membangun, menyokong dan memperkaya pembangunan pendidikan dimensi baru. UiTM meneruskan usaha memberi nilai tambah kepada perkembangan dan keperluan pendidikan tinggi semasa menerusi kerjasama pintar dengan pihak sekolah untuk membantu dan menyokong satu sama lain terutama melibatkan projek-projek yang saling memberi manfaat kepada kedua pihak termasuk komuniti sekitar.

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor dan Tuan Norhamidi Bin Mohd Anzor, Guru Besar SK Puncak Alam. Majlis yang diadakan di UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam ini telah disaksikan oleh YBhg. Profesor Madya Sr Dr Rosmadi Ghazali, Timbalan Rektor Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan UCS, UiTM dan Tuan Hj. Mohd Azuan Bin Mohd Nawawi, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor.

Prof Dr Ahmad Sazali Hamzah menyatakan, MoU ini membuka ruang kepada pakar-pakar dalam pelbagai bidang di UiTM berkongsi ilmu kepada para guru dan pelajar bagi terus merencanakan momentum pengajaran di kedua institusi. Penyelidikan bersama juga harus dijalankan secara berterusan bagi menyelesaikan isu berkaitan pendidikan semasa terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara digital.



(Dari kanan) Tuan Hj. Mohd Azuan Bin Mohd Nawawi, Tuan Norhamidi Bin Mohd Anzor, YBhg. Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah dan Profesor Madya Sr Dr Rosmadi Ghazali.



Cenderahati oleh UiTM buat Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor



Team UiTM dan SKPA

### 3.3.3 Laporan Ruang Niaga

Program bual bicara *iCarepreneur* ialah satu program yang dianjurkan oleh Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (iCARE), dengan kerjasama pihak berkaitan seperti Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Polis Bantuan dan Unit Kesihatan untuk memberi taklimat kepada semua peniaga yang baru mendapatkan tawaran menjalankan perniagaan daripada UiTM. Program ini telah dijalankan pada 9 Mac 2021 di Dewan Serbaguna, Kolej Angsana.

Program bermula pada pukul 9 pagi sehingga jam 1.00 ptg. Penceramah jemputan yang telah memberi taklimat semasa program adalah Prof. Madya Sr. Dr. Rosmadi Ghazali Timbalan Rektor iCARE, Ustaz Saiful Anuar Mohamed Sani Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Pn. Razatul Faheeda Razak Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Unit Kesihatan dan DSP Yuzaini Ridzuan Yusof, Pegawai Keselamatan Kanan, Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam.



### 3.4 Penganjuran Program Berimpak Tinggi

#### 3.4.1 Perasmian Affin Islamic @Kompleks AI-Tijarah Mac 2021

Kerjasama Kolaborasi UiTM bersama Affin Bank dalam pembinaan Kompleks At-Tijarah di Kampus Puncak Alam telah memberi impak besar kepada UiTM Cawangan Selangor di mana Affin Islamic Bank telah bersetuju memberi endowmen 4.5 juta bagi membina bangunan berkenaan. Program perasmian Affin Bank dan Tea Live pada Mac 2021 di Kompleks At-Tijarah, UiTM Cawangan Selangor bertujuan untuk meningkatkan *Visibility* UCS dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Affin Islamic Bank bersama Pengurusan UiTM serta liputan meluas di media yang mengetengahkan kampus UiTM Puncak Alam sebagai kampus yang dilengkapi fasiliti perbankan sepenuhnya buat warganya.





AGIL Natt menandatangani plak perasmian pembukaan cawangan di dalam ruang perbankan cawangan Affin Bank Kampus Puncak Alam. Turut hadir, Wan Razly Abdullah Wan Ali dan Bryan Loo.

Laporan akhbar di UTUSAN MALAYSIA bertarikh 8 April 2021 melaporkan kerjasama antara Affin Bank dan Tealive memperkenalkan konsep perbankan sosial yang unik di cawangan Affin Bank Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam. Kerjasama itu dalam usaha memberikan pengalaman baharu kepada para pelanggan bank di mana mereka dapat menikmati minuman kegemaran sambil melakukan aktiviti perbankan mengikut keselesaan sendiri dalam persekitaran sebuah kafe.

Datuk Wan Razly Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Affin Bank dalam ucapannya menyatakan pembukaan cawangan itu merupakan satu kemajuan yang progresif oleh Affin Bank dalam menerapkan konsep perbankan baharu ini, menjadikan pengalaman perbankan lebih mudah oleh pengguna lebih muda yang mempunyai kebiasaan berhubung secara digital.

Manakala Bryan Loo, dari Tealive pula menyatakan kerjasama dengan Affin Bank satu lagi kejayaan yang akan meningkatkan Tealive ke tahap lebih tinggi dalam melayani pelanggan serta menyebarkan budaya teh gaya hidup moden di Malaysia. Integrasi perkhidmatan perbankan yang bergabung dengan pilihan runcit gaya hidup ini akan menjadikan jenama Tealive kekal relevan untuk memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah.



### 3.4.2 Perasmian Richiamo di Kompleks Al-Tijarah

Majlis Perasmian Richiamo di Kompleks Al -Tijarah pada 23 November 2021 ini telah meningkatkan *visibility* UiTM Cawangan Selangor (UCS) melalui kerjasama Unit Perkhidmatan OKU UiTM yang merupakan sebuah unit dibawah seliaan Pejabat Naib Canselor bagi memperkasakan warga OKU UiTM.

UiTM Cawangan Selangor (UCS) telah mendokong hasrat universiti dalam membangunkan projek keusahawanan sosial yang pertama dan merealisasikan inisiatif UiTM dalam menyahut aspirasi kerajaan Malaysia ke arah menjadikan universiti awam lebih inklusif. Ini terbukti dengan kewujudan kafe yang mesra OKU, bukan sahaja buat pekerja OKU malahan mesra kepada pengunjung OKU. Usaha ini tidak akan terhenti di sini, UCS akan terus menyokong usaha universiti bagi memperkasakan warga OKU UiTM.

Laporan akhbar UTUSAN MALAYSIA bertarikh 22 November 2021 melaporkan inisiatif Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam memperkasa 120 mahasiswanya yang merupakan orang kurang upayanya (OKU) dengan memberikan latihan bagi peningkatan kemahiran golongan itu. Malah, latihan sama juga turut diberikan kepada 80 mahasiswa B40 menerusi program Upskilling Programme for OKU & B40: No One Left Behind yang dijalankan secara dalam talian dengan kerjasama syarikat Richiamo Coffee Sdn. Bhd. dan Kumpulan Awan Biru Teknologi (Awantec) Berhad.

Naib Canselor UiTM, Prof. Ts Roziah Mohd. Janor menyatakan Unit Perkhidmatan (OPU) UiTM dan dua syarikat tersebut akan bekerjasama untuk satu jangkamasa bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif pendidikan melalui dalam talian dan bekerja di

Richiamo Coffee. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UiTM dengan Richiamo Coffee dan Awantec di UiTM Puncak Alam. Turut menghadiri program ini adalah Ahli Dewan Negara, Datuk Ras Adiba Radzi yang menyaksikan MoU itu ditandatangani oleh UiTM, Ketua Pegawai Eksekutif Awantec Berhad, Dr. Abu Hassan Ismail dan Pengarah Urusan Richiamo Coffee, Muhd.Zamry Abu Samah. Selain itu, turut hadir memeriahkan majlis perasmian terdiri daripada Pengurusan UCS iaitu Rektor UiTM Cawangan Selangor, Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Mantan Rektor UCS, Timbalan Rektor UCS dan Pengarah Kanan, Jabatan Komunikasi UiTM Datin Dr. Norazida Mohamad dan pihak sekolah SMK Meru.



### 3.5 Penutup

Secara keseluruhannya, Bahagian iCARE telah memberi komitmen penuh bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh Universiti dan ianya selaras dengan fungsi penubuhan jabatan. Walau bagaimanapun dalam suasana pandemik Covid-19, pihak iCARE masih berjaya mencapai KPI dan PI yang ditetapkan oleh Universiti. Melalui kerjasama yang akrab di antara PTJ-PTJ dalaman dengan pihak industri dan komuniti yang sentiasa memberi komitmen berterusan dengan mengorak langkah ke hadapan dengan mengadakan pelbagai program berimpak tinggi dan ianya terbukti melalui jalinan kerjasama program yang telah dijalankan dengan pihak industri dan komuniti. Sebagai sebuah organisasi yang diberi kepercayaan dan tanggungjawab dalam hal urusan industri dan komuniti, Bahagian iCARE menjadi pemangkin dan peneraju untuk merealisasikan dasar-dasar universiti sebagai universiti terulung di Malaysia.



A decorative graphic consisting of a large orange parallelogram on the left and a grey trapezoid on the right, both set against a dark purple background. The text is positioned on the grey trapezoid.

**Pencapaian  
Pelajar dan  
Aktiviti  
Persatuan**

## 4.0 Pencapaian Pelajar dan Aktiviti Persatuan

### 4.1 Pengenalan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Selangor (UCS) merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan menyediakan kemudahan seperti penginapan, sukan dan kebajikan pelajar. Dalam masa yang sama, ianya berfungsi dalam membangunkan potensi diri pelajar supaya menjadi insan yang sepadu dengan unsur-unsur rohani, jasmani, emosi dan intelek seperti di garis oleh Falsafah Negara. HEP UCS diterajui oleh Timbalan Rektor (HEP) iaitu Prof. Madya Dr. Badrul Isa dan dibantu oleh kakitangan yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan dan Profesional, Staf Sokongan I dan II (Kumpulan Pelaksana).

Terdapat tujuh (7) unit bernaung di bawah pentadbiran bahagian Hal Ehwal Pelajar yang menawarkan berbagai-bagai perkhidmatan kepada pelajar-pelajar UiTM Cawangan Selangor. Berikut merupakan senarai unit-unit serta perkhidmatan yang ditawarkan HEP UCS:

Unit	Perkhidmatan
Unit Pentadbiran Am	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pentadbiran Am HEP</li> <li>• Aktiviti Persatuan/MPP/ MDS</li> <li>• Pengurusan Tabung Amanah HEP</li> <li>• Pengurusan Tatatertib</li> <li>• Pengurusan Pinjaman PTPTN/Biasiswa</li> <li>• Pengurusan Kebajikan Pelajar</li> </ul>
Unit Pengurusan Kolej dan Unit NR	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan Pelajar yang Merangkumi Pendaftaran dan Agihan Penempatan Pelajar Dan Rayuan Penempatan Kolej</li> <li>• Pengendalian Bayaran Yuran-Yuran</li> <li>• Pendaftaran, Penguatkuasaan dan Pemantauan Penggunaan Barangan Elektrik</li> <li>• Pengecualian Bayaran Kolej</li> <li>• Insentif Makan</li> <li>• Penempatan Pelajar Kurang Upaya (OKU)</li> <li>• Pengurusan Tatatertib Kolej Termasuk Pengendalian Saman, Pengendalian Kompaun dan Perbicaraan Tatatertib</li> </ul>
Unit Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan Perubatan &amp; Kesihatan</li> <li>• Perkhidmatan Farmasi</li> <li>• Perkhidmatan Makmal Perubatan</li> <li>• Penyelenggaraan Peralatan Perubatan</li> <li>• Rekod &amp; Pentadbiran</li> </ul>
Unit Sukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan dan Kemudahan Sukan</li> <li>• Penggalakan dan Pentadbiran Sukan</li> </ul>
Unit Kerjaya & Kaunseling	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan Kaunseling</li> <li>• Perkhidmatan Kerjaya</li> <li>• Perkhidmatan Psikologi Staf</li> <li>• Kemudahan Terapi</li> </ul>

Unit Kokurikulum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan Latihan Kursus Kokurikulum</li> <li>• Pengurusan Jurulatih Kokurikulum</li> <li>• Kemudahan dan Logistik Kokurikulum</li> <li>• Pengurusan Pegawai Kehormat Kesatria</li> </ul>
Unit Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan tempahan enam (6) buah Studio Kebudayaan</li> <li>• Menyediakan pinjaman kostum dan peralatan kebudayaan kepada pelajar dan staf</li> <li>• Memberi khidmat nasihat kepada pelajar berkenaan Kesenian dan Kebudayaan</li> <li>• Staf Unit Kebudayaan bertindak sebagai Penasihat kepada persatuan</li> <li>• Khidmat Jurulatih Kebudayaan</li> <li>• Memantau aktiviti kesenian dan kebudayaan yang dijalankan oleh pelajar</li> </ul>

#### 4.1.1 Fungsi / Teras Utama

Selain memberi perkhidmatan dan kemudahan yang menyeluruh dan sempurna bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran dan tempat tinggal yang selesa, ceria dan selamat. Warga Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor sentiasa komited merangka serta melaksanakan program pembangunan pelajar yang bersepadu dan berterusan bagi mempunyai nilai tambah (*value added*) dalam mewujudkan graduan yang bersifat holistik.

Berikut merupakan senarai fungsi HEP UCS:

- 4.1.1.1 Menyelaraskan perhubungan pelajar-pelajar dengan pengurusan UiTM, Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan pertubuhan-pertubuhan luar.
- 4.1.1.2 Menyelaraskan semua kegiatan pelajar sama ada yang dijalankan di dalam atau di luar UiTM.
- 4.1.1.3 Menyediakan kemudahan penempatan dan makanan kepada pelajar-pelajar yang tinggal di kolej-kolej kediaman.
- 4.1.1.4 Menyediakan kemudahan perkhidmatan perubatan kepada pelajar
- 4.1.1.5 Menyediakan kemudahan riadah di dalam kampus.
- 4.1.1.6 Menyelaras bantuan kewangan dan lain-lain kemudahan yang berkaitan dengan pelajar.
- 4.1.1.7 Menjaga ketenteraman dalam kampus melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan Undang-Undang Malaysia Akta 174 Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

## 4.2 Pencapaian Hal Ehwal Pelajar Tahun 2021

Hal Ehwal Pelajar telah diberi sebanyak 16 *Performance Indication* (PI) melalui Bahagian Transformasi Universiti UiTM pada tahun 2021. Kesemua PI telah berjaya di capai dengan jayanya. Berikut merupakan pencapaian PI daripada HEP UiTM Cawangan Selangor.

<b>BIL</b>	<b>PI NO</b>	<b>PI DESCRIPTION</b>	<b>PI TARGET</b>	<b>PI ACHIEVED</b>
1	31	<i>Number of student activities related to community which is an educational approach that combines learning objectives with community service in order to provide a pragmatic, progressive learning experience while meeting societal needs.</i>	16 program	129 program
2	32	<i>Number of communities involved in students' activities related to credited courses in relation to service-learning activities which is an educational approach that combines learning objectives with community service in order to provide a pragmatic, progressive learning experience while meeting societal needs.</i>	8 komuniti	129 komuniti
3	33	<i>Number of fulltime undergraduate students (diploma &amp; degree) involved in activities related to credited courses in relation to service learning.</i>	500 pelajar	1193 pelajar
4	36	<i>Number of student participants in career activities organised by UKK and/or faculty, campus and companies.</i>	50 pelajar	6114 pelajar
5	37	<i>Number of companies involved in career activities</i>	4 syarikat	125 syarikat
6	38	<i>Students' satisfaction percentage on career guidance programme</i>	80%	98.73%
7	39	<i>Students' satisfaction toward residential college services, facilities &amp; learning spac</i>	85%	95%
8	40	<i>Number of students involved in communication skill related programmes.</i>	950 pelajar	1891 pelajar
9	41	<i>Number of students involved in international programmes</i>	178 pelajar	333 pelajar
10	42	<i>Number of students involved in e-sports.</i>	115 pelajar	169 pelajar
11	43	<i>Number of value-added programmes with certification by an authorised organisation organised by residential colleges.</i>	2 program	2 program
12	44	<i>Number of undergraduate students participated in value-added skills programmes with certification by an authorised organisation organised by residential colleges.</i>	200 pelajar	798 pelajar
13	46	<i>Number of students involved in creative industry programs</i>	50 pelajar	6044 pelajar
14	47	<i>Number of students involved in invention and innovation activities</i>	356 pelajar	432 pelajar
15	48	<i>Number of student's engagement with international peers</i>	100 pelajar	5971 pelajar
16	50	<i>Number of programs related to emotional well-being</i>	2 program	4 program



## 4.3 Penganjuran Program Berimpak Tinggi Hal Ehwal Pelajar

### 4.3.1 Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (Verdik 21)

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) berpadu tenaga dalam menganjurkan Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21) yang berlangsung dari Mac hingga Ogos 2021. Pelajar melengkapkan larian secara atas talian (virtual) di kediaman masing-masing dan data larian mereka diterima untuk direkodkan sebagai memenuhi keperluan PAJSK. Larian secara virtual ini merupakan alternatif kepada acara merentas desa yang lazimnya dijalankan di sekolah sebelum pandemik melanda.

VERDIK21 telah berjaya melibatkan penyertaan 31,921 pelajar sekolah di peringkat rendah dan menengah seluruh Malaysia. Jumlah ini membolehkan pihak penganjur menempa nama di dalam *the Malaysia Book of Records* (MBR) untuk larian virtual melibatkan pelajar sekolah paling ramai.



### 4.3.2 Program Pertandingan Rekaan Poster Digital Bulan Kebangsaan 2021 dan Program Ceria Perpaduan

Sekretariat Rukun Negara UiTM Cawangan Selangor dibawah Hal Ehwal Pelajar telah mendapat peruntukan sebanyak RM2,500.00 dari Kementerian Perpaduan Negara untuk mengadakan Pertandingan Rekaan Poster Digital Bulan Kebangsaan 2021 Semarak Perpaduan Rakyat pada 20 Ogos 2021 – 3 September 2021.



Selain itu juga Kementerian Perpaduan Negara Putrajaya telah bersetuju untuk memperuntukkan RM20,000.00 kepada Sekretariat Rukun Negara UiTM Cawangan Selangor bagi Program Ceria Perpaduan. Program Ceria Perpaduan ini melibatkan sembilan (9) buah Tabika Perpaduan Putrajaya yang diberi wajah baru melalui lukisan yang mempunyai nilai perpaduan rakyat Malaysia. Lukisan ini telah direka oleh Pensyarah dari Fakulti Senilukis dan Senireka UiTM dan penglibatan pelajar dari Kampus Puncak Alam dan Kampus Dengkil untuk merealisasikan lukisan ini di kesemua sembilan (9) buah tabika perpaduan Putrajaya.



### 4.3.3 Program National Inter Medical College Colloquy I (NIMCC I) 2021

Ini merupakan sebuah program interaksi dan pertukaran maklumat antara kolej-kolej kediaman perubatan di Malaysia. NIMCC 2021 melibatkan wakil UiTM Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Sungai Buloh dan Selayang, Kolej Kasturi UNIMAS, Kolej Tun Dr. Ismail UKM, dan juga Majlis Penghuni Desasiswa Murni Nurani USM. Pelaksanaan program adalah dengan matlamat utama untuk memulakan satu hubungan persahabatan dan profesional antara kolej kediaman beraliran perubatan di Malaysia. Hal ini adalah penting dalam mewujudkan suatu platform hubungan yang tiada sempadan terutamanya dalam aspek komunikasi dan pelaksanaan sesebuah program bersama di masa hadapan.

Program ini terbahagi kepada dua (2) sesi di mana sesi pertama adalah sesi perkongsian maklumat daripada setiap universiti mengenai tadbir urus pengurusan kolej masing-masing. Sesi kedua merupakan ceramah di mana terdapat empat (4) sesi ceramah yang telah berlangsung. Antara penceramah yang terlibat ialah Dr. Zainal Adwin, Dr. Khairul Hafiz, Dr. Jezamine Lim dan En. Nadir Al-Nuri.

Dengan kehadiran seramai 634 peserta, pelajar dapat bertukar maklumat dalam bidang pengurusan kolej perubatan di samping mengasah bakat kepimpinan pelajar dalam mengendalikan program di peringkat kebangsaan. Selain itu, hubungan baik antara kolej-kolej perubatan turut terjalin dan pada masa yang sama dapat mengharumkan nama UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang. Program ini turut membincangkan tentang isu-isu berkaitan medikal dan antarabangsa yang telah memberi banyak manfaat kepada para peserta yang hadir.




### 4.3.4 International Webinar Series: Higher Education Students Edition

Program ini merupakan sebuah program bertaraf antarabangsa anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Jasmine, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana sesi 2020/2021.

Program ini melibatkan 44 rakan kolaborasi yang terdiri dari Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kampus Cawangan selain UiTM Cawangan Selangor, Fakulti, Majlis Perwakilan Pelajar dari Shah Alam dan Cawangan, Non-Government Organization, Universiti Luar Negara dari Brunei dan Indonesia serta persatuan dalaman UiTM Cawangan Selangor.

Program ini bermula sepanjang 17 Jun 2021 hingga 21 Jun 2021 dan pelajar terlibat telah berjaya menerapkan semangat kerjasama, nilai-nilai murni dan toleransi antara kepimpinan mahasiswa yang menganjurkan program ini.



### 4.3.5 International Webinar Communication X Career (IWCC)

Program “Communication X Career” ini telah memberikan beberapa impak yang positif dan baik bagi kesemua peserta dengan dapat menerapkan semangat kerjasama dan toleransi di antara kepimpinan dan mahasiswa. Selain itu, program ini dapat memberikan peserta ilmu pengetahuan dan berkongsi ilmu berkenaan dengan ilmu “Communication X Career” di peringkat antarabangsa.

Dalam masa yang sama, ia dapat meningkatkan pengetahuan am pelajar terhadap pemilihan kerjaya kelak yang menitikberatkan penguasaan komunikasi yang baik dan juga dapat memberi kesedaran kepada para pelajar bahawa pentingnya dalam menguasai teknik komunikasi. Pelajar daripada tiga (3) negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Jerman akan membincangkan “Communication” manakala alumni atau tetamu jemputan akan membincangkan tentang “Career”.

### 4.3.6 Bengkel Asas Bahasa Isyarat

Bengkel Asas Bahasa Isyarat dikenali sebagai BBI merupakan sebuah program kesedaran dan bengkel asas komunikasi Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). BBI juga telah dirasmikan oleh Timbalan Rektor HEP, Profesor Madya Dr. Badrul bin Isa. Program ini dijayakan dengan kerjasama daripada Unit Perkhidmatan OKU (UPO) dan UiTM Inspirational and Inclusion Club (UIIC).

Tenaga pengajar dan jurubahasa adalah daripada Malaysian Federation of The Deaf (MFD) yang mengajar para peserta asas komunikasi bahasa isyarat dalam mod kumpulan kecil dalam platform Webex. Seramai 125 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, staf dan orang awam.

Penyertaan program ini penuh dalam masa beberapa jam ia dibuka (100 slot) dan atas permintaan ramai, 25 slot tambahan dibuka. Maklum balas yang diberikan pada akhir program turut amat memberangsangkan dan ramai peserta yang ingin menyertai bengkel ini sekiranya peringkat kedua (2) diadakan.

**BENGKEL ASAS BAHASA ISYARAT**

29 MEI 2021 (SABTU) | PLATFORM: Cisco Webex  
 2:00 p.m. - 4:00 p.m.

**PENCERAMAH: JEMPUTAN KHAS DARIPADA MALAYSIAN FEDERATION OF THE DEAF**

**!!! TERBUKA KEPADA 125 PESERTA SAHAJA!**  
**Yuran Penyertaan:**  
 Mahasiswa/i UiTM RM 5  
 Staf UiTM/Orang Awam RM 15

**E-sijil disediakan**  
 (Jam latihan disediakan bagi Staf UiTM)

Imbas kod QR untuk mendaftar

**Sebarang pertanyaan, boleh hubungi:**  
 017-5901269 (JPK Syahidah)  
 013-6991245 (JPK Natasha)

Dengan Kerjasama: COLLABORATIVE GROUP INCLUSIVE EDUCATION | MFD

#### 4.3.7 UCS Virtual Career Week 2021

Program UCS Virtual Career Week ini telah dilaksanakan dengan dua aktiviti utama iaitu Temu Duga Pekerjaan dan Temu Duga Latihan Industri dilaksanakan sepenuhnya atas talian yang melibatkan masing-masing 22 syarikat menawarkan jawatan kosong dan 28 syarikat menawarkan peluang penempatan industri, seramai 466 pelajar UiTM telah mendaftar untuk mendapatkan peluang temu duga ini dan sebanyak 160 jawatan kosong ditawarkan melalui laman sesawang tehtarik.com.

Aktiviti kedua adalah Slot Perkongsian Industri melalui ceramah kerjaya juga dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian yang disampaikan oleh wakil syarikat daripada 26 buah syarikat. Penyertaan seramai 8,773 pelajar pada 35 slot perkongsian industri yang diadakan sepanjang UCS Virtual Career Week berlangsung dengan peratusan kepuasan hati peserta. secara keseluruhan sebanyak 99.3%

Kejayaan penganjuran UCS Virtual Career Week 2021 ini adalah hasil sinergi antara Unit Kerjaya & Kaunseling BHEP, 12 Fakulti di UCS dan 1 Fakulti daripada UiTM Shah Alam sebagai Rakan Kolaborasi Fakulti serta kolaborasi bersama Rakan Strategik Industri iaitu Agensi Pekerjaan BTC Sdn. Bhd., Gradmalaysia, GenYouth Sdn. Bhd. dan CIMB Berhad.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor

# UCS VIRTUAL CAREER WEEK

16<sup>th</sup>- 20<sup>th</sup> August 2021

More than 20 companies will involve in this first UiTM Cawangan Selangor Virtual Career Week

Some of the Invited Companies for Industrial Sharing Session:

Star MEDIA GROUP MFB THOMSON HOSPITAL IKEA RHB Excelife Maybank media prima

TalentCorp Marriott INTERNATIONAL KPMG Nestle SME BANK GROUP

In Collaboration With:

gradmalaysia Graduate jobs, internships & careers advice BTC Teh Tarik GenYouth Empower Youth - Enlighten their Future CIMB

#### 4.3.8 Webinar Kaunseling Kebangsaan 2021: Dimensi Minda Sihat

Webinar ini dihadiri 131 orang peserta yang terdiri daripada 62 orang staf atau orang awam serta 69 orang pelajar IPTA/IPTS di seluruh Malaysia. Objektif pelaksanaan webinar ini ialah menjadi platform kepada individu mendapatkan pendedahan ilmu dalam membina kesejahteraan psikologi yang sihat.

Selain itu, dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan kaunselor dan pegawai psikologi serta menyalurkan maklumat dan pandangan daripada jemputan pakar dalam bidang tersebut. **Janaan keuntungan pendapatan** hasil penganjuran program Webinar Kaunseling Kebangsaan ini adalah sebanyak RM310 hasil bayaran penyertaan daripada para peserta.

WEBINAR HEALTH AWARENESS SIRI 3/2021

**DIABETES AWARENESS MONTH** LIVING WITH DIABETES

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor

**18 NOV 2021** KHAMIS 9.30PAGI-12.30TENGAH HARI  
<https://www.facebook.com/ukesucs>

**AHMAD HUZAIFAH USOH @ YUSOFF**  
PEGAWAI PEMAKANAN & DIETETIK  
FAKULTI SAINS KESIHATAN  
UiTM KAMPUS PUNCAK ALAM

**DR. ZITI AKHTAR SUPIAN**  
PAKAR PERUBATAN KELUARGA  
KLINIK KESIHATAN  
SERI KEMBANGAN

**MOHD IHSAM ABDULLAH**  
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN  
DIABETES EDUCATOR  
HOSPITAL PUTRAJAYA

#### 4.3.9 Malam Tari Tradisi, Kreatif dan Kontemporari

Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam mempersembahkan Malam Tari Tradisi, Kreatif dan Kontemporari dengan kerjasama daripada FiTA Dance Theatre, Nyala Dance Theatre dan Lantera Seni.

Malam Tari Tradisi menjadi platform untuk para koreografer dan para pelajar menonjolkan bakat dan kreativiti kepada khalayak umum melalui media sosial dan mengangkat UiTM sebagai institusi yang memartabatkan kesenian dan kebudayaan dalam aktiviti pembangunan pelajar.

Persembahan kali ini dipersembahkan secara atas talian di platform Facebook Unit Kebudayaan UiTM Cawangan Selangor dan di saluran Youtube. Sebanyak lapan (8) jenis tarian daripada pelbagai genre yang telah dipersembahkan daripada tiga koreografer hebat iaitu Encik Khairul Azhar Mohtar (Nyala Dance Theatre), Encik Muhamad Syazwan Bin Razali (Lanteras Seni) dan Encik Muhammad Fairul Azreen Bin Mohd Zahid (FiTA Dance Theatre).

Dalam usaha ke arah mengembangkan warisan seni, program ini telah menyajikan gerak tari bernafas baharu dan karya kreatif bagi menerap dan meningkatkan *softskill*



pelajar yang pastinya memberi kepuasan kepada penonton. Gabungan dan pertukaran idea daripada koreografer pastinya memberi keistimewaan tersendiri melalui tarian-tarian yang dipersembahkan.

Program ini juga dapat memupuk bakat-bakat baru dalam persada seni kreatif kepada industri terutamanya dalam bidang tari dan seterusnya menjadikan UiTM sebagai pelopor dalam bidang ini.



RENTAK TARI TRADISI, KREATIF DAN KONTEMPORARI

#### **4.3.10 Sport Leadership: Effective Leadership Influence Team Performance**

Program *Sport Leadership: Effective Leadership Influences Team Performance* merupakan sebuah program bicara forum yang membabitkan atlet kebangsaan dan antarabangsa. Panelis yang terlibat ialah Encik Victor Nirennold yang merupakan pemain antarabangsa dan Ketua Pasukan UiTM FC (Liga Super 2021) serta Cik Steffi Sarge Kaur, Ketua Pasukan Futsal Wanita Malaysia.

Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan berkesan dan mengetengahkan bakat moderator seorang mahasiswi iaitu Saudari Nurhasanah Haron daripada Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP) UiTM Cawangan Selangor. Seramai 95 orang peserta telah menyertai program yang dijalankan secara atas talian (*google meet*) melibatkan pelajar, staf dan jurulatih UiTM FC.

**SPORT LEADERSHIP: EFFECTIVE LEADERSHIP INFLUENCES TEAM PERFORMANCE**

**VICTOR NIRENNOLD**  
UTM FC CAPTAIN  
PANELIST 1

**STEFFI SARGE KAUR**  
MALAYSIA WOMEN FUTSAL CAPTAIN  
PANELIST 2

**NURHASANAH BINTI HARON**  
JSPUCS  
MODERATOR

GOOGLE MEET /// <https://meet.google.com/qcm-rnvv-aas>  
FB LIVE /// Unit Sukan UCS

ORGANIZER:  
UNIT SUKAN UiTM CAWANGAN SELANGOR  
IN COLLABORATION WITH:  
JSP UiTM CAWANGAN SELANGOR

**11AM START** **WED 25/08/21**

UiTM di Botani #kitaUiTM

#### 4.3.11 Karnival Sukan Mahasiswa UiTM “Virtual Edition 2021”

Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) “Virtual Edition” 2021 merupakan sebuah kejohanan yang julung kali diadakan sebagai alternatif kepada KARiSMA yang tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

UiTM Cawangan Selangor telah berjaya menjadi Juara Keseluruhan bagi KARiSMA “Virtual Edition” 2021 dengan menewaskan pencabar daripada UiTM seluruh sistem dan membawa pulang Dua (2) Emas, Tiga (3) Perak dan Satu (1) Gangsa.

Berikut merupakan senarai pemenang yang telah mengharumkan nama UiTM Cawangan Selangor dalam Pertandingan KARiSMA “Virtual Edition” 2021.



#### 4.3.12 Program Santai Sukan Bersama Naib Canselor UiTM

Sebagai satu landasan untuk menerapkan budaya cergas, sihat dan bersatu untuk warga UiTM serta mewujudkan kecergasan nasional yang berteraskan kepada penyertaan aktif, kecergasan yang berterusan dan sikap positif dalam kehidupan seharian.

Antara objektif Program Santai Sukan Bersama Naib Canselor adalah seperti berikut :

- 4.3.12.1 Mengeratkan silaturrahim antara warga UiTM.
- 4.3.12.2 Menggalakkan warga UiTM untuk beriadah dan bergiat aktif setelah tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).
- 4.3.12.3 Menerapkan minat dan kecenderungan warga UiTM dalam kegiatan sukan dan riadah.



### 4.3.13 Sulam : Celik Wang @ Komuniti: “Bijak Menguruskan Wang Jaminan Masa Hadapan”

Program ini memberikan Mahasiswa mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari sepanjang mengikuti kursus Pengurusan Kewangan kepada orang ramai. Selain itu juga, ia dapat menerapkan kemahiran-kemahiran insaniah agar dapat mempersiapkan mahasiswa untuk berhadapan dengan cabaran dunia luar yang penuh dengan rintangan serta memberi pengalaman baru kepada semua pelajar kokurikulum untuk menguruskan program secara atas talian buat kali pertama selaras dengan keadaan semasa.

Disamping itu juga, terjalin hubungan baik bersama para pelajar daripada universiti-universiti lain di samping dapat mempromosikan Fakulti Perubatan UiTM Kampus Sungai Buloh kepada orang ramai.



### 4.3.14 Kempen Katakan Tidak Pada Vandalisme

Siswa dan siswi adalah produk sistem sesebuah masyarakat. Masyarakat yang pincang akhirnya akan melahirkan produk yang pincang. Sikap sesetengah masyarakat kini yang mementingkan soal kebendaan dan tidak ambil peduli terhadap isu-isu sosial sememangnya merumitkan masalah yang sedia wujud. Menurut kajian masalah vandalisme banyak berlaku di bandar. Golongan siswa dan siswi menconteng dan merosakkan harta benda awam bukannya tidak terpelajar tetapi generasi yang dilahirkan di bandar sukar dikawal. Di kawasan bandar sesetengah penduduknya tidak ambil peduli terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu golongan siswa

dan siswi merasakan diri mereka bebas untuk meneruskan gejala negatif ini tanpa menghiraukan rasa tanggungjawab terhadap harta benda awam.

Kempen ini diadakan mulai 11 September 2021 hingga 16 Oktober 2021 dengan penglibatan seramai 2535 peserta yang terdiri dari pelajar UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil.



## 4.4 Penutup

Segala puji bagi Allah S.W.T atas limpah kurnianya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dapat mencapai PI yang ditetapkan dan mengadakan program-program yang dirancang dengan jayanya. Selain itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Unit di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar UCS serta Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej selaku wakil pelajar UCS atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang tahun 2021.

Semoga usaha-usaha yang dijalankan ini dapat membentuk pelajar selaras dengan Falsafah UiTM iaitu “Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.”





**Pengurusan dan  
Pembangunan  
Sumber Manusia**

## 5.0 Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

### 5.1 Pengenalan

UiTM Cawangan Selangor (UCS) wujud secara rasmi pada 1 November 2015 dengan pucuk pimpinan diketuai oleh Rektor. Pentadbiran cawangan sebelum ini dikenali sebagai Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana serta mula beroperasi sejak pembukaan Kampus Puncak Alam pada Mei 2009.

Pentadbiran kampus ketika itu diterajui oleh Penolong Naib Canselor dan Pentadbiran Am diletakkan di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor.

Selaras dengan transformasi yang berlaku pada tahun 2015, perubahan dari aspek tadbir urus dapat dilihat dimana dengan pelantikan Rektor kali pertama bagi mengetuai UCS, telah menggerakkan penubuhan Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia dengan diketuai oleh Ketua Timbalan Pendaftar Kanan.

Penubuhan BPSM adalah tepat pada masanya bagi membantu dalam melaksanakan organisasi kejut sekaligus mengoptimumkan sumber manusia UCS. Dengan wujudnya BPSM dapat merealisasikan agenda pengoperasian pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

#### 5.1.1 Teras Utama BPSM

Tiga (3) Teras Utama BPSM mencakupi :-

##### 5.1.1.1 Hal Ehwal Pentadbiran & Kewangan

- a. Pengurusan Mesyuarat
- b. Pengurusan Klinik Panel
- c. Pengurusan Sara Ubat
- d. Pengurusan Mel
- e. Pengurusan Pembekalan Pakaian Seragam
- f. Pengurusan Kerja Lebih Masa (KLM)
- g. Pengurusan Pentadbiran dan Operasi BPSM
- h. Pengurusan Rekod dan Fail Bahagian
- i. Tadbir Urus
- j. Pengurusan Kualiti
- k. Pengurusan Khidmat Pelanggan
- l. Pengurusan dan Penyelenggaraan Laman Web

##### 5.1.1.2 Hal Ehwal Sumber Manusia

- a. Pengurusan Sumber Manusia
- b. Pembangunan Sumber Manusia
- c. Keurusetiaan Mesyuarat




- d. Perancangan Strategik
- e. Pengurusan Risiko

#### 5.1.1.3 Pengurusan Kenderaan

- a. Pengurusan Perolehan dan Kewangan
- b. Pengurusan Kenderaan
- c. Pengurusan Penyelenggaraan Kenderaan
- d. Urusan Tempahan Kenderaan
- e. Pembelian dan Pelupusan Kenderaan
- f. Tuntutan Perjalanan dan Tuntutan Lebih Masa Pemandu
- g. Penjadualan Tugas Pemandu

### 5.1.2 Profil Sumber Manusia BPSM



## 5.2 Laporan Piagam Pelanggan

Pelaksanaan Piagam Pelanggan adalah bertujuan untuk memajukan pengurusan pentadbiran dan sumber manusia di BPSM pada masa ini khususnya berkaitan dengan tahap perkhidmatan, meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja di BPSM. Sehubungan itu, BPSM telah menetapkan piagam pelanggan seperti berikut:


- i. Memastikan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Mesyuarat Tabung Amanah dikeluarkan kepada PTJ dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh mesyuarat.
- ii. Memastikan permohonan tuntutan perubatan (klinik panel/klinik bukan panel/perubatan khas/bil hospital) dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.
- iii. Surat Pengesahan Majikan dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
- iv. Surat Jaminan Hospital (GL) dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

- v. Bayaran bas sewa/catar diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.
- vi. Memastikan 80 peratus (%) keputusan permohonan kenderaan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) hari bekerja bagi permohonan yang mengikuti syarat ditetapkan.
- vii. Jam latihan dimasukkan ke dalam sistem STARS dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas permohonan/laporan diterima.

### 5.2.1 Analisa Piagam Pelanggan

Berdasarkan analisa yang telah dilakukan, piagam pelanggan (iii) dan (iv) 100% menepati sasaran. Manakala, piagam pelanggan (i) 98%, (ii) 93%, (vi) 97% dan (vii) 54% menepati sasaran. Peratus menepati sasaran bagi piagam pelanggan (vii) agak kecil berikutan jumlah peserta program yang perlu di kemas kini lebih banyak berbanding yang biasa. Hasil pengumpulan data juga menunjukkan, tiada proses yang telah dilakukan pada tahun 2021 bagi piagam pelanggan (vi).


Analisa juga telah menunjukkan piagam pelanggan (i) tidak menepati sasaran sebanyak 2%, piagam pelanggan (ii) 7%, piagam pelanggan (vi) 3% dan piagam pelanggan (vii) 46%. Carta analisa Laporan Piagam Pelanggan BPSM bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:



Rajah: 5.2.1 – Carta Analisa Piagam Pelanggan Tahun 2021

### 5.2.2 Perbandingan Pencapaian Piagam Pelanggan Tahun 2020 dan 2021

Bagi tahun 2021, peningkatan jumlah rekod telah ditunjukkan bagi piagam pelanggan (i), (ii), (iii) dan (vii). Manakala piagam pelanggan (iv), (v) dan (vi) telah menunjukkan penurunan jumlah rekod berbanding tahun 2020. Carta perbandingan pencapaian piagam pelanggan tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:



Rajah: 5.2.2 – Carta Perbandingan Piagam Pelanggan Tahun 2020 dan 2021

### 5.3 Pencapaian KPI dan PI UiTM Cawangan Selangor di Bawah Peneraju Pendaftar

BPSM telah diamanahkan untuk melaksanakan enam (6) KPI dan PI di bawah peneraju Pendaftar. Jumlah sasaran yang telah dicapai adalah seperti berikut:

Bil.	KPI & PI	No. PI	Sasaran	Pencapaian
1.	<i>Number of staffs with industry experience</i>	93	5	7
2.	<i>Number of staffs registered with voluntary organisation</i>	94	30	36
3.	<i>Number of staffs with professional qualifications</i>	96	5	20
4.	<i>Number of staffs attached with top global 2000 companies or top 300 universities</i>	97	1	2
5.	<i>Number of staffs as members in international</i>	98	4	7
6.	<i>Number of staffs as members in national academic/professional bodies/associations/ministry</i>	99	26	28

Kesemua enam (6) KPI dan PI telah melebihi sasaran yang ditetapkan berdasarkan penglibatan dan jaringan kerjasama semua PTJ.

## 5.4 Pengurusan Sumber Manusia

### 5.4.1 Pembangunan Organisasi

#### 5.4.1.1 Laporan Perjawatan


##### 5.4.1.1.1 Kelulusan Waran Tahun 2021

Pemberian waran jawatan kepada UCS oleh Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar adalah bagi tujuan mengisi kekosongan jawatan sedia ada atau pemberian jawatan tambahan. Pada tahun 2021, kelulusan pengisian waran UCS daripada BPO adalah seperti jadual di bawah:

Kampus	Kelulusan Waran	
	Isi Kekosongan	Tambahan
Kampus Puncak Alam	6	1
Kampus Puncak Perdana	5	-


##### 5.4.1.1.2 Trend Kelulusan Pengisian Jawatan Mengikut Kampus

Maklumat perbandingan kelulusan pengisian di KPA antara tahun 2019 sehingga 2021 seperti carta di bawah menunjukkan penurunan kelulusan pengisian pada tahun ini iaitu hanya sebanyak tujuh (7) jawatan sahaja jika dibandingkan dengan tahun 2020 iaitu sebanyak 24 jawatan.



Carta: 5.4.1.1.2.1 Trend Kelulusan Pengisian Jawatan - KPA

Manakala perbandingan kelulusan pengisian di KPP antara tahun 2019 – 2021 menunjukkan peningkatan di mana pada tahun ini sebanyak lima (5) jawatan akan diisi jika dibandingkan tiada kelulusan pengisian pada tahun 2020.



Carta: 5.4.1.1.2.2 Trend Kelulusan Pengisian Jawatan - KPP

## 5.4.2 Pengurusan Perjawatan

### 5.4.2.1 Perjawatan Staf Tetap

Jadual di bawah menunjukkan status pengisian jawatan tetap mengikut jabatan bagi tahun 2021. Pengisian jawatan adalah berdasarkan kelulusan waran yang diperolehi daripada BPO, Pejabat Pendaftar. BPSM bertanggungjawab membuat susulan dengan pihak BPPS atau BKK bagi tujuan pengisian jawatan.

Kampus	Jabatan	Gred Lantikan		Kenaikan Pangkat	
		P&P	Sokongan	P&P	Sokongan
Kampus Puncak Alam	Pejabat Polis Bantuan		3		
	Pejabat Bendahari	1			
	Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT	2	4		
	Bahagian Hal Ehwal Pelajar		3		
Kampus	Jabatan	Gred Lantikan		Kenaikan Pangkat	
		P&P	Sokongan	P&P	Sokongan
Kampus Puncak Perdana	Pejabat Polis Bantuan		1		
	Bahagian Hal Ehwal Pelajar		1		

### 5.4.2.2 Lantikan Staf Kontrak

Pelantikan staf kontrak di Pusat Tanggungjawab (PTJ), UCS adalah berdasarkan keperluan di PTJ. Kelulusan pengwujudan jawatan hendaklah diperolehi daripada Majlis Sumber Manusia (MSM), UiTM terlebih dahulu. Secara keseluruhan, staf kontrak (Tabung Amanah) di KPA dan KPP adalah seramai enam (6) orang iaitu lima (5) orang di KPA dan seorang (1) orang di KPP. Berikut adalah maklumat lantikan staf kontrak mengikut kampus berkuatkuasa tahun 2021:

Bil.	Jabatan	Jenis Pelantikan			
		Lantikan Baharu		Pelanjutan Tempoh Kontrak	
		Puncak Alam	Puncak Perdana	Puncak Alam	Puncak Perdana
1	Pusat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Kesejahteraan (COSHAW)	1	0	0	0
2	Pejabat Pengurusan Fasiliti	0	0	2	0
3	Unit Kesihatan	0	1	1	0
<b>JUMLAH</b>		<b>1</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>0</b>

### 5.4.2.3 Lantikan Pentadbir Akademik

#### 5.4.2.3.1 Lantikan Pentadbir Akademik Berkuatkuasa Tahun 2021

Seramai sembilan (9) orang staf akademik daripada pelbagai fakulti dilantik sebagai pentadbir akademik di UCS. Bagi pengisian jawatan Timbalan Rektor dan pentadbir akademik di Pejabat Rektor, BPSM bertanggungjawab mengendalikan proses iklan, saringan, temuduga dan lantikan.

Jawatan Utama	Jumlah Pelantikan	Perincian Lantikan (Nama Staf)
Timbalan Rektor	3	<ol style="list-style-type: none"> <li>Prof. Ts. Dr. Rugayah binti Haji Hashim Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) – <b>lantik semula</b></li> <li>Prof. Madya Dr. Badrul bin Isa Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)</li> <li>Prof. Ts. Dr. Asmah binti Awal Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi)</li> </ol>
Koordinator	5	<ol style="list-style-type: none"> <li>Dr. Hairulnizam bin Hashim Koordinator Keusahawanan, Unit Keusahawanan, Ruang Niaga dan UTC, i-CARE – <b>lantik semula</b></li> <li>Dr. Noraziah binti Abu Bakar Koordinator Undang-Undang – <b>lantik semula</b></li> <li>Dr. Aida Maria binti Ismail Koordinator Pengurusan Penyelidikan</li> <li>Mohd Izwan bin Masngut Koordinator Sektor Keselamatan</li> <li>Dr. Mazlifah binti Omar Koordinator Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran</li> </ol>
Penyelaras	1	<ol style="list-style-type: none"> <li>Dr. Mohd Shihabuddin bin Ahmed Noorden Penyelaras (Hubungan Industri dan Antarabangsa)</li> </ol>

Rajah 5.4.2.3.1.1: Maklumat lantikan pentadbir akademik

### 5.4.2.3.2 Trend Pelantikan Pentadbir Akademik

Pada tahun 2019, sebanyak empat (4) pelantikan semula pentadbir akademik di UCS diproses. Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan bilangan lantikan pada tahun 2020 iaitu seramai 11 orang dan sembilan (9) orang staf pada tahun 2021.

### 5.4.2.4 Urusan Lapori Diri

Sepanjang tahun 2021, jumlah staf yang melapor diri di KPA dan KPP adalah seramai **40 orang**. 13 orang dari Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan seramai 27 orang dari Kumpulan Pelaksana. Staf yang perlu melapor diri terdiri daripada staf yang bertukar, mengisi kekosongan jawatan, lantikan pentadbir akademik, lantikan staf kontrak (Tabung Amanah) dan kenaikan pangkat. Butiran lanjut seperti berikut:

Kampus	Bulan	Kumpulan Perkhidmatan		Jumlah
		Pengurusan Tertinggi / P&P	Pelaksana	
Kampus Puncak Alam	Januari	3	5	8
	Februari	3	4	7
	Mac	3	3	6
	Mei	-	1	1
	Jun	-	2	2
	Julai	1	3	4
	September	-	2	2
	Oktober	-	2	2
	November	1	3	4
	Disember	1	-	1
Kampus Puncak Perdana	Januari	1		1
	Februari		1	1
	Oktober		1	1
<b>Jumlah keseluruhan</b>				<b>40</b>

BPSM bertanggungjawab mengurus dokumen yang perlu dan memberi taklimat ringkas kepada staf yang baharu melapor diri.

## 5.4.3 Pengurusan Perkhidmatan

### 5.4.3.1 Pengesahan ke Dalam Perkhidmatan

Staf dalam tempoh percubaan yang telah memenuhi syarat boleh mengemukakan permohonan untuk disahkan ke dalam perkhidmatan. Manakala bagi staf yang telah tamat tempoh percubaan tetapi masih belum menyempurnakan syarat-syarat pengesahan yang ditetapkan, boleh memohon untuk melanjutkan tempoh

percubaan. Kesemua permohonan ini perlu dihantar melalui Sistem HR2U.

BPSM bertanggungjawab menyemak dan memastikan permohonan dikemukakan diambil tindakan sewajarnya. Pada tahun 2021, sebanyak 11 permohonan pengesahan ke dalam perkhidmatan telah diproses. Maklumat lanjut seperti berikut:

PERKARA	KUMPULAN P&P	KUMPULAN PELAKSANA
Permohonan Baharu	3	6
Pelanjutan	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>8</b>

Jadual 5.4.3.1: Jumlah proses pengesahan ke dalam perkhidmatan

#### 5.4.3.2 Pengurusan Prestasi

Sebelum prestasi staf dinilai pada akhir tahun, semua staf tetap dan kontrak (berwaran) bertanggungjawab menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan menyemak SKT pertengahan tahun menggunakan Sistem HR2U. Pada tahun 2021, **100% staf menyelesaikan penetapan SKT dan semakan SKT pertengahan tahun mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar.**

Pada tahun 2021, staf UCS dalam kategori cemerlang adalah seramai **231 orang (55.9%) iaitu 12 orang melebihi tahun sebelumnya.** Butiran lanjut adalah seperti jadual di bawah:


MARKAH %/ KATEGORI	PUNCAK ALAM		PUNCAK PERDANA		KESELURUHAN	
	JUMLAH STAF	(%)	JUMLAH STAF	(%)	JUMLAH STAF	(%)
90 – 100/ CEMERLANG	202	56.6	29	52	231	55.9
80 – 89.99/ BAIK	151	42.3	26	46	177	42.9
60 – 79.99/ SEDERHANA	2	0.5	1	2	3	0.7
50 – 59.99/ KURANG MEMUASKAN	1	0.3	-	-	1	0.2
49.99 DAN KE BAWAH/ LEMAH	-	-	-	-	0	0.0
TIADA PRESTASI	1	0.3	-	-	1	0.2
<b>JUMLAH</b>	<b>357</b>	<b>100</b>	<b>56</b>	<b>100</b>	<b>413</b>	<b>100</b>

Jadual 5.4.3.2.1: Jadual staf KPA dan KPP mengikut kategori prestasi tahun 2021

Pengurusan UCS telah menetapkan, Ketua Bahagian perlu memberi bimbingan dan mengambil lain-lain tindakan yang perlu untuk membantu staf dalam



kategori Sederhana (60-79.99%) dan Kurang Memuaskan (50-59.99%) untuk meningkatkan prestasi kerja mereka.



Rajah 5.4.3.2.1 : Carta perbandingan markah prestasi tahun 2021 dan 2020

### 5.4.3.3 Urusan Persaraan

#### 5.4.3.3.1 Statistik Persaraan Staf Mengikut Kampus

Seramai lima (5) orang staf bersara wajib dan tiada staf bersara pilihan pada tahun 2021:

KAMPUS	MAKLUMAT STAF	TARIKH PERSARAAN
Puncak Alam	1. Encik Saharuddin Bin Abd Rauh, Pembantu Kemahiran Kanan	22 Februari 2021
	2. Puan Wan Zalmi Binti Wan Ahmad, Penolong Jurutera Awam Kanan	31 Mac 2021
	3. Puan Habsah Binti Ibrahim, Ketua Timbalan Bendahari	1 Ogos 2021
	4. Prof. Ts. Dr. Rugayah Binti Haji Hashim, Timbalan Rektor (Penyelidikan Dan Inovasi)	25 September 2021
Puncak Perdana	1. Encik Md Zin Bin Mohamad Joha Pembantu Operasi	22 Disember 2021

### 5.4.4 Pengurusan Disiplin

#### 5.4.4.1 Kes tatatertib

Sebanyak tiga (3) kes disiplin melibatkan urusan keberadaan staf telah diuruskan pada tahun 2021:

KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN PELAKSANA
0	3

Pengendalian masalah keberadaan ini merangkumi proses semakan maklumat keberadaan, penyediaan laporan, arahan tahan gaji, rujukan untuk hadir sesi


kaunseling, sesi teguran dan bimbingan, arahan kembali bertugas, proses pemantauan dan proses penamatan staf. Semua tindakan diambil adalah merujuk kepada Pekeliling Pendaftar Bilangan 38 tahun 2008: Garis Panduan Pengendalian Salah Laku Staf di Peringkat Pusat Tanggungjawab dan lain-lain peraturan berkuatkuasa.

#### 5.4.4.2 Taklimat Sistem Rekod Pelanggaran dan Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kebenaran

Taklimat ini telah diadakan pada 4 Oktober 2021 jam 10.30 pagi secara atas talian melibatkan seramai 38 Moderator Menu Pengurusan Waktu Bekerja (TMS), Sistem HR2U dari Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Sungai Buloh dan Dengkil. Taklimat ini telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar BPSM.

Tujuan taklimat ini dianjurkan adalah untuk menerangkan peranan Moderator Modul TMS dan menjelaskan berkaitan Menu Rekod Pelanggaran Kad Perakam Waktu dan Menu Rekod Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kebenaran Sistem TMS, HR2U.

Hasil daripada taklimat ini, jumlah kes pelanggaran Kad Perakam Waktu (KPW) bulan berikutnya menunjukkan penurunan.



Gambar 5.4.4.2.1 : Gambar program Sistem Rekod Pelanggaran dan Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kebenaran

## 5.5 Pembangunan Sumber Manusia

### 5.5.1 Kemajuan Kerjaya

#### 5.5.1.1 Naik Pangkat

Seramai lapan (8) orang staf KPA dan KPP dinaikkan pangkat secara hakiki iaitu dengan melibatkan gred jawatan S54, S48, W32, S29, W26, S22, N22, manakala seramai 14 orang staf dinaikkan pangkat secara Time Based

Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) melibatkan gred jawatan U32, N22, N36, KP16, S22, W22, FA32, KP14, S26.

Kampus	Kenaikan Pangkat	
	Hakiki	TBBK
Puncak Alam	6	12
Puncak Perdana	2	2

Jadual 5.5.1.1: Statistik kenaikan pangkat staf mengikut kampus

### 5.5.1.2 Peperiksaan Perkhidmatan Universiti Teknologi MARA

Disebabkan pandemik Covid-19, mulai tahun 2021 Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK), Pejabat Pendaftar telah meminta semua kampus menguruskan Peperiksaan Perkhidmatan UiTM Bilangan 1/2021 masing-masing. BPSM telah mengendalikannya sebanyak dua (2) siri peperiksaan melibatkan seramai 97 calon yang merupakan staf kampus dan staf fakulti di Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana. Maklumat lanjut seperti berikut:

Bilangan Peperiksaan	Tarikh Peperiksaan	Pusat Peperiksaan	Jumlah Calon	Jumlah Keseluruhan
Bilangan 1/2021	30 Mac 2021 31 Mac 2021	Makmal Komputer 1 dan 4, Fakulti Perakaunan	31	50
			19	
Bilangan 2/2021	13 Disember 2021 14 Disember 2021	Makmal Komputer 1 dan 2, Fakulti Perakaunan	27	47
			20	

### 5.5.1.3 Biasiswa / Latihan Industri

#### a) Maklumat Latihan Industri Staf

Peluang Latihan Industri ditawarkan kepada staf dengan tujuan membantu staf mendapatkan ilmu, meningkatkan pengetahuan dan kecekapan serta profesionalisma staf dalam bidang masing-masing. Pertambahan pengalaman dan kemahiran ini juga dapat dikongsikan dan diserapkan di dalam organisasi.

Mulai tahun 2020, UCS mengambil inisiatif buat kali pertama dengan menghantar staf ke organisasi luar bagi tujuan mendapatkan latihan secara profesional. Maklumat staf terlibat adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Jumlah Staf / Kumpulan Perkhidmatan		Tempat Latihan	Tempoh
	Pengurusan & Profesional	Pelaksana		
2020	1. Puan Nurul Diana Jasni, Timbalan Ketua Pustakawan	-	Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor	16/9/2020 hingga 15/12/2020 (3 bulan)

2021	-	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Roslimi Abd. Rahman, Pembantu Kemahiran Kanan</li> <li>2. Encik Mohd Ghazaly Aman, Pemandu</li> </ol>	Aeroline Autotech (M) Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor	1/10/2021 hingga 31/12/2021 (3 bulan)
------	---	---	---	---------------------------------------

#### b) Maklumat Biasiswa Staf

Terdapat staf UCS yang ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian. Sehingga tahun 2021 terdapat dua (2) orang staf UCS yang sedang cuti belajar dengan biasiswa:

Tahun	Jumlah Staf / Kumpulan Perkhidmatan		Peringkat	Universiti	Tempoh
	Pengurusan & Profesional	Pelaksana			
2020	Puan Mawaddah Fida Farid, Pegawai Psikologi (S44)	-	Doktor Falsafah (PhD)	Universiti Malaya, Kuala Lumpur	5/10/2020 hingga 4/10/2023 (3 tahun)
2021	Puan Nurul Diana Jasni, Timbalan Ketua Pustakawan	-	Doktor Falsafah (PhD)	Universiti Malaya, Kuala Lumpur	24/9/2021 hingga 23/9/2024 (3 tahun)

## 5.5.2 Latihan & Kompetensi

### 5.5.2.1 Pelaporan Latihan

#### 5.5.2.1.1 Maklumat Jam Latihan Staf Mengikut Kampus

Merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bilangan 4 Tahun 2017, semua staf UiTM yang berstatus aktif dan telah berkhidmat selama sembilan (9) bulan dan ke atas dalam tempoh satu (1) tahun adalah tertakluk kepada ketetapan menghadiri 42 jam latihan setahun.

Jadual di bawah menunjukkan statistik staf mengikut kampus yang memenuhi dan tidak memenuhi 42 jam latihan:

Kampus	Staf Memenuhi 42 Jam Latihan	Staf Tidak Memenuhi 42 Jam Latihan
Puncak Alam	349	2
Puncak Perdana	56	1 (staf baru melapor diri pada bulan Oktober)


#### 5.5.2.1.2 Trend Maklumat Jam Latihan Staf Mengikut Kampus

Carta di bawah menunjukkan perbandingan jumlah staf KPA dan KPP yang telah memenuhi dan tidak memenuhi 42 jam latihan dari tahun 2020 dan 2021.

Pada tahun 2021, berlaku peningkatan jumlah staf yang telah memenuhi 42 jam latihan iaitu seramai 349 orang staf KPA dan 56

orang staf di KPP jika dibandingkan dengan tahun 2020 dimana hanya 321 orang staf di KPA dan 52 orang staf di KPP.

Peningkatan ini berlaku antaranya disebabkan, BPSM telah meningkatkan kekerapan mengeluarkan emel peringatan kepada staf yang belum memenuhi jam latihan dan ketua bahagian terlibat dari dua (2) kepada tiga (3) kali.



Carta 5.5.2.1.1: Trend Jam Latihan Staf Mengikut Kampus Tahun 2020-2021

## 5.6 Keurusetiaan Mesyuarat

BPSM menjadi urusetia kepada empat (4) mesyuarat utama diperingkat UCS yang dipengerusikan oleh Rektor seperti di bawah:

- 5.6.1 Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)
- 5.6.2 Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)
- 5.6.3 Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
- 5.6.4 Jawatankuasa Tabung Amanah Am UiTM Cawangan Selangor

Ringkasan empat (4) mesyuarat penting ini adalah seperti jadual berikut:

Mesyuarat	Kekerapan Setahun (KPI)	Fungsi Mesyuarat	Bilangan Mesyuarat dilaksanakan pada tahun 2021
Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)	3 bulan sekali (4 kali)	Membincangkan penyelarasan dan pemantauan aktiviti Fakulti di kampus	4 kali
Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)	Setiap bulan (12 kali)	Membincangkan permohonan dan perkara berkaitan pengurusan di UiTM Cawangan Selangor.	13 kali
Panel Pembangunan Sumber Manusia	Setiap bulan (12 kali)	Membincangkan permohonan dan perkara berkaitan Pembangunan Sumber Manusia bagi UiTM Cawangan Selangor	6 kali

Jawatankuasa Akaun Amanah UiTM Selangor	Setiap bulan (12 kali)	Membincangkan permohonan melibatkan peruntukan dari Tabung Amanah Am UiTM Cawangan Selangor.	10 kali
---	---------------------------	--	---------

Selain daripada mesyuarat utama yang dipengerusikan oleh Rektor, terdapat beberapa mesyuarat lain dibawah kelolaan BPSM seperti berikut:

- a. Mesyuarat Ketua Pentadbiran UiTM UiTM Cawangan Selangor
- b. Mesyuarat Ketua Pentadbiran dan Ketua Pentadbiran Fakulti UiTM UiTM Cawangan Selangor


Kedua-dua mesyuarat ini adalah mesyuarat penyelarasan di antara ketua-ketua jabatan UCS dan ketua pentadbiran di Fakulti. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (KTPK). Mesyuarat-mesyuarat ini dijalankan tiga bulan sekali. Pada tahun 2021, pelaksanaan mesyuarat ini adalah seperti berikut:

Mesyuarat	Kekerapan Setahun (KPI)	Bilangan Mesyuarat dilaksanakan pada tahun 2021
Mesyuarat Ketua Pentadbiran UiTM UiTM Cawangan Selangor	Tiga bulan sekali (4 kali)	2 kali
Mesyuarat Ketua Pentadbiran dan Ketua Pentadbiran Fakulti UiTM UiTM Cawangan Selangor	Tiga bulan sekali (4 kali)	1 kali


BPSM juga melaksanakan mesyuarat dalaman bagi mengendalikan dan menyelar operasi dalaman BPSM. Mesyuarat *Work in Progress* (WIP) dirancang diadakan setiap bulan bagi memastikan tugasan di BPSM dijalankan dengan lancar.

### **5.6.5 Analisa Pengeluaran Surat Keputusan bagi Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) dan Jawatankuasa Tabung Amanah Am UiTM Cawangan Selangor**

Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) dan Jawatankuasa Tabung Amanah Am UiTM Cawangan Selangor adalah mesyuarat yang membuat keputusan bagi perkara-perkara yang melibatkan keputusan pengurusan dan sumber kewangan bagi pembiayaan program. KPI yang ditetapkan adalah surat keputusan perlu keluar dalam masa tujuh (7) hari bekerja selepas mesyuarat dijalankan. Berikut adalah Analisa bagi KPI ini:



Semua surat keputusan dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Tetapi kelewatan berlaku pada Jun 2021 di mana tempoh surat dikeluarkan adalah 11 hari selepas mesyuarat MPD dijalankan.




Bagi Mesyuarat Tabung Amanah pula, semua surat keputusan dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

## 5.7 Pengurusan Kerja Lebih Masa (KLM)


Pengurusan kerja lebih masa (KLM) adalah salah satu fungsi teras bahagian pentadbiran di UCS. Tugas ini bermula dari penerimaan permohonan KLM sehinggalah kelulusan agihan KLM kepada pemohon. KLM perlu dilakukan dengan perancangan yang teliti bagi mengelakkan pembaziran kewangan dan sumber tenaga kerja.

### 5.7.1 Analisa Perbelanjaan Kerja Lebih Masa Tahun 2021

Pada tahun 2021, bajet yang diterima untuk KLM Kampus Puncak Alam adalah sebanyak RM1,200,000.00 manakala bagi Kampus Puncak Perdana adalah RM128,400.00. Berikut adalah perbelanjaan KLM bagi kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana berdasarkan bulan.



Rajah 5.7.1 : Perbelanjaan Kerja Lebih Masa Kampus Puncak Alam



.Rajah 5.7.1 a : Perbelanjaan Kerja Lebih Masa Kampus Puncak Perdana

### 5.7.2 Analisa Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan bagi Tiga Tahun (2019- 2021) bagi Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana

Pada tahun 2019-2021, peruntukan yang disediakan bagi KLM adalah sama iaitu sebanyak RM1,200,000.00. Penyediaan peruntukan ini dibuat oleh Pejabat Bendahari berdasarkan trend perbelanjaan tahun sebelum. Jadual berikut adalah maklumat perbandingan peruntukan dan perbelanjaan bagi tiga tahun bagi kampus Puncak Alam:

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM) (Perbelanjaan – Peruntukan)
2019	1,200,000.00	1,245,251.02	45,251.00
2020	1,200,000.00	933,823.45	266,176.60
2021	1,200,000.00	720,105.11 (sehingga Nov. 2021)	479,894.90

Jadual 5.7.2 : Kampus Puncak Alam

Berdasarkan jadual di atas, tiada penjimatan perbelanjaan bagi tahun 2019. Jumlah perbelanjaan melebihi peruntukan yang disediakan iaitu sebanyak RM45,251.00. Terdapat penurunan perbelanjaan KLM sebanyak RM311,427.57 bagi tahun 2020



daripada tahun 2019 dengan 33.35%. Penurunan mungkin disebabkan operasi universiti terhenti semasa kawalan pergerakan diumumkan pada Mac 2020. Penurunan perbelanjaan juga berlaku untuk tahun 2021 berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak RM154,849.28 dengan 21.5%. Perbandingan dibuat sehingga November 2020 dan November 2021 kerana data Disember 2021 belum ada.

Jadual berikut adalah maklumat perbandingan peruntukan dan perbelanjaan bagi tiga tahun bagi kampus Puncak Perdana:

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM) (Perbelanjaan – Peruntukan)
2019	132,000.00	171,146.27	-39,146.27
2020	180,000.00	198,092.18	-18,092.18
2021	128,400.00	140,400.00	-12,000.00

Jadual 5.7.2a : Kampus Puncak Perdana


Bagi kampus Puncak Perdana, peruntukan yang diberikan bagi tiga tahun adalah kurang berbanding perbelanjaan bagi kerja lebih masa. Data peruntukan adalah peruntukan asal yang diagihkan pada awal tahun dan bukannya data selepas *virement* dilakukan. Berlaku peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak RM 26,945.91 iaitu 13.6%.

## 5.8 Pengurusan Klinik Panel

BPSM juga menguruskan hal-hal kemudahan dan kebajikan staf warga UCS. Di antara kemudahan yang dikawal selia di bawah BPSM adalah pengurusan klinik panel. BPSM UCS bertanggungjawab untuk menguruskan perbelanjaan klinik panel, tuntutan rawatan semula dan tuntutan bagi kes-kes kesihatan. Staf yang menerima surat kelulusan untuk pembiayaan perubatan dari Bahagian Kemudahan dan Kebajikan Pejabat Pendaftar, boleh berurusan terus dengan BPSM untuk perkara ini.

### 5.8.1 Perbelanjaan Klinik Panel

Dalam pengurusan Klinik Panel, warga UCS yang menerima rawatan hanya perlu mengisi borang mendapatkan rawatan dan akan direkodkan di dalam sistem HR2U menu perubatan oleh Klinik Panel yang mendaftar dengan UiTM. Berikut adalah rekod bayaran rawatan klinik panel bagi tahun 2020-2021:




Rajah 5.8.1.1 : Data Perbelanjaan Klinik Panel Kampus Puncak Alam

Jumlah penuh perbelanjaan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM1,449,060.15. Berlaku penurunan sebanyak 3.39% berbanding tahun 2020 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,498,303.50

### 5.8.2 Rekod Perbelanjaan Tuntutan Rawatan

Bagi tuntutan perbelanjaan rawatan, staf adalah dibenarkan untuk mendapatkan rawatan di klinik bukan panel sekiranya berlaku kecemasan di mana klinik panel tutup atau staf berada di luar kawasan klinik panel. Jadual berikut adalah pembayaran tuntutan rawatan klinik bukan pilihan/bukan panel bagi bagi tahun 2020-2021:



Rajah 5.8.2.1 : Rekod Pembayaran Tuntutan Rawatan


Jumlah tuntutan dan permohonan yang diterima bagi dua (2) tahun ini adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Jumlah Bayaran	Bil. Borang Permohonan
2020	RM7,743.00	131
2021	RM8,466.40	109

Perbezaan nilai bagi kedua tahun adalah RM723.40 dengan 8.5% kenaikan dari tahun 2020 walaupun jumlah permohonan berkurangan sebanyak 22 unit bagi tahun 2021.

### 5.8.3 Statistik Perbelanjaan Rawatan Kesihatan Mengikut PTJ UCS

UCS merangkumi beberapa PTJ yang mana pengurusan perbelanjaan bagi perubatan klinik panel adalah dibawah tanggungjawab BPSM. Carta berikut adalah peratusan perbelanjaan perubatan bagi klinik panel mengikut PTJ bagi tahun 2021:



## 5.9 Pengurusan Kenderaan

Unit Kenderaan merupakan salah satu unit di bawah tadbir urus Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia UiTM Cawangan Selangor (UCS) yang bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kenderaan kepada staf dan pelajar di UCS yang merangkumi Kampus Puncak Alam dan UiTM Kampus Puncak Perdana secara khususnya, UiTM Kampus Sungai Buloh dan UiTM Kampus Dengkil secara amnya. Jenis dan jumlah kenderaan adalah seperti berikut :

Jenis Kenderaan	Jumlah
Bas	12
Van	5
Kereta	2
MPV	1
FWD	1
SUV	1
Lori	2
<b>Jumlah</b>	<b>24</b>

Jadual 5.9 : Jadual Jenis dan Jumlah Kenderaan

### 5.9.1 Permohonan Penggunaan Kenderaan

Sepanjang tahun 2021 permohonan penggunaan kenderaan adalah seperti berikut :

Jenis Permohonan	Jumlah
Manual (borang)	562
Sistem	61
<b>Jumlah</b>	<b>623</b>

Jadual 5.9.1 : Jadual Jenis Permohonan dan Jumlah

### 5.9.2 Pelupusan Kenderaan

Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UCS (JPAA) Bil. 20 bertarikh 22 November 2021 telah bersetuju dua (2) buah bas untuk dilupuskan. Kenderaan ini dilupuskan kerana tidak ekonomikal untuk dibaiki dan melebihi 10 tahun.

Kenderaan	No Pendaftaran Kenderaan
Bas	BGM 6651
Bas	BHL 539

Jadual 5.9.2 : Jadual Kenderaan Yang Dilupuskan

### 5.9.3 Pengurusan Bayaran Smartpay dan Touch n Go (TnG)

BPSM menguruskan bayaran penggunaan Smartpay dan Touch n Go (TnG) bagi Unit Kenderaan, Pejabat Polis Bantuan, Unit Kesihatan, Dekan dan Pengarah COE di Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana.

#### a. Smartpay

Bayaran Smartpay bagi Kampus Puncak Alam berjumlah RM194,178.02 manakala bagi Kampus Puncak Perdana berjumlah RM3,280.55. Jumlah keseluruhan bagi kedua-dua kampus adalah sebanyak RM197,458.57 yang telah dibelanjakan pada tahun 2021.

BIL	BULAN	KAMPUS PUNCAK ALAM	KAMPUS PUNCAK PERDANA
		JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)
1	Januari	11,148.42	617.06
2	Februari	10,720.93	91.48
3	Mac	15,228.73	298.60
4	April	17,540.91	387.77
5	Mei	17,529.63	314.60
6	Jun	9,886.83	188.85
7	Julai	13,812.87	109.90
8	Ogos	14,661.97	220.40
9	September	11,054.45	0.00

10	Oktober	16,311.47	290.93
11	November	26,189.73	371.65
12	Disember	30,092.08	389.31
Jumlah		194,178.02	3,280.55
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>197,458.57</b>	

Jadual 5.9.3 : Jadual Perbelanjaan Smartpay

**b. Touch n Go (TnG)**

Bayaran TnG bagi Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana berjumlah RM17,430.00 yang telah dibelanjakan pada tahun 2021.

BIL	BULAN	JUMLAH (RM)
1	Januari	1,100.00
2	Februari	1,210.00
3	Mac	1,260.00
4	April	1,200.00
5	Mei	1,130.00
6	Jun	500.00
7	Julai	1,400.00
8	Ogos	1,290.00
9	September	1,320.00
10	Oktober	2,600.00
11	November	2,220.00
12	Disember	2,200.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>17,430.00</b>

Jadual 5.9.3a : Jadual Perbelanjaan TnG

**5.9.4 Pengurusan Bayaran Cukai Jalan dan Insurans**

Bagi tahun 2021, pengurusan pembaharuan cukai jalan dan insurans adalah merangkumi Unit Kenderaan KPA, Pejabat Polis Bantuan KPA, Unit Kesihatan KPA dan Unit Kesihatan KPP. Perbelanjaan bagi cukai jalan dan insurans adalah berjumlah RM83,482.19.

BIL	BULAN	Unit Kenderaan		Pejabat Polis Bantuan KPA		UK KPA dan KPP	
		Bil Kenderaan	Jumlah (RM)	Bil Kenderaan	JUMLAH (RM)	Bil Kenderaan	JUMLAH (RM)
1	Januari	3	5,880.19				
2	Februari	4	6,259.41			1	4,428.55
3	Mac	7	21,496.41				
4	April						
5	Mei						

6	Jun	1	419.00				
7	Julai						
8	Ogos						
9	September						
10	Oktober	13	30,455.72	4	2,703.24	3	2,417.33
11	November	1	1,443.96	7	4,062.31		
12	Disember	1	32.00	3	2,864.07		
Jumlah		30	65,986.69	14	9,629.62	4	2,884.33
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM83,482.19</b>					

Jadual 5.9.4 : Perbelanjaan Cukai Jalan dan Insurans

### 5.9.5 Aktiviti

Sepanjang tahun 2021 menyaksikan beberapa aktiviti yang melibatkan Unit Kenderaan

a) **Penghantaran Pelajar Pulang sepanjang PKP 2021**

Penghantaran pelajar pulang telah melibatkan tiga (3) siri iaitu siri pertama (OPS Pelajar Pulang Aidilfitri) yang telah dijalankan pada 07 hingga 10 Mei 2021 ke zon utara, zon timur dan zon selatan. Penghantaran ini adalah gabungan bersama UiTM Shah Alam yang melibatkan pelajar yang berada di kolej kediaman dan NR.

Siri kedua pula merupakan penghantaran pelajar sempena cuti semester telah dijalankan pada 13 hingga 15 Ogos 2021 ke zon utara, zon timur dan zon selatan. Penghantaran ini juga merupakan gabungan bersama UiTM Shah Alam yang melibatkan pelajar yang berada di kolej kediaman dan NR.

Bagi siri ketiga pula, melibatkan penghantaran Pelajar Pulang Fakulti Perubatan UiTM Sg Buloh yang telah dijalankan pada 03 dan 04 September 2021 ke zon utara, zon timur dan zon selatan.

b) **Penghantaran pelajar bagi menerima vaksin ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sekitar Lembah Klang sepanjang PKP**

Penghantaran pelajar bagi menerima vaksin di sekitar Selangor telah bermula pada 24 Mei 2021 sehingga 02 Oktober 2021 yang melibatkan seramai 843 pelajar. Penghantaran ini melibatkan 21 buah PPV di sekitar Lembah Klang.

c) **Pengambilan Pelajar di KLIA sepanjang PKP**

Pengambilan pelajar Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana bagi menghadiri kuliah secara bersemuka di KLIA kembali ke kampus bermula 14 Oktober 2021 – 07 Disember 2021 yang melibatkan seramai 168 orang pelajar.

## 5.10 Inisiatif Yang Dilaksanakan

Sebanyak dua (2) projek inovasi telah diperkenalkan oleh BPSM pada tahun 2021 iaitu:

- *Training Info Gateway* (TIG@UCS):
- OnBoarding@UCS
- Kedua-dua projek ini telah dibentangkan di dalam Sesi Amalan Pengurusan Terbaik Pengurusan Sumber Manusia (HRBestPractices@UiTM) anjuran Pejabat Pendaftar pada 6 Disember 2021.

### 5.10.1 *Training Info Gateway* (TIG@UCS): Maklumat Sehenti Pengurusan Latihan


Penggunaan TIG@UCS telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), bilangan 71 pada 15 Oktober 2021.

Pelaksanaan TIG@UCS menepati konsep pengurusan tangkas dan penyampaian perkhidmatan berkesan disebabkan ia membantu warga UCS:

- Membuat pencarian dan rujukan dokumen pengurusan latihan
- Memberi kefahaman kepada peraturan dan proses pengurusan latihan
- Menjadi rujukan untuk kemukakan permohonan latihan

Rajah 5.10.1.1 : Paparan TIG@UCS

TIG@UCS telah mula digunakan oleh staf UCS pada 1 November 2021 dan satu soal selidik telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada staf UCS. Daripada 180 orang responden, 46.1% menyatakan sangat berpuas hati dengan penggunaan TIG@UCS. Rumusan maklum balas tersebut adalah:




Rajah 5.10.1a: Rumusan soal selidik TIG@UCS

TIG@UCS boleh dilayari di laman web BPSM atau melalui pautan <https://sites.google.com/uitm.edu.my/training-info-gateway/home>

### 5.10.2 OnBoarding@UCS: Kit laporan diri staf baharu di UiTM Cawangan Selangor

MPD bilangan 71 pada 19 November 2021 telah meluluskan penggunaan OnBoarding@UCS. OnBoarding@UCS dibangunkan sebagai gerbang maklumat untuk membantu staf baharu mengenal pasti tindakan segera dan maklumat umum yang perlu diketahui dan diberi perhatian.



Rajah 5.10.2: Paparan OnBoarding@UCS

Inovasi ini memberi impak positif dalam tiga (3) aspek utama:



OnBoarding@UCS ini telah mula digunakan oleh staf baharu mulai bulan November dan mendapat maklum balas positif:



*“OnBoarding@UCS sangat membantu staf baharu seperti saya. Tiada cadangan penambahbaikan kerana semua lengkap dan jelas”*

*Nashrul Nawwarah Abd Rahman, Jurutera*

*“Secara umumnya pada pendapat saya OnBoarding@UCS sangat-sangat membantu dan memudahkan urusan perjalanan pendaftaran staf baharu. Ini kerana paparan utama telah menunjukkan semua item yang perlu dibuat untuk proses pendaftaran”*

*Muhammad Azim Moh Alawi, Jurutera*

OnBoarding@UCS boleh dilayari melalui pautan <https://sites.google.com/uitm.edu.my/onboardingucs/home>.

### 5.10.3 Kaunter Digital

Bagi memastikan kaunter BPSM beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), BPSM telah memperkenalkan inisiatif **Kaunter Digital**. Staf akan mengimbas QR Code yang disediakan untuk mendapatkan maklumat lanjut menghubungi staf BPSM atau mendapatkan perkhidmatan BPSM termasuklah:

- a) Urusan Kenderaan
- b) Urusan Pentadbiran
- c) Urusan Klinik Panel
- d) Urusan Sumber Manusia :
  - Surat Pengesahan Majikan
  - Surat Jaminan Hospital (GL)

Inisiatif ini telah dihebahkan penggunaannya kepada warga KPA dan KPP melalui emel bertarikh 31 Mei 2021 dan 3 September 2021.

## 5.11 Aktiviti Yang Dianjurkan

Selain daripada menjalankan fungsi utama jabatan, BPSM turut menganjurkan beberapa aktiviti dan program.

### 5.11.1 Majlis Jasamu Dikenang (MJD) Tahun 2020 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Tahun 2019 & 2020

Bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Universiti sepanjang tempoh PKP dan Fasa Pemulihan Negara (FPN), pihak Universiti telah meminta agar program MJD 2020 dan Majlis APC 2019 dan 2020 dianjurkan di peringkat PTJ secara atas talian. Oleh itu, BPSM dengan kerjasama beberapa PTJ termasuk Unit Komunikasi Korporat dan Unit Infostruktur telah menganjurkan program ini pada 30 Ogos 2021 menggunakan Aplikasi Zoom. Seramai 92 orang staf diraikan

dalam Majlis ini. Maklumat penerima adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH (ORANG)
MJD 2020	27
APC 2019	32
APC 2020	33

Jadual 5.11.1 : Jumlah penerima MJD 2020 dan APC 2019,2020



Gambar 5.11.1: Gambar Program MJD 2020 dan APC 2021, 2022

### 5.11.2 **Bicara Pentadbir@UCS**

Program Bicara Pentadbir@UCS telah dilaksanakan secara dalam talian. Program ini adalah program yang diaspirasikan oleh Rektor UCS yang menginginkan pentadbir berkongsi kepakaran bersama warga UCS. Ketua Timbalan Pendaftar Kanan telah diamanahkan untuk menyelia penganjuran program ini di bawah BPSM.

Pada Tahun 2021, sebanyak dua kali pelaksanaan program ini seperti poster di bawah:



### 5.11.3 Kursus Managing Performance And Coaching Skills

Kursus *Managing Performance and Coaching Skills* diadakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi Pentadbir. Kursus dua (2) hari ini telah dijalankan pada 10-11 November 2021 adalah anjuran UiTM Cawangan Selangor untuk kali pertama yang dikendalikan oleh Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) UCS dengan pembiayaan dari Jawatankuasa Induk Pembangunan Sumber Manusia *UiTM (JKI-PBSM)*. Kursus dianjurkan Jemputan Kursus melibatkan 120 orang dari Pengurusan Kanan Kampus, Fakulti-Fakulti di UCS, Pusat Asasi, Hospital UiTM, CoE di UCS dan Staf pentadbiran Kampus-kampus UCS. Kursus ini diselia oleh konsultan luar yang dilantik oleh UCS iaitu En. Mohd Sharulnizam Zuall Cobley dari Shairul Cobley Solutions, Management Consultant & Business Advisor. Kursus terbahagi kepada 4 komponen iaitu: *Performance Setting, Analysing Performance Problems, Giving Performance Feedback* dan *Coaching for Performance*.

### 5.11.4 Infografik Perkhidmatan BPSM

BPSM juga telah menyediakan beberapa infografik perkhidmatan BPSM yang boleh dicapai di webpage BPSM UCS. Contoh infografik yang disediakan adalah seperti berikut:

#### 1. Pemilihan Klinik Panel melalui HR2U



## 2. Proses Rawatan Staf – Klinik Panel

**PROSES RAWATAN STAF - KLINIK PANEK**

Staf dinasihatkan supaya memberi keutamaan kepada klinik yang beroperasi 24 jam serta berhampiran dengan tempat kerja / kediaman dalam membuat keputusan klinik panel

- Daftar tiga (3) pilihan klinik panel di Sistem HR2U
- Dapatkan rawatan di klinik panel yang diluluskan
- Isi borang pendaftaran klinik panel UiTM
- Selesai rawatan pulang ke rumah

KEKELUSAN BERPANDUKAN KEKELUNG PENDAFTAR BLOK TAKLIN 2015

## 3. Tatatcara Permohonan Bantuan Perubatan

**TATACARA PERMOHONAN BANTUAN PERUBATAN**  
PERUBATAN KHAS TERMASUK (HOPITAL/SYARIKAT/STAF/PUSAT DIALISIS/IJN)

- 01 Isi borang perubatan 1/09 @ 2/09 @ 3/09
- 02 Hantar ke Bahagian Saraan dan Kemudahan
- 03 Kelulusan Panel Perubatan UiTM
- 04 Surat Kelulusan oleh Bahagian Saraan dan Kemudahan

Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia  
UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam  
Ara 3, Bangunan FF1  
42900 Bandar Puncak Alam  
Selangor Darul Ehsan

Pekeliling Perkhidmatan Bil 21 Tahun 2009 / Peraturan Permohonan Perbelanjaan Perubatan

### 5.11.5 Webpage BPSM

Webpage BPSM telah dibangunkan pada 03 November 2021 yang mengandungi pengenalan BPSM, carta organisasi, fungsi unit, aktiviti, muat turun dan direktori staf. Webpage ini merupakan platform bagi pengunjung untuk mendapatkan informasi, perkhidmatan terkini BPSM dan juga borang-borang yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh BPSM. Webpage BPSM boleh dicapai melalui link di bawah:

<https://ucs.uitm.edu.my/index.php/component/sppagebuilder/?view=page&id=47>

### 5.11.6 Program Ziarah Kasih

Program ini adalah salah satu inisiatif BPSM bagi memupuk perasaan muhibah dan keperihatinan antara warga UCS. Beberapa siri Program Ziarah Kasih telah dilakukan oleh BPSM seperti jadual berikut:

Bil.	Aktiviti	Tarikh
Siri 1	Ziarah rumah waris pemandu UCS yang telah meninggal dunia sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri. i. Gemulah En. Ahmad Zubir Kasim ii. Gemulah En. Mohd Shukor Mohd Salleh iii. Gemulah En. Maskur Hj. Jawadun	10 Mei 2021
Siri 2	Menghantar sumbangan keperluan dan makanan kepada staf kuarantin akibat Covid-19. i. En. Mohd Noorzaidi Zainudin, Pemandu ii. En. Mazni Nor, Pemandu iii. En. Sopian Abdul Samad, Pemandu iv. En. Kharsan Salleh, Pemandu v. En. Rosnan Othman, Pemandu	20 Ogos 2021
Siri 3	Menghantar sumbangan keperluan dan makanan kepada staf kuarantin akibat Covid-19. i. En. Mohamad Lotfi Baharuddin, Penolong Grafik Tertinggi ii. Pn. Noor Azimah Suratem, Pegawai Eksekutif	08 Disember 2021 16 Disember 2021
Siri 4	Ziarah rumah staf yang terkesan akibat banjir. i. En. Mohd Azni Hamid, Pemandu ii. En. Mazni Nor, Pemandu iii. Pn. Sarinah Salahan, Pembantu Tadbir Kewangan Kanan. iv. Pn. Aini Amirah Jalaluddin, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat v. En. Wan Shahrul Nizam Wan Mohamed Ali, Pembantu Kesatria vi. En. Mohd Amin Nawar, Pemandu	23 Disember 2021 27 Disember 2021

## 5.12 Penutup

Secara keseluruhannya, BPSM telah berjaya melaksanakan enam (6) KPI dan PI di bawah peneraju Pendaftar dan keenam-enam PI ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Sepanjang tahun 2021 telah menyaksikan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak BPSM yang meliputi peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada warga melalui *Onboarding@UCS*, *TIG@UCS* dan Kaunter Digital. Pelaksanaan program Bicara Pentadbir juga telah berjaya meningkatkan kefahaman warga kerja UCS tentang isu-isu semasa dan merupakan satu platform komunikasi yang baik. Keprihatinan kepada warga BPSM juga diberi perhatian melalui penganjuran program Ziarah Kasih.

Bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan pihak BPSM kepada warga UCS di tahap yang baik, prestasi dan kompetensi warga kerja BPSM akan terus dimantapkan dari masa ke semasa melalui latihan dan pembelajaran atas talian.



**Pengurusan  
Fasiliti & ICT**

## 6.0 Pengurusan Fasiliti & ICT


### 6.1 Laporan Pejabat Pengurusan Fasiliti Dan ICT UiTM Cawangan Selangor

#### 6.1.1 Pengenalan

Pejabat Pengurusan Fasiliti dan ICT UiTM Cawangan Selangor telah diwujudkan sejak 2009 seawal kampus Puncak Alam dibina dan mula beroperasi. Kini, Pejabat Pengurusan Fasiliti dan ICT atau lebih dikenali PPF ICT telah beroperasi penuh dengan kapasiti staf berjumlah 86. PPF ICT UiTM Cawangan Selangor (UCS) juga mempunyai bidang kuasa mengurus kampus-kampus satelit UCS iaitu Kampus Puncak Perdana dan Kampus Perubatan Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan. PPF ICT UCS mempunyai empat (4) pejabat utama di Kampus Puncak Alam. Senarai Pejabat adalah seperti berikut:-

- I. Pejabat Pengarah Pengurusan Fasiliti dan ICT
- II. Pejabat Bahagian Operasi Bangunan Dan Infrastruktur (BOBI)
- III. Pejabat Bahagian Operasi *Private Finance Initiative* (PFI)
- IV. Pejabat Operasi ICT (Kini Dikenali Pejabat Infostruktur)

Pejabat-pejabat ini menempatkan staf teknikal dan staf sokongan dalam mendukung sistem sokongan pendidikan di UiTM Cawangan Selangor khususnya dan UiTM secara keseluruhannya. Bagi menyokong penuh hasrat, misi dan visi UiTM dalam menjadikan UiTM sebuah universiti unggul, PPF ICT mempunyai staf yang berkualiti dan mempunyai *skill set* yang khusus dan bidang kepakaran khas dalam menguruskan infrastruktur dan infostruktur di UiTM Cawangan Selangor untuk kelestarian proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang berkesan. Berikut merupakan pecahan staf mengikut bahagian dan pejabat seperti aman maklumat di atas:-



**Keseluruhan 86 orang staf  
(tidak termasuk kekosongan yang belum diisi)**

Gambarajah 1 : Bilangan Staf PPF ICT UCS



### 6.1.1.1 Pejabat Pengarah Pengurusan Fasiliti Dan ICT

Pejabat ini menempatkan beberapa bahagian penting yang menguruskan, menyelaraskan dan melaksanakan audit bangunan, projek dan rekabentuk, serta pengurusan kontrak kerja dan perkhidmatan infra secara keseluruhan bagi fasiliti UCS. Pejabat ini juga mempunyai staf pentadbiran bagi tugas-tugas sumber manusia, pengurusan latihan dan pentadbiran pejabat.

Berikut merupakan jawatan dan bilangan jawatan yang sedia ada terkini di pejabat ini.

JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pengarah	J54	1
Timb. Pengarah	J48	1

Jadual 1 : Senarai Jawatan Tertinggi PPF

### Pentadbiran

JAWATAN	GRED	JUMLAH
Penolong Pendaftar Kanan (Ketua)	N44	1
Pegawai Eksekutif Kanan	N32	1
Kerani Kanan	N22	1
Kerani	N19	1
Pembantu Operasi	N11	1
Pemandu	R3	1

Jadual 2 : Senarai Jawatan Pentadbiran PPF

### Bahagian Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (B3KP)

JAWATAN	GRED	JUMLAH
Juruukur Bangunan Kanan (Ketua)	J44	1
Penolong Jurutera Tertinggi	JA38	1
Penolong Juruukur Bangunan	J29	1
Penolong Jurutera	JA29	0
Pelukis Pelan Seni Bina Kanan	JA22	1
Penolong Jurutera Kanan	JA36	0
Penolong Juruukur Bangunan Kanan	JA36	1
Penolong Jurutera	JA29	1

Jadual 3 : Senarai Jawatan B3KP

**Bahagian Projek dan Rekabentuk**

JAWATAN	GREED	JUMLAH
Arkitek Kanan (Ketua)	J44	1
Jurutera (Kontrak)	J41	2
Penolong Jurutera Tertinggi	JA38	1
Penolong Jurutera Kanan	JA36	1
Penolong Jurutera	JA29	2
Pelukis Pelan Seni Bina Kanan	JA22	1

Jadual 4 : Senarai Jawatan Bahagian Projek dan Reka Bentuk

**Bahagian Pengurusan Tenaga**

JAWATAN	GREED	JUMLAH
Jurutera Kanan (Ketua)	J44	1
Penolong Jurutera Kanan	JA36	2
Penolong Jurutera	JA29	1
Pembantu Kemahiran Kanan	H22	1

Jadual 5 : Senarai Jawatan Bahagian Pengurusan Tenaga


**Bahagian Kontrak dan Kawalan Kos**

JAWATAN	GREED	JUMLAH
Juruukur Bahan Kanan (Ketua)	J44	1
Penolong Juruukur Bahan Kanan	JA36	1
Penolong Juruukur Bahan	JA29	2

Jadual 6 : Senarai Jawatan Bahagian Kontrak &amp; Kawalan Kos

**6.1.1.2 Pejabat Bahagian Operasi Bangunan dan Infrastruktur (BOBI)**

Pejabat ini menguruskan pembaikan, penyelenggaraan infrastruktur konvensional di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Ianya termasuk pembersihan bangunan, pengurusan landskap dan perabot jalan di bawah kawal selia PPF ICT. Pada tahun 2021, sebanyak 30 kontrak perkhidmatan berjumlah RM55,528,957.10 secara keseluruhan sedang beroperasi untuk pengurusan dan penyelenggaraan bangunan dan infra di bangunan konvensional tersebut.



Gambarajah 2 : Aset dan Ruang Konvensional UCS Kampus Puncak Alam

Berikut juga dilampirkan senarai jawatan serta bilangan jawatan terkini di Bahagian Operasi Bangunan dan Infrastruktur.


BAHAGIAN/UNIT	JAWATAN	GED	JUMLAH
BAHAGIAN OPERASI BANGUNAN & INFRASTRUKTUR			
UNIT OPERASI LANDSKAP	Arkitek Lanskap Kanan (Ketua)	J44	1
	Penolong Arkitek Landskap	JA29	3
	Penolong Juruukur	JA29	1
UNIT PENGURUSAN MAJLIS & ADUAN	Juruukur Bangunan Kanan (Ketua)	J44	1
	Penolong Jurutera	JA29	1
UNIT OPERASI BANGUNAN & INFRA AWAM	Jurutera Kanan (Ketua)	J44	1
	Jurutera	J41	1
	Penolong Jurutera Kanan	JA36	1
	Penolong Jurutera	JA29	5
UNIT OPERASI ELEKTRIK	Jurutera Kanan (Ketua)	J44	1
	Penolong Jurutera Tertinggi	JA38	1
	Penolong Jurutera Kanan	JA36	1
	Penolong Jurutera	JA29	5
	Penjaga Jentera Elektrik	J19	2
UNIT OPERASI MEKANIKAL	Jurutera Kanan (Ketua)	J44	1
	Penolong Jurutera	JA29	4

Jadual 7 : Senarai Jawatan Bahagian Operasi Bangunan Dan Infrastruktur

### 6.1.1.3 Pejabat Bahagian Operasi *Private Finance Initiative* (PFI)

Pejabat ini bertanggungjawab menyelaras dan menguruskan kontrak, kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan serta pembayaran kemajuan kepada pihak konsesi PFI yang ada UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam melalui Jawatankuasa Pengesahan Bayaran Tuntutan PFI UiTM Negeri (JPBTN) UCS yang diadakan pada setiap bulan.

Berikut merupakan informasi berkaitan luas kawasan di bawah pengurusan pejabat ini.



Gambarajah 3 : Aset dan Ruang PFI UCS Kampus Puncak Alam

Staf di pejabat ini berdedikasi dalam melaksanakan tugas yang berat apabila berurusan dengan pihak konsesi. Bebanan keperluan dalam CA (*Consession Agreement*) perlu dipatuhi meskipun terdapat beberapa halangan dan permintaan dari pengguna di luar syarat CA. Keperluan kemahiran seperti rundingan dan *social skill* amat penting apabila bertugas di pejabat ini.

Berikut merupakan jawatan terkini sedia ada di pejabat ini :-

JAWATAN	GRED	JUMLAH
Jurutera Kanan	J44	1
Jurutera	J41	1
Ketua Penolong Jurutera	JA40	1
Penolong Jurutera Kanan	JA36	1
Penolong Jurutera	JA29	4
Penolong Jurutera (Kontrak)	JA29	1

Jadual 8 : Senarai Jawatan Bahagian Operasi PFI

## 6.2 Pencapaian Pejabat Pengurusan Fasilti UCS 2021


### 6.2.1 Pencapaian Pengurusan Aduan Fasilti

Berdasarkan teras fungsi Pejabat Pengurusan Fasilti adalah bertanggungjawab terhadap pembaikan, penyelenggaraan fasilti termasuk infrastruktur jalan di dalam UCS beberapa *Key Performance Index* (KPI) telah diwujudkan bagi memastikan sebarang aduan berkaitan fasilti dilakukan dengan tangkas dan efisien. KPI tersebut adalah seperti berikut:-

- 6.2.1.1 10% Aduan Pelanggan Tahun 2021 Dikurangkan Berbanding Tahun 2020
- 6.2.1.2 90% Aduan Pelanggan Dalam Waktu Bekerja Diberi Tindakbalas Dalam Tempoh Kurang Dari 1 Jam
- 6.2.1.3 90% Aduan Pelanggan Diselesaikan Dalam Tempoh 7 Hari
- 6.2.1.4 10% Peningkatan Aduan Inisiatif Tahun 2021 Berbanding Tahun 2020


Berikut merupakan pencapaian yang dapat dicapai pada tahun 2021. Data dicerap sehingga bulan November memandangkan bagi bulan Disember perkiraan data dilakukan pada hari ke-25 setiap bulan.

#### 6.2.1.5 KPI 1 : 10% Aduan Pelanggan Tahun 2021 Dikurangkan




Gambarajah 4 : Jumlah Aduan Kerosakan Diterima Di UCS

**6.2.1.6 KPI 2 : 90% Aduan Pelanggan Dalam Waktu Bekerja Diberi Tindakbalas Dalam Tempoh Kurang Dari 1 Jam**




Gambarajah 5: Status Respon Time Aduan Keseluruhan Diterima Di UCS

**6.2.1.7 KPI 3: 90% Aduan Pelanggan Diselesaikan Dalam Tempoh 7 Hari**



Gambarajah 6: Status Tempoh Siap Aduan Keseluruhan Diterima Di UCS

### 6.2.1.8 KPI 4: 10 % Peningkatan Aduan Inisiatif Tahun 2021 Berbanding Tahun 2020



Gambarajah 7: Status Inisiatif UCS 2021 Berbanding 2020


Bagi pengurusan kontrak dan kawalan kos, staf-staf di PPF amat menitikberatkan pencapaian yang telah ditetapkan kerana ianya melibatkan wang dan pengurusan akaun kontraktor yang dilantik. Proses ini bermula daripada proses kajian awalan sehingga penutupan akaun projek. Ianya termasuk penyediaan sijil siap kerja (*CPC*), Sijil Kerja Tidak Siap (*CNC*), Kelambatan dan Lanjutan Masa (*EOT*), Sijil Memperbaiki Kecacatan (*CMGD*) dan penyediaan Akaun Muktamad. Oleh yang demikian bahagian ini mengawal selia kawalan kos dan kontrak secara berkala melalui mesyuarat bersama Pengarah PPF UCS dan Timbalan Pengarah PPF UCS yang diadakan sebulan sekali. Berikut merupakan sedikit maklumat pencapaian oleh bahagian ini (Bahagian Kontrak dan Kawalan Kos). Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk mengendalikan Jawatankuasa Pentadbiran Projek Negeri (JPePN) yang diadakan sebulan sekali setiap tahun.

### 6.2.2 Pencapaian PPF Dalam Bayaran Kemajuan Bagi Projek-Projek Pada Tahun 2021 di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana

#### RINGKASAN KESELURUHAN BAYARAN BAGI KONTRAK KERJA (SEBUTHARGA & TENDER) MENGIKUT KPI

##### JAN-NOV TAHUN 2021

KPI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH	KPI (%)
< 1 BULAN	0	0	0	0	2	0	0	0	3	4	0	0	9	100%
< 2 BULAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0%
> 2 BULAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0%
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>9</b>	<b>100%</b>



KPI PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER / SEBUTHARGA	
KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)	STATUS PENCAPAIAN
Memastikan 100% dokumen dapat disiapkan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh permohonan penyediaan dokumen	CAPAI


Gambarajah 8: Ringkasan Keseluruhan Bayaran Kontrak Kerja

### 6.2.3 Pencapaian PPF Dalam Penyediaan Surat Setuju Terima Kontrak Bagi Projek-Projek Di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana

#### RINGKASAN KESELURUHAN PENYEDIAAN SURAT SETUJUTERIMA KONTRAK KERJA MENGIKUT KPI

##### JAN-NOV TAHUN 2021

KPI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH	KPI (%)
< 2 MINGGU	0	0	0	0	4	0	0	0	1	0	1	0	6	100%
> 2 MINGGU	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0%
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>100%</b>



KPI BAYARAN	
KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)	STATUS PENCAPAIAN
Memastikan 100% sijil bayaran dapat disiapkan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas tarikh penilaian di tapak	CAPAI


Gambarajah 9: Ringkasan Keseluruhan Penyediaan Surat Setuju Terima



### 6.2.4 Pencapaian PPF Dalam Penyediaan Dokumen Kontrak Kerja, Sebutharga dan Tender Bagi Tahun 2021 Untuk UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana

#### RINGKASAN KESELURUHAN PENYEDIAAN DOKUMEN KONTRAK KERJA MENGIKUT KPI JAN-NOV TAHUN 2021


KPI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH	KPI (%)
< 4 BULAN	1	3	0	0	1	0	1	3	0	0	0	0	9	75%
> 4 BULAN	0	1	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	3	25%
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>100%</b>



Gambarajah 10: Ringkasan Keseluruhan Penyediaan Dokumen Kontrak

#### RINGKASAN KESELURUHAN DOKUMEN TENDER DAN SEBUTHARGA (KERJA) MENGIKUT KPI JAN-NOV TAHUN 2021

KPI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH	KPI (%)
< 1 BULAN	0	0	0	0	2	0	0	0	3	4	0	0	9	100%
< 2 BULAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0%
> 2 BULAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0%
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>9</b>	<b>100%</b>



Gambarajah 11: Ringkasan Keseluruhan Dokumen Tender dan Sebutharga

### 6.2.5 Pencapaian PPF Dalam Pengeluaran Surat Kelulusan JPepN Bagi Tahun 2021 UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana

#### SURAT KELULUSAN JPepN MENGIKUT KPI

##### JAN-NOV TAHUN 2021

KPI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH	KPI (%)
< 3 HARI	0	7	2	3	2	0	2	2	0	2	0	0	20	100%
> 3 HARI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0%
JUMLAH	0	7	2	3	2	0	2	2	0	2	0	0	20	100%



KPI MENYEDIAKAN SURAT KELULUSAN KEPUTUSAN MESYUARAT JPepN	
KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)	STATUS PENCAPAIAN
Memastikan 100% surat kelulusan keputusan JPepN disiapkan dalam tempoh 3 hari bekerja selepas mesyuarat	<b>CAPAI</b>


Gambarajah 12: Pengeluaran Surat Kelulusan JpePN

### 6.2.6 Pencapaian PPF Dalam Penyediaan Akaun Muktamad Bagi Tahun 2021 Untuk UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana

#### PENYEDIAAN AKAUN UKTAMAD MENGIKUT KPI

##### JAN-NOV TAHUN 2021

KPI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH	KPI (%)
< 90 HARI	0	0	3	7	2	0	0	0	0	0	1	0	13	57%
> 90 HARI	0	6	1	0	0	0	0	0	1	1	1	0	10	43%
JUMLAH	0	6	4	7	2	0	0	0	1	1	2	0	23	100%



KPI MENYEDIAKAN BAYARAN AKAUN UKTAMAD	
KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)	STATUS PENCAPAIAN
Memastikan 100% akaun muktamad disiapkan 3 bulan selepas tarikh CMGD	<b>TIDAK CAPAI</b> - kerana pihak kontraktor masih lagi tidak menyiapkan defect di tapak .menyebabkan sijil CMGD tidak dapat dikeluarkan.

Gambarajah 13: Penyediaan Akaun Muktamad

## 6.2.7 Pencapaian Projek-Projek Seliaan PPF Bagi Tahun 2021 di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana

Tahun 2021 juga Malaysia masih dalam keadaan pandemik Covid 19 dan mula untuk bangun semula daripada keadaan pandemik yang teruk pada 2020 sebelum ini. Oleh yang demikian projek pembangunan fasiliti di UiTM Cawangan Selangor tidak rancak seperti tahun-tahun sebelum pandemik. Walau bagaimanapun terdapat juga projek yang berjalan atas dasar keperluan yang mendesak bagi melestarikan pendidikan di Era Pandemik ini. Berikut merupakan ringkasan status projek pembangunan fasiliti di UCS pada 2021.

### 6.2.7.1 Senarai Projek Dalam Pelaksanaan Pada Tahun 2020 (Mula)-2021(Siap)

Bil	Tajuk Projek / Perolehan	Kos Sebenar (RM)	Catatan
1	Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai Dan Naiktaraf Bilik Kuliah Dan Makmal Komputer Kepada Smart Classroom Di Aras 2 & 3, Bangunan Blok Akademik, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Selangor.	97,706.00	Bajet Pengurusan
2	Cadangan Naiktaraf Rumah Pelajar Di Aras 8 Dan 9 (Kolej Kediaman Angsana 3) Dan Di Aras 6 Dan 7 (Kolej Kediaman Rafflesia), UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan	454,500.00	KY2019 (tambahan 4.0J)
3	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Eaves' Bangunan Di Kolej Angsana Dan Kolej Rafflesia, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam	415,490.00	KY2019 (tambahan 4.0J)
4	Cadangan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengujilari Dan Menyelenggara Peralatan Alat Pandang Dengar Secara Pakej Untuk Smart Classroom Di Aras 2 & 3, Bangunan Blok Akademik, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Selangor.	158,100.00	Bajet Pengurusan
5	Cadangan Ubahsuai Dan Naiktaraf Ruang Bawah Dewan Makan Di Kolej Jasmine, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Selangor Darul Ehsan	480,000.00	KY2019 (tambahan 4.0J)
6	Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai Dan Naiktaraf Rumah Pelajar Kepada Rumah Pelajar Antarabangsa, Kolej Kediaman Angsana 3 & Rafflesia 2, Aras 2 Dan 3 UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor.	1,793,628.00	Tabung Amanah Kolej
7	Cadangan Kerja-Kerja Naiktaraf Tandas Blok Akademik, Tandas OKU Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Aras 1, 2, Dan 3, Blok Akademik, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Selangor Darul Ehsan.	298,970.00	KY2019 (tambahan 4.0J)

8	Cadangan Merekabentuk, Membina, Menyiapkan & Mengujilari Dan Mentauliah Bengkel/Studio Pendidikan Seni Dan Senireka Untuk Fakulti Pendidikan, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor.	1,451,793.44	KY 2017 + KY2019(tambahan)
<b>JUMLAH</b>		<b>5,150,187.44</b>	

Jadual 9: Senarai Projek Dalam Pelaksanaan Pada Tahun 2020-2021

### 6.2.7.2 Senarai Projek Siap Dalam Tahun 2021 (Mula Tahun 2021)

Bil	Tajuk Projek / Perolehan	Kos Sebenar (RM)	Catatan
1	Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai Dan Naiktaraf Bilik Kuliah Dan Makmal Komputer Kepada Smart Classroom Di Aras 2 & 3, Bangunan Blok Akademik, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Selangor.	97,706.00	Bajet Pengurusan
2	Cadangan Naiktaraf Rumah Pelajar Di Aras 8 Dan 9 (Kolej Kediaman Angsana 3) Dan Di Aras 6 Dan 7 (Kolej Kediaman Rafflesia), UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan	454,500.00	KY2019 (tambahan 4.0J)
3	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti Eaves' Bangunan Di Kolej Angsana Dan Kolej Rafflesia, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam	415,490.00	KY2019 (tambahan 4.0J)
4	Cadangan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengujilari Dan Menyelenggara Peralatan Alat Pandang Dengar Secara Pakej Untuk Smart Classroom Di Aras 2 & 3, Bangunan Blok Akademik, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Selangor.	158,100.00	Bajet Pengurusan
5	Cadangan Ubahsuai Dan Naiktaraf Ruang Bawah Dewan Makan Di Kolej Jasmine, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Selangor Darul Ehsan	480,000.00	KY2019 (tambahan 4.0J)
<b>JUMLAH</b>		<b>1,605,796.00</b>	

Jadual 10: Senarai Projek Siap Dalam Tahun 2021

## 6.3 Anugerah Kampus Lestari Hijau UiTM 2021

Pada tahun 2021 juga, merupakan pencapaian yang manis buat pasukan Program Kelestarian Kampus Hijau UCS yang diselaraskan oleh Pn Ir Edwina Hamzah, Ketua Bahagian Pengurusan Tenaga PPF UCS, selaku Pegawai Penyelaras Program Kelestarian Kampus Hijau kerana telah berjaya menjadi **JOHAN Anugerah Kampus Lestari Hijau UiTM 2021 Kategori Zon Tengah**. Penyatuan maklumat dan kerjasama serta dedikasi dari semua staf PPF ICT yang terlibat dalam menyediakan laporan terbaik untuk dihantar kepada pihak penganjur meskipun dibebani dengan tugas hakiki masing-masing. Ini merupakan pemangkin terhadap kesinambungan program kelestarian kampus hijau untuk diteruskan pada masa hadapan. Berikut merupakan ahli-ahli penulis yang berganding bahu dan bergabung tenaga dan kepakaran bagi menjayakan pelaporan untuk meraih kejuaraan ini.:-

- |                            |   |                             |
|----------------------------|---|-----------------------------|
| 1. Ir Hj Junaidi Muslim    | - | Pengarah PPF ICT            |
| 2. Hjh Rose Hanita Ahmad   | - | Timbalan Pengarah PPF       |
| 3. Ir Edwina Hamzah        | - | Jurutera Kanan (Elektrik)   |
| 4. Sr Mohd Shahrudin Saud  | - | Juruukur Bangunan Kanan     |
| 5. Irwan Ismadi Masout     | - | Arkitek Landskap Kanan      |
| 6. Murni Akida Nasir       | - | Arkitek Kanan               |
| 7. Noor Azniza Baharuddin  | - | Jurutera Kanan (Awam)       |
| 8. Mohd Fauzi Hassim       | - | Jurutera Kanan (Mekanikal)  |
| 9. Mohd Nizzuan Mat Hassan | - | Jurutera Kanan (Elektrikal) |
| 10. Mohammad Hisham Alias  | - | Penolong Pendaftar Kanan    |

lanya juga menjadi pembakar semangat kepada produk dan program inovasi daripada PPF dan ICT di masa akan datang.



Gambarajah 14: Pemakluman Melalui Facebook Rasmi UCS

## 6.4 Laporan Bahagian ICT Bagi Tahun 2021

### 6.4.1 Pengenalan

Bahagian ICT telah diletakkan di bawah Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT (PPFICT) sejak Januari 2016. Terdapat empat (4) unit utama di Bahagian ICT iaitu Unit Sistem Aplikasi, Unit Perkhidmatan ICT, Unit Infrastruktur ICT dan Unit Pentadbiran. Ketua Bahagian ICT melapor ke Pengarah PPFICT. Keahlian Ketua Bahagian ICT adalah ahli turut hadir di dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Selangor.

Keurusetiaan yang dipertanggungjawabkan di bawah Bahagian ICT adalah Jawatankuasa Penilaian Projek & Teknikal ICT & Elektronik Negeri (JITEN).

## 6.4.2 Fungsi / Teras Utama

Fungsi/ Teras utama untuk Bahagian ICT adalah:

Pengurusan Sistem Aplikasi	Pengurusan Infrastruktur ICT	Pengurusan Perkhidmatan ICT	Pentadbiran
Pembangunan & Selenggaraan Sistem Aplikasi Kampus Bantuan Teknikal Sistem Aplikasi Universiti	Perancangan & Perkhidmatan Rangkaian Perancangan & Perkhidmatan Bilik Server Perancangan & Perkhidmatan Keselamatan ICT Perancangan & Perkhidmatan <i>IP Phone</i> Perkhidmatan SmartBill IP Phone	Perkhidmatan Perisian Perkhidmatan Kad Pelbagai Guna Perkhidmatan Web Pengurusan Insiden ICT Perkhidmatan Sokongan Pengguna Pengurusan Makmal Komputer	Pengurusan Am Pejabat Pengurusan Sumber Manusia Pengurusan Fail Inventori/Aset & Bekalan Pejabat Pengurusan Pembayaran Keurusetiaan Jawatankuasa Penilaian Projek & Teknikal IT & Elektronik Negeri (JITEN)

## 6.4.3 Senarai perkhidmatan yang diberikan oleh Bahagian ICT adalah:

Bil	Perkhidmatan	Keterangan Ringkas	Staf	PTJ	Pelajar
1.	Bantuan ICT ( <i>service desk</i> )	Mengurus sokongan pengguna tahap 1, aduan perkhidmatan ICT & penerimaan insiden	Ya	Ya	Ya
2.	Sokongan Teknikal	Mengurus pinjaman komputer, membaiki kerosakan komputer & teknikal di lokasi pengguna	Ya	Ya	Tidak
3.	Bantuan Staf Teknikal	Memberikan bantuan staf teknikal untuk program rasmi	Tidak	Ya	Tidak
4.	Kad Pelbagai Guna	Mengurus pengeluaran kad pelbagai guna	Ya	Tidak	Ya
5.	Perisian	Menyediakan perisian umum	Ya	Tidak	Ya
6.	<i>Toner</i> Pencetak	Mengurus perolehan <i>toner</i> untuk keperluan PTJ	Tidak	Ya	Tidak
7.	Sidang Video	Menyediakan perkhidmatan sidang video untuk mesyuarat & program rasmi	Ya	Ya	Ya
8.	Sistem Rekod Kehadiran & Akses Masuk	Menyediakan sistem rekod kehadiran & akses masuk melalui <i>thumb print</i>	Ya	Tidak	Tidak
9.	Sistem Paparan Multimedia	Mengurus hebahan maklumat	Tidak	Ya	Tidak
10.	Laman Web	Mengurus operasi teknikal laman web	Tidak	Ya	Tidak
11.	Akaun <i>Wireless</i>	Mengurus capaian internet secara <i>wireless</i>	Ya	Tidak	Ya
12.	<i>Ip Telephony</i>	Menyediakan kemudahan <i>Ip Telephony</i>	Tidak	Ya	Tidak
13.	Pembangunan Sistem Aplikasi	Membangunkan sistem aplikasi	Tidak	Ya	Tidak
14.	Keurusetiaan Jawatankuasa Penilaian Projek dan Teknikal ICT dan Elektronik Negeri (JITEN)	Kelulusan penilaian teknikal perolehan ICT, alat pandang dengar, peralatan elektronik pejabat & peralatan telekomunikasi	Tidak	Ya	Tidak

#### 6.4.4 Pencapaian Tahun 2021

Berikut adalah senarai pencapaian aktiviti/projek yang telah dilaksanakan/siap sepanjang tahun 2021.

No.	Aktiviti/Projek	Siap
1.	Membekal, memasang dan menaiktaraf sistem rangkaian di PTAR Kampus Puncak Perdana.	5 Januari 2021
2.	Membekal, Menghantar, Memasang & Mengujilari Perkakasan Sistem Rangkaian Wifi di Kolej Angsana & Rafflesia.	29 Januari 2021
3.	Menyiapkan perkakasan ICT untuk keperluan 2 buah <i>Smart Classroom</i> .	20 Februari 2021
4.	Penambahbaikan Laman Web UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.	25 Februari 2021
5.	Membekal dan menghantar <i>toner</i> untuk Pejabat Rektor & Unit Komunikasi Korporat.	22 Mac 2021
6.	Membekal, menghantar, memasang, mengujilari dan menyelenggara kelengkapan wifi beserta <i>switch</i> di Aras 1, Aras 2 dan Dewan Seminar di Fakulti Pengurusan Maklumat.	24 Mac 2021
7.	Menaiktaraf Laman Web UiTM Puncak Perdana.	6 April 2021
8.	Perolehan <i>web cam</i> (13 unit) untuk pegawai.	6 April 2021
9.	Perolehan komputer desktop sewaan baru (25 unit).	31 Mei 2021
10.	Pembangunan Sistem eMerit <i>Mobile Apps</i> untuk kolej kediaman.	17 Jun 2021
11.	Pembangunan Sistem eRekod V3 untuk kolej kediaman.	29 Julai 2021
12.	Membekal dan menghantar toner untuk kegunaan pejabat pentadbiran kampus.	24 November 2021
13.	Perolehan penggantian <i>switch</i> rosak di Aras 5 & 7 Bangunan FF1.	7 Disember 2021
14.	Pembangunan Sistem <i>eDOCTRACK</i> untuk Bahagian Kontrak & Kawalan Kos, Pejabat Pengurusan Fasiliti.	31 Disember 2021

### 6.5 Penutup

Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) dan ICT akan terus berusaha ke arah pengurusan yang kejut dan beretika serta berintegriti selaras dengan hasrat Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan Selangor khususnya. Selaras dengan perancangan strategik universiti, PPF akan sentiasa memastikan sistem sokongan infrastruktur dan infostruktur di UiTM Cawangan Selangor diselenggara dan dijaga dengan baik demi memberikan keselesaan dan persekitaran Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) yang kondusif dan menjadi kegemaran para pelanggan terutamanya para pelajar dan staf di UiTM Cawangan Selangor. Kerjasama dan semangat setia kawan kakitangan pejabat pengurusan fasiliti adalah menjadi satu amalan yang sentiasa diterapkan dalam organisasi kecil di pejabat ini.







**Perpustakaan  
Tun Abdul Razak**

## 7.0 Perpustakaan Tun Abdul Razak

### 7.1 Pengenalan

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam telah memulakan perkhidmatannya pada 27 Julai 2009 di Tingkat 5, Bangunan Plaza Satelit B (PSB). Menerusi pembangunan Fasa 2, Perpustakaan Kampus Puncak Alam telah berpindah ke bangunan baharu dan beroperasi sepenuhnya pada Mei 2014.

Bangunan baharu ini mempunyai empat aras yang mampu menampung 1,300 tempat duduk dalam satu masa. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan diharap dapat memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan ilmu dalam kalangan warga UiTM.

#### 7.1.1 Visi Perpustakaan UiTM

Mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan melalui sumber dan pengurusan ilmu serta teknologi terkini bagi menyokong pembelajaran dan penyelidikan dengan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti serta penyediaan persekitaran yang selesa dan mesra untuk warga UiTM

#### 7.1.2 Misi Perpustakaan UiTM

Menjadikan perpustakaan UiTM yang unggul sebagai pemangkin kesarjanaan dan kecemerlangan universiti dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang boleh dicapai oleh pengguna secara fizikal dan maya

#### 7.1.3 Objektif Perpustakaan UiTM

- Menjadikan Perpustakaan UiTM sebagai pusat maklumat cemerlang dari aspek perkhidmatan pelanggan.
- Menjadikan Perpustakaan UiTM cemerlang dari aspek kepelbagaian sumber ilmu yang terkini dan komprehensif, perkhidmatan dan kemudahan ICT yang mantap melalui penambahbaikan proses kerja dan keberkesanan kos.
- Mewujudkan tenaga kerja yang terlatih, mempunyai pelbagai kemahiran, beretika tinggi, proaktif dan semangat berpasukan melalui latihan pendidikan yang berterusan serta peningkatan dalam kerjaya.
- Membentuk staf perpustakaan yang berintegriti dan berakauntabiliti serta mempunyai jati diri dan mengamalkan nilai-nilai murni serta berusaha menjadikan staf perpustakaan berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif, dan berfikiran terbuka.
- Mempertingkatkan keberkesanan pengagihan kos.
- Mempertingkatkan keberkesanan penggunaan sumber-sumber (manusia, peralatan, sistem, koleksi dan ruang).

## 7.2 Fungsi / Teras Utama

PTAR UiTM Cawangan Selangor komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan perpustakaan dapat diurus dan ditadbir dengan cemerlang. Oleh yang demikian, fungsi atau skop utama PTAR dibahagi kepada tiga (3) bahagian utama iaitu:


BAHAGIAN PENTADBIRAN ORGANISASI	BAHAGIAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN	BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN
Menyelaras program/aktiviti (takwim) Bahagian Perancangan, pelaksanaan dan pencapaian PS dan KPI Bahagian Mengurus Tadbir Urus Perpustakaan Menyelaras Perancangan Strategik & Kualiti perpustakaan Mengurus sistem fail dan rekod Pentadbiran perpustakaan Perancangan dan pemantauan pelaksanaan operasi Unit Arkib Cawangan Selangor. Merancang pemerolehan bahan arkib. Merancang pemuliharaan koleksi perpustakaan dan arkib	Merancang dan menyelaras keperluan pembangunan sumber bahan bercetak perpustakaan (bahan silibus/koleksi khas/majalah dan jurnal, pesanan tetap) Mengurus dan memantau prestasi perbelanjaan peruntukan pembelian bahan bercetak Mengurus pengindeksan bahan perpustakaan Mengurus pengkatalogan bahan perpustakaan Mengurus pelupusan bahan bercetak perpustakaan	Perancangan perkhidmatan pelanggan dan koleksi perpustakaan Perancangan bagi mempergiatkan program galakan membaca di peringkat universiti Perancangan kerjasama strategik jaringan komuniti (fakulti, perpustakaan, universiti, industri dalam atau luar negara) Perancangan penyelidikan berkaitan perpustakaan Perancangan Program Literasi Maklumat di peringkat universiti Perancangan Perkhidmatan rujukan perpustakaan Perancangan pelan promosi dan publisiti perpustakaan serta pameran utama PTAR Merancang dan Mengurus hal ehwal Pegawai Perhubungan Perpustakaan (PPP) dan Pegawai Perhubungan Fakulti Mengurus penulisan rasmi perpustakaan Menyelaras taklimat, lawatan dari luar PTAR Menyelaras aduan dan maklumbalas pelanggan perpustakaan

## 7.3 Pencapaian Tahun 2021

Pencapaian yang telah diperolehi sepanjang tahun 2021 oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak merangkumi perkara – perkara berikut.

### 7.3.1 Kajian kepuasan staf Perpustakaan

Soal selidik kepuasan bekerja staf dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan bekerja staf Perpustakaan UiTM. Sasaran peratusan pencapaian adalah sebanyak 80% tahap kepuasan yang merangkumi skop **Kepimpinan ketua, Hubungan di tempat kerja, Latihan & Pembangunan diri dan Infrastruktur**. Hasil dapatan soal selidik ini, PTAR UiTM Cawangan Selangor telah berjaya mencapai **95.1%**.



### 7.3.2 Anugerah

Puan Nurul Diana Jasni telah dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Pentadbir UiTM bagi tahun 2020 di bawah kategori Anugerah Pentadbir Terbilang.



### 7.3.3 Penulisan dan Penerbitan

Sepanjang tahun 2020, sebanyak dua (2) artikel telah berjaya diterbitkan oleh staf PTAR UiTM Cawangan Selangor. Hasil motivasi daripada dua (2) orang staf tersebut, sebanyak lima (5) artikel lagi telah berjaya diterbitkan oleh tiga (3) orang staf PTAR Cawangan Selangor pada tahun 2021. Senarai tajuk penulisan staf adalah seperti berikut :

Bil.	Tajuk	Penulis	Penerbitan
1	<i>Conference LibPro - IFLA WLIC 2018 Volunteers : Sharing experience from social media assistant team</i>	Puan Nurul Diana Jasni	<i>Library and Professional Seminar (LibPro)</i>
2	<i>Customer driven approach in organizational learning: a case of information agency</i>	Puan Shahidatul Akhmam binti Ramli	<i>Library and Professional Seminar (LibPro)</i>

3	Program Bacaan Pantas staf UiTM Puncak Alam : Kajian terhadap Pencapaian Peserta.	Puan Nurul Diana Jasni	Jurnal Sekitar Perpustakaan
4	<i>Librarian Ideas : a dynamic response to COVID-19 pandemic</i>	Puan Nurul Diana Jasni	E-Prosiding
5	<i>Reference Desk Services during COVID-19: trend analysis of UiTM Cawangan Selangor Library</i>	Puan Nur Fatimah Muhamad & Puan Nurul Diana Jasni	E-Prosiding
6	<i>Information sharing on social media using NodeKL</i>	Encik Hazrul Amir bin Tomyang	<i>Journal of Academic Library Management (AcLiM)</i>
7	<i>Libraries Opportunities and Trends for Disseminating and Knowledge Engagement in the Context of The Covid-19 Pandemic</i>	En Hazrul Amir bin Tomyang & Puan Mazwani Ayu Mazlan	<i>Journal of Information and Knowledge Management (JIKM)</i>

### 7.3.4 Audit luar – Lloyd’s

Pada 14 Disember 2021, satu sesi audit oleh pihak luar telah dijalankan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana. Pengauditan ini merangkumi semakan terhadap proses kerja Perkhidmatan dan Perolehan bahan perpustakaan. Kedua-dua lokasi telah berjaya memperolehi **audit bersih** bagi sesi pengauditan ini.



### 7.3.5 Penganjuran Program Webinar


Sepanjang tahun 2021, terdapat 40 program anjuran PTAR yang menyokong kepada 17 Sustainable Development Goals. Program – program ini merangkumi Program Live@PTAR, Read@UiTM dan penganjuran kursus dan latihan kepada staf. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil	Senarai program	Tarikh
1	Live @PTAR “Hypertension - Manage Your Diet Well”	20 Januari 2021
2	A guide to getting Published	8 Mac 2021

3	<i>Kursus Be creative with graphic for beginners</i>	27 April 2021
4	<i>Live@PTAR: Bersama Dr. Pakar Anda Simple Assesment of Health at Home</i>	2 Julai 2021
5	<i>Live@PTAR: Bersama Dr. Pakar Anda Weight Management Strategies</i>	9 Julai 2021
6	<i>Live@PTAR: Bersama Dr. Pakar Anda Craving and Myths on Diet</i>	16 Julai 2021
7	<i>Live@PTAR: Bersama Dr. Pakar Anda Exercise is Medicine</i>	23 Julai 2021
8	<i>Live@PTAR: Bersama Dr. Pakar Anda Mental Health and Wellness</i>	30 Julai 2021

### 7.3.6 Pencapaian Petunjuk Prestasi bagi perancangan strategik PTAR UCS

Meskipun PTAR UCS berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan disebabkan pandemik serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksana bagi memastikan setiap penetapan sasaran petunjuk prestasi ini dapat dicapai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa sasaran yang tidak dapat dicapai kerana faktor – faktor yang tidak dapat dielakkan seperti melibatkan kehadiran pelajar di dalam kampus.



PETUNJUK PRESTASI	SASARAN TAHUN 2021	PENCAPAIAN TAHUN 2021	PERATUS PENCAPAIAN
<b>PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN</b>			
PI 1 : Bilangan pengunjung fizikal perpustakaan	21,000	27,367	<b>130.3%</b>
PI 2: Bilangan pinjaman bahan perpustakaan	21,000	3,384	16.11%
PI 3 : Bilangan pengguna perkhidmatan konsultasi penyelidikan dan rujukan perpustakaan	5,902	4,119	<b>69.8%</b>
PI 4: Bilangan peserta Program Pendidikan Pengguna (KKM, MOOCs, Orientasi dan Taklimat Perpustakaan)	22,922	19,137	<b>83.5%</b>

PI 5 : Bilangan penghantaran perkhidmatan <i>Selective Dissemination Information</i> (SDI)	36	42	<b>116.67%</b>
PI 6: Bilangan hebahan promosi perpustakaan	1,800	3,791	<b>210.6%</b>
PI 7: Bilangan pameran perpustakaan	24	41	<b>170.8%</b>
PI 8: Bilangan program <i>Library Outreach</i>	5	11	<b>220%</b>
PI 9: Bilangan penerbitan rasmi perpustakaan	170	782	<b>460%</b>
PI 10: Bilangan program siaran langsung	4	15	<b>375%</b>
PI 11: Bilangan pelaksanaan program <i>Read@UiTM</i>	32	30	<b>93.75%</b>
PI 12: Bilangan penulisan staf perpustakaan UiTM	4	6	<b>150%</b>
<b>PEMBANGUNAN BAHAN PERPUSTAKAAN</b>			
PI 13: Bilangan judul perolehan buku bercetak	874	748	85.6%
PI 14: Bilangan penerimaan bahan harta intelek Universiti	1,788	1,459	<b>81.6%</b>
PI 15: Peratus bahan silibus sedia ada	100%	86%	<b>86%</b>
PI 16: Peratus bahan silibus baharu	100%	74.6%	<b>74.6%</b>
PI 17 : Bilangan penerimaan bahan kandungan tempatan	220	405	184.09%
PI 19: Bilangan muat turun Pangkalan Data Atas talian (PDAT)	2,804,644	2,793,238	99.6%
PI 20: Bilangan muat turun <i>eBook</i>	157,564	155,586	<b>98.7%</b>
<b>PERKHIDMATAN DIGITAL</b>			
PI 24: Bilangan <i>pageview</i> portal perpustakaan	200,000	116,792	<b>58.4%</b>
<b>PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB</b>			
PI 31: Bilangan penerimaan rekod penting universiti	1,000	1,018	101.8%
PI 32: Bilangan rekod penting universiti yang boleh diakses melalui <i>Online Finding Archive</i> (OFA)	500	946	189.2%
PI 33: Bilangan rujukan bahan arkib	200	111	<b>55.5%</b>
PI 36 : Bilangan konsultasi pengurusan rekod dan arkib (RDMS)	20	46	230%

PI 37: Bilangan pelupusan rekod PTJ	4	5	125%
PI 38: Peratus lantikan pengurus rekod PTJ	27	20	74.07%
<b>PENTADBIRAN ORGANISASI</b>			
PI 39: Peratus staf yang mencapai kepuasan bekerja di Perpustakaan UiTM	80%	95.10%	95.10%
PI 41: Peratus staf menghadiri minima 42 jam latihan setahun	68	62	91.18%
PI 42: Peratus staf yang mengikuti Latihan Sangkut	6	19	316.67%
PI 43: Bilangan program PTAR yang menyokong SDG	30	100	333.33%
PI 47: Peratus pencapaian PI yang menyokong kepada Teras Strategik UiTM	32	21	65.6%

## 7.4 Penutup

Transformasi kehendak dan keperluan pelanggan yang mahukan pengaksesan bahan perpustakaan secara maya memerlukan pihak PTAR menukar mekanisma penyediaan perkhidmatan agar dapatan maklumat dapat diakses dengan lebih pantas dan mudah. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, PTAR akan terus berusaha untuk pemerkasaan penyampaian perkhidmatan digital yang lebih mantap dan komprehensif selari dengan lonjakan perubahan keperluan dan kehendak pelanggan semasa.





**Laporan Unit-  
unit di bawah  
Pejabat Rektor**

## 8.0 Laporan Unit-unit di bawah Pejabat Rektor

### 8.1 Unit Hal Ehwal Islam, (UHEI)

#### 8.1.1 Pengenalan

Unit Agama adalah nama asal bagi Unit Hal Ehwal Islam, ditubuhkan pada 3 Mac 1971 di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Penubuhannya bertujuan membantu dan menolong para pelajar melengkapkan diri dengan pengetahuan asas agama.

Dengan kehidupan kini yang semakin kompleks, maka peranan dan fungsi UHEI turut melalui proses perluasan skop demi memastikan UHEI kekal relevan untuk dijadikan rujukan utama berkaitan aktiviti kerohanian dan budaya hidup beragama dikalangan warga UiTM.

UHEI sentiasa komited untuk memberikan khidmat bakti dalam menjayakan misi dan visi UiTM. Bahkan UHEI sering meraikan dan melakukan proses penambahbaikan berterusan dalam pengoperasiannya. Fokus UHEI adalah memberikan perkhidmatan bertaraf dunia melalui pengurusan tangkas dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Tahun 2021 kekuatan sumber manusia UHEI adalah seperti berikut:

JAWATAN	UiTM CAWANGAN SELANGOR			
	PUNCAK ALAM (KPA)	PUNCAK PERDANA (KPP)	SG BULOH / SELAYANG	DENGKIL
Timbalan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan	1			
Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan	2	1		1
Pegawai Hal Ehwal Islam	1			
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	2		1	1
Pembantu Hal Ehwal Islam	1	1		
Pembantu Operasi Pejabat	1			
JUMLAH MENGIKUT KAMPUS	8	2	1	2
JUMLAH KESELURUHAN	13			

#### 8.1.2 Fungsi/Teras Utama

Matlamat tiga (3) fungsi utama Seksyen di bawah UHEI adalah menyokong kecemerlangan Universiti dalam aspek menyediakan tenaga kerja berilmu, berdisiplin, Amanah, rajin dan bertanggungjawab (i-DART) di samping melahirkan graduan yang seimbang jasmani, rohani, emosi dan memiliki daya saing diperingkat global dan glocal.

### 8.1.2.1 Seksyen Pengurusan dan Imarah Masjid

- Mengurus dan mentadbir Solat Fardu, Solat Jumaat dan Solat Sunat
- Mengurus doa majlis rasmi dan majlis kerohanian
- Merancang dan menjalankan program-program sempena Sambutan Hari Kebesaran Islam:
  - Maal Hijrah
  - Maulidur Rasul
  - Israk Mikraj
  - Ihya Ramadhan
- Mengurus informasi dan multimedia masjid
- Mengurus dan mentadbir prasarana serta kemudahan masjid
- Merancang dan menjalankan program pengimarah masjid
  - (Contoh: Kuliah/Kelas Pengajian al-Quran/Kelas Talaqqi Berkitab)
- Mengurus kewangan masjid – Setiausaha Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI)

### 8.1.2.2 Seksyen Bimbingan dan Pendidikan

- Mengurus dan menyelia bimbingan dan nasihat agama individu
- Mengurus dan menyelia bimbingan dan nasihat agama kelompok
- Merancang dan menjalankan program pendidikan berbentuk:
  - Pembangunan dan pengukuhan diri
  - Pencegahan
  - Pemulihan
- Menyelaras bimbingan dan nasihat agama individu Asnaf (Saudara Kita)
- Merancang dan menjalankan Program Pembangunan Asnaf
- Merancang dan menerbitkan informasi jabatan
- Mengurus dan menyelaras Kokurikulum Kerohanian

### 8.1.2.3 Seksyen Dakwah dan Khidmat Komuniti

- Merancang dan mengurus Pengajian Talaqqi Berkitab
- Merancang dan menjalankan program pembangunan keluarga dan masyarakat (contoh: Keluarga Sakinah/Fiqh Wanita/ Kem Cuti Sekolah)
- Merancang dan menjalankan program khidmat komuniti (CSR)
- Merancang dan menerbitkan bahan-bahan dakwah
- contoh: Bookmark /Poster/Brochure /Tips Islami dan lain-lain).
- Merancang, dan menjalankan program dakwah berbentuk pertandingan/ kempen dan lain-lain

### 8.1.3 Piagam pelanggan UHEI adalah:

- **85% pelanggan berpuashati dengan perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama.**
- **Menyediakan imam dan bilal untuk solat lima (5) waktu dan solat jumaat TANPA GAGAL KECUALI pada hari cuti umum.**
- **Memproses tuntutan bayaran penceramah dalam tempoh tujuh (7) HARI BEKERJA.**
- **Memastikan semua informasi Islam yang diterbitkan BETUL dan BENAR.**

## 8.1.4 Pencapaian Tahun 2021

### Perkhidmatan Bimbingan dan Nasihat Agama

Perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama adalah antara fungsi utama UHEI. Melalui perkhidmatan ini warga UiTM dan komuniti berpeluang untuk meningkatkan kefahaman agama, mendapatkan penjelasan dan pencerahan terhadap hukum-hukum dalam Islam, mendapatkan bimbingan secara langsung tentang amalan hidup beragama yang benar dan menghindari diri daripada terlibat dengan ajaran yang bercanggah dengan ajaran Ahli Sunah Waljamaah.

Warga UiTM dan komuniti boleh mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama ini secara individu atau secara berkumpulan. Maklumat peribadi pelanggan bimbingan dan nasihat agama adalah SULIT dan UHEI komited menjaga KERAHSIAAN

#### 8.1.4.1 Sasaran Dan Pencapaian Bimbingan dan Nasihat Individu


TAHUN	SASARAN	BILANGAN	% PENCAPAIAN
2020	2250	1940	86%
2021	1425	2433	170%

Pada tahun 2021, UHEI menetapkan sasaran seramai 1425 pelanggan mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama individu. Berdasarkan data yang direkodkan, UHEI telah memberi perkhidmatan kepada 2433 orang bersamaan 170%.

##### 8.1.4.1.1 Peratus Pelanggan Bimbingan dan Nasihat Agama Individu


Berikut adalah data pelanggan yang telah mendapatkan khidmat 12 orang Pegawai Hal Ehwal Islam pada tahun 2021 di Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana, Kampus Sg. Buloh dan Kampus Dengkil.

Warga UiTM dan komuniti boleh mendapatkan perkhidmatan ini melalui cara walk-in atau kaedah virtual. Namun, sepanjang tempoh pandemik COVID-19, perkhidmatan ini hanya ditawarkan melalui kaedah virtual sahaja (e-mail, telefon atau Aplikasi Whatsapp). Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan peratus kategori pelanggan dan jenis bimbingan yang telah menerima perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama secara individu dan kelompok.



Jadual 1


Pada tahun 2021, seramai 2433 orang telah mendapat perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama individu. Daripada jumlah tersebut, 88.3% pelanggan terdiri daripada pelajar, 8.7% daripada kalangan staf dan 3% pelanggan komuniti. Manakala mengikut jantina, 75% pelanggan terdiri daripada kaum perempuan berbanding 25% kaum lelaki.



Jadual 2

Terdapat tujuh (7) jenis bimbingan yang ditawarkan oleh UHEI. Daripada jumlah 2433 pelanggan yang hadir, 11.3% mendapatkan khidmat nasihat tentang akademik, 69.7% berkaitan kewangan, 6.7% isu akidah, 6.4% berkaitan akhlak, 15.3% belajar tentang al-Quran, 4.9% mendapatkan pencerahan isu Syariah, hukum hakam agama dan 14.2% hadir bagi mendapatkan bantuan khidmat nasihat menjalankan aktiviti kerohanian.

### 8.1.4.2 Peratus Bimbingan dan Nasihat Agama Kelompok




Jadual 3

95% pelanggan bimbingan dan nasihat agama kelompok adalah terdiri daripada staf UiTM. 4% dalam kalangan pelajar dan 1% pelanggan komuniti. Didapati peratus staf lebih tinggi berbanding pelajar. Keadaan ini jarang berlaku. Pada kebiasaannya, peratusan pelajar lebih tinggi berbanding staf. Maka UHEI berpendapat situasi ini terjadi mungkin kesan daripada pandemik COVID-19 di mana tidak ramai pelajar berada di dalam kampus dan pelajar mengikuti pengajian secara atas talian (ODL). Seperti kebiasaannya, pelanggan wanita mencatatkan peratusan lebih tinggi iaitu 62% berbanding lelaki 38%.

### 8.1.4.3 Peratus Kepuasan Pelanggan Bagi Perkhidmatan Bimbingan Dan Nasihat Agama Individu Serta Kelompok dan Program

Kepuasan pelanggan sentiasa menjadi keutamaan UHEI dalam memberi dan menyampaikan perkhidmatan. Setiap perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama individu dan kelompok serta program yang dilaksanakan akan dinilai oleh para pelanggan. Pada tahun 2021, pencapaian kepuasan pelanggan bagi bimbingan dan nasihat agama individu ialah 94%. Manakala bagi perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama kelompok dan program ialah 98.4%.




Jadual 4

### 8.1.5 Penganjuran Program

#### 8.1.5.1 Penganjuran Program Mengikut Kategori

Pada tahun 2021, UHEI UCS telah melaksanakan sebanyak 545 program di Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sg. Buloh/ Selayang dan Kampus Dengkil. 16 program dianjurkan sempena sambutan hari kebesaran Islam dan sambutan Hari Kemerdekaan (Maal Hijrah, Israk Mikraj, Ihya Ramadhan, dan Maulidur Rasul). 450 program kuliah pengajian dalam pelbagai aspek (Tajwid al Quran, Akidah, Akhlak, Syariat, Fiqh dan Sirah) dan 79 program keilmuan, merangkumi pelbagai topik semasa dikongsikan dengan warga UiTM dan warga maya.






Jadual 5

### 8.1.5.2 Penyertaan Program

Rekod penyertaan program UHEI direkodkan menggunakan google form. Pada tahun 2021, seramai 43,281 orang telah mengikuti dan mendapat manfaat daripada program anjuran UHEI. Daripada jumlah tersebut, seramai 26,743 peserta daripada kalangan staf, 16,216 peserta terdiri daripada pelajar dan 322 peserta dalam kalangan komuniti.



Jadual 6

### 8.1.6 Penjanaan Kewangan


Bagi menjayakan segala perancangan program dan aktiviti kerohanian, program menyambut hari kebesaran Islam dan program keilmuan, sumber kewangan diperolehi daripada yuran pelajar dan sumbangan staf serta orang awam yang dimasukkan dalam Tabung Amanah Pusat Islam dan Tabung Kasih.

#### 8.1.6.1 Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI)



Jadual 7

### 8.1.6.2 TABUNG AMANAH KASIH UCS



Jadual 8


### 8.1.7 Penganjuran Program Berimpak Tinggi

Inspirasi daripada Pelan Strategik 2025 UiTM, UHEI telah bekerjasama dengan Fakulti Pendidikan UiTM untuk menganjurkan Program Webinar Series: Pendidikan dan Pembangunan Kanak-Kanak.

Objektif utama program ini adalah untuk mengoptimumkan tenaga pakar dalaman (UiTM) yang terdiri daripada para pensyarah Fakulti Pendidikan UiTM dan mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang perkembangan dan keperluan awal kanak-kanak. Program ini menyatukan para ilmuan untuk mereka mencurahkan ilmu dan memberi kefahaman kepada ahli masyarakat khususnya warga UiTM Cawangan Selangor meliputi aspek perkembangan fizikal, pembangunan intelektual dan keperluan emosi kanak-kanak agar setiap kanak-kanak dibesarkan dalam persekitaran yang sihat, mendapat keperluan yang seimbang fizikal, emosi dan rohani serta disantuni dengan tingkah laku yang baik.

Sebanyak 10 siri telah berjaya dilaksanakan, melibatkan 12 tenaga pensyarah UiTM dan pakar dalam bidang berkaitan. Seramai 2378 peserta, terdiri daripada 2340 staf UiTM, tiga (3) pelajar UiTM dan 35 komuniti setempat telah mengikuti webinar series ini. Rata-rata peserta berpuashati bahkan tidak teragak-agak menyatakan bahawa program ini telah membantu mereka mengamalkan gaya keibubapaan yang lebih baik dalam menyantuni keperluan anak-anak mereka.

### 8.1.7.1 Penyertaan Program



Jadual 9

### 8.1.7.2 Senarai Penceramah dan Tajuk


SIRI	TAJUK	PENCERAMAH
1	Pendidikan dan Pembangunan Anak-Anak Tanggungjawab Bersama	Dr. Khadijah Said Hashim, Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan, UiTM
2	Komunikasi Berkesan dengan Kanak-Kanak dalam Membentuk Minda Dinamik	Dr. Fatin Aliana Mohd Radzi, Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan,UiTM
3	Mendidik Anak Anak Mencintai Ramadan	Puan Badariah Ismail, Founder Dzuliman Smart Khalifah
4	Kepentingan Bermain	Dr. Farhana binti Wan Yunus, Pensyarah Fakulti Pendidikan Puan Nadia Ainuddin binti Dahlan, Pensyarah Fakulti Pendidikan, UiTM
5	Pendidikan Anak-Anak Menurut Abdullah Nashi Ulwan	Dr. Mohamad Kamil Abd Majid, Pengasas Yayasan Usuludin Malaysia
6	Diet Si Comel	En. Ahmad Shakirin Sulong, Pegawai Dietetik, Hospital Kemaman, Terengganu

7	Insan Istimewa	Dr Ezura Madiana Md Monoto (Pensyarah dan Pakar Perunding Perubatan Keluarga Fakulti Perubatan UKM) Puan Nurul Sheriena Musa (Jurupulih Cara Kerja)
8	Kesan Penyusuan Susu Ibu kepada Perkembangan Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam	Prof. Madya Dr. Normadiah Daud (Ketua SIG Penyusuan Susu Ibu Patuh Syariah UNISZA)
9	Anak Pintar Soleh dalam Membentuk Kesejahteraan Keluarga	Tuan Haji Mohd Hafiszi hj Othman (Pengurus Eksekutif, AzzahRawi Education Group Sdn Bhd)
10	Nasihat Luqman al Hakim	Ustaz Muhamad Syaari Ab Rahman (Pengasas Taddabur Centre)


### 8.1.7.3 Maklum balas Pelanggan

Program *Webinar Series*: Pendidikan dan Pembangunan Kanak-Kanak turut disertai oleh staf dari UiTM Cawangan seperti mana yang dipaparkan pada Jadual 10. Pecahan jumlah peserta mengikut jantina adalah seperti pada Jadual 11. Situasi ini amat menggembirakan UHEI selaku penganjur kerana untuk membina sebuah keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmat, peranan kolektif suami isteri amat penting.

Cawangan  
1,198 responses



Jadual 10




Jadual 11

Jadual 12 adalah paparan maklum balas yang diterima daripada peserta siri 1 berdasarkan tiga (3) soalan yang diberikan iaitu:

- i. Isi kandungan ceramah banyak membantu meningkatkan pengetahuan saya: 93.7% menjawab amat bersetuju 6.3 % menjawab setuju dan tiada peserta atau 0% menjawab tidak setuju.
- ii. Saya berpuashati dengan program yang dilaksanakan oleh UHEI UCS: 93.7% menjawab amat setuju 6.3% menjawab setuju dan tiada peserta yang menjawab tidak setuju
- iii. Kandungan kursus amat baik untuk pembangunan kerjaya saya : 92.5% menjawab amat setuju, 7.5% menjawab setuju dan tiada peserta yang menjawab tidak setuju.


Isi kandungan ceramah banyak membantu meningkatkan pengetahuan saya.

1,198 responses




Saya berpuashati dengan program yang dilaksanakan oleh UHEIUCS.

1,198 responses



Kandungan kursus amat baik untuk pembangunan kerjaya saya.

1,198 responses



Jadual 12

Rumusan daripada 10 siri yang telah dijalankan, 93.56% peserta amat setuju bahawa Program *Webinar Series: Pendidikan dan Pembangunan Kanak-Kanak* ini telah memberi nilai tambah kepada mereka sama ada dari sudut pengetahuan, kemahiran keibubapaan dan kerjaya mereka.

### **8.1.8 Penutup**

Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Selangor (UHEI UCS) menzahirkan rasa kesyukuran kehadiran Ilahi atas segala rahmatNya segala perancangan tahun 2021 telah dapat disempurnakan. UHEI berazam akan sentiasa bersedia menambahbaik perkhidmatan yang ditawarkan pada masa akan datang.



## 8.2 Pejabat Polis Bantuan

### 8.2.1 Pengenalan

Pejabat Polis Bantuan (PB), Kampus Puncak Alam (KPA) merupakan pejabat induk bagi beberapa lagi Pejabat Unit Polis Bantuan di bawah UiTM Cawangan Selangor termasuk Unit Polis Bantuan di Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh/ Selayang dan Teluk Intan dan Kampus Dengkil. Manakala Unit Polis Bantuan Hospital UiTM (HUiTM) melapor secara tidak langsung kepada Pejabat Polis Bantuan (PB) KPA.

Pejabat Polis Bantuan bertanggungjawab memastikan keselamatan harta benda dan serta kesejahteraan warga UiTM. Di antara perkhidmatan yang diberikan adalah kawalan keselamatan laluan keluar masuk kampus, kawalan lalu lintas, kawalan program rasmi Universiti, iringan berkenderaan, siasatan kes dan beberapa perkhidmatan pentadbiran melibatkan urusan di kaunter utama.

Pada masa sekarang, jumlah keseluruhan warga Polis Bantuan UiTM Cawangan Selangor adalah berjumlah 198 orang dengan pecahan seperti berikut:

KAMPUS / GRED KP	52	48	44	41	32	29	22	19	16	14	11	JUM
PUNCAK ALAM	1	0	1	-	1	3	-	1	1	11	34	53
PUNCAK PERDANA	-	-	1	-	-	-	-	1	1	4	9	16
SG BULOH	-	-	1	-	-	2	-	1	-	6	23	33
TELUK INTAN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4	4	8
SELAYANG	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	9	10
DENGKIL	-	-	-	1	1	-	-	-	-	5	8	15
HOSPITAL UiTM	-	-	-	-	1	1	-	3	-	3	54	63
JUMLAH	0	1	3	1	3	6	0	6	2	35	141	198

### 8.2.2 Fungsi / Teras Utama

Pejabat PB menjalankan pelbagai fungsi bagi memastikan objektif bahagian mencapai matlamat yang ditetapkan. Setiap Pejabat Polis Bantuan mempunyai empat (4) seksyen utama dan setiap daripadanya mempunyai tugas -tugas seperti berikut:

SEKSYEN OPERASI	SEKSYEN PENTADBIRAN	SEKSYEN TRAFIK	SEKSYEN SIASATAN
Kawalan Kampus	Pemantauan dan Pengurusan Aktiviti Kampus	Kawalan Lalu Lintas	Kawalan Keselamatan CCTV
Kawalan Keluar Masuk Pos Polis Bantuan	Pengurusan Saman Lalu Lintas	Penguatkuasaan Peraturan Lalu Lintas	Siasatan Kes Keselamatan
Kawalan Pencegahan Pencerobohan	Pengurusan Pelekat Kenderaan	Urusan Saman Lalu Lintas	Pengendalian Siasatan Kes Ancaman Nyawa
Operasi Berkala	Pengurusan Master Roster	Pengendalian Pelawat / VVIP	Pengendalian Pencegahan Dadah
Pengurusan Bencana / Kecemasan	Pengurusan Kewangan		Pengendalian Pemeriksaan Suspek
Pengendalian Kes Kebakaran	Pembangunan Organisasi		Pengurusan Pas Keselamatan Pekerja Kontrak UiTM
Penguatkuasaan Disiplin Pelajar	Pengendalian Aduan Maklum Balas Pelanggan		
Pengurusan Laporan Operasi	Pengurusan Rekod		
	Pengurusan Sumber Manusia		
	Pengurusan Logistik		

Di dalam mencapai sasaran KPI selaras dengan fungsi utama yang telah ditetapkan terdapat tiga (3) pengukuran yang perlu dibuat secara tahunan iaitu:

1. Mengukur pencapaian kadar pelanggaran peraturan lalu lintas yang mana perlu kurang 10% dari jumlah pelajar bagi tempoh setahun.
2. Mengukur kadar penyelesaian saman lalu lintas agar jumlah saman yang diselesaikan melebihi 80% setahun bagi jumlah keseluruhan saman setiap kampus.
3. Sasaran Jumlah Kemalangan Jalan Raya di bawah Piagam Pelanggan UCS: Menasaskan sifar kes jenayah dan kemalangan jalan raya di dalam Kampus.

### 8.2.3 Laporan Pencapaian Sasaran KPI

Sasaran KPI 1: Kadar pelanggaran peraturan lalu lintas yang kurang 10% dari jumlah pelajar bagi tempoh setahun.

Kampus	Bil Pelajar	Bulan												Jumlah Kadar Pelanggaran (%)	Keputusan /Rumusan	
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis			
KPA	19,867	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	3	0.02	Tercapai
KPP	4,706	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	Tercapai
KSB	1,817	1	0	0	0	0	0	0	0	53	21	3	0	78	4.29	Tercapai
Dengkil	3,526	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	Tercapai

Sasaran KPI 2: Kadar penyelesaian saman lalu lintas agar jumlah saman yang diselesaikan melebihi 80% setahun bagi jumlah keseluruhan saman setiap kampus

Kampus	Jumlah Saman	Bulan												Jumlah Saman Diselesaikan	Kadar Penyelesaian (%)	Keputusan /Rumusan
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis			
<b>KPA</b>	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	3	100	Tercapai
<b>KPP</b>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	Tercapai
<b>KSB</b>	78	1	0	0	0	0	0	0	0	11	3	1	2	18	23.08	Tidak Tercapai
<b>Dengkil</b>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00	Tercapai

## Sasaran KPI 3: Mensasarkan sifar kes jenayah dan kemalangan jalan raya di dalam kampus

JENIS KES	BULAN												KEPUTUSAN / RUMUSAN	
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS		JUM
<b>PUNCAK ALAM</b>														
Kes Jenayah	2	3	6	4	4	5	2	1	1	4	0	2	<b>34</b>	Tidak Tercapai
Kemalangan Jalan Raya	1	2	0	1	0	0	1	2	0	1	1	2	<b>11</b>	Tidak Tercapai
<b>PUNCAK PERDANA</b>														
Kes Jenayah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	<b>0</b>	Tercapai
Kemalangan Jalan Raya	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	<b>0</b>	Tercapai
<b>SUNGAI BULOH</b>														
Kes Jenayah	0	1	1	4	7	0	0	3	4	2	1	1	<b>24</b>	Tidak Tercapai
Kemalangan Jalan Raya	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	<b>0</b>	Tercapai
<b>DENGKIL</b>														
Kes Jenayah	0	1	0	2	1	1	0	0	0	0	0	0	<b>5</b>	Tidak Tercapai
Kemalangan Jalan Raya	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	<b>0</b>	Tercapai
<b>HUITM</b>														
Kes Jenayah	-	-	-	0	0	0	4	0	2	2	0	0	<b>8</b>	Tidak Tercapai
Kemalangan Jalan Raya	-	-	-	0	0	0	0	0	<b>3</b>	<b>1</b>	0	0	<b>4</b>	Tidak Tercapai
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>86</b>	

## 8.2.4 Rumusan Pencapaian

Secara kesimpulannya berikut adalah ringkasan setiap pencapaian bagi tahun 2021:

PENGUKURAN	PUNCAK ALAM	PUNCAK PERDANA	SUNGAI BULOH	DENGKIL	HUITM
Kadar pelanggaran peraturan lalu lintas (saman lalu lintas) kurang 10% dari jumlah pelajar bagi tempoh setahun	3 / 19,867 pelajar Tercapai 0.02%	0 / 4,706 pelajar Tercapai 0.00%	78 / 1,817 pelajar Tercapai 4.29 %	0 / 3,526 pelajar Tercapai 0.00%	-
Kadar penyelesaian saman lalu lintas melebihi 80% setahun	3/3 Tercapai 100%	0/0 KPI tidak dapat diukur kerana tiada saman	18/78 Tidak tercapai 23.08 %	0/0 KPI tidak dapat diukur kerana tiada saman	-
Sasaran sifar kes jenayah	Tidak tercapai 34 Kes	Tercapai 0 Kes	Tidak tercapai 24 Kes	Tidak tercapai 5 Kes	Tidak tercapai 8 Kes
Sasaran sifar kes kemalangan jalan raya	Tidak tercapai 11 Kes	Tercapai 0 Kes	Tercapai 0 Kes	Tercapai 0 Kes	Tidak tercapai 4 Kes

### 8.2.5 Aktiviti Pejabat Polis Bantuan

BIL	TARIKH	AKTIVITI PB UCS KPA
1	09/03/21	Lawatan tidak rasmi ke Pejabat Polis Bantuan Kampus di bawah UCS (Pusat Asasi Dengkil, Puncak Perdana, Sungai Buloh & Selayang)
2	12/03/21	Penugasan Kawalan Aman dan khidmat rakaman <i>Drone</i> Majlis Penyerahan Hospital UiTM
3	22/03/21	Lawatan JK <i>Task Force</i> Pengurusan, Pemeliharaan dan Kawalan Haiwan Liar UCS bersama Jabatan Perhilitan Selangor di sekitar UCS Puncak Alam
4	29/03/21	Penugasan Rakaman Udara Menggunakan <i>Drone</i> bagi Program Pejabat Timbalan Rektor P&I di Pasir Salak Perak
5	12/03/21	Program 5S dan EKSA (Seksyen Operasi) Pejabat Polis Bantuan UCS Puncak Alam
6	04/04/21	Sesi Taklimat dan Orientasi Staf Polis Bantuan baharu Hospital UiTM
7	06/04/21	Sesi Rakaman Taklimat Keselamatan Pelajar Baharu secara atas talian
8	08/04/21 – 09/04/21	Program Vaksinasi Pegawai dan Anggota Polis Bantuan UCS (Dose 1)
9	11/04/21	Penugasan Rakaman Udara Menggunakan <i>Drone</i> bagi Program Pejabat Timbalan Rektor P&I di Kampung Hujung Rintis Perak
10	12/04/21	Sesi Taklimat dan Penyelarasan Operasi Laluan dan Pintu Masuk Hospital UiTM
11	19/04/21	Operasi Khas PB di Laluan Masuk Kampus (Pematuhan SOP COVID-19 dan juga Peraturan Lalulintas)
12	27/04/21	Operasi pengurusan hidupan liar didalam kampus Bersama PERHILITAN
13	04/05/21 - 05/05/21	Program Vaksin Pegawai dan anggota PB UCS Dose Ke 2 bertempat di HUiTM Sungai Buloh
14	10/05/21	Pemeriksaan Fasiliti (Pagar kampus) dan rondaan berkala pegawai
15	13/05/21	Penyerahan Sumbangan Aidilfitri Kepada Petugas
16	01/06/21	Lawatan Penandaaras ke Tapak Pemberian Vaksin Bandar Tasik Selatan
17	14/06/21	Penyerahan Sumbangan Anggota Kematian Waris (Harman)
18	01/06/21 – 30/08/21	Penugasan Pusat Pemberian Vaksin Mega UiTM
19	06/07/21	Penyerahan Sumbangan Kepada Waris Anggota yang Meninggal Dunia Arwah Amirul Fuad Amirul Mohd Ali yang Meninggal Dunia Akibat Kemalangan Jalan raya
20	10/07/21 - 20/07/21	Penyerahan sumbangan barangan keperluan asas anggota yang positif COVID-19 dan yang dikuarantin
21	20/08/21	Lawatan tapak cadangan Taman Rekreasi UCS
22	21/08/21	Semarak Bulan Kemerdekaan dan sumbangan bagi kehilangan waris/ditimpa bencana COVID-19
23	25/08/21	Pemeriksaan Pagar Perimeter UCS Puncak Alam
24	02/09/21	Lawatan Tapak Rumah Kongsi Projek Hospital UiTM
25	11/09/21	Program 5S Pejabat
26	28/09/21	Perhimpunan dan Taklimat PB UCS Puncak Alam

BIL	TARIKH	AKTIVITI PB UCS KPA
27	15/10/21 - 20/10/21	Pendaftaran pelajar baharu
28	07/11/21	Operasi Khas Laluan Masuk dan Tapak Projek PB UCS Puncak Alam
29	14/12/21 - 16 /12/21	<i>Walkabout</i> Pematuhan SOP Pelajar PB Bersama Fakulti dan COSHAW
30	20/12/21 - 24 /12/21	Gotong-royong pembersihan pasca banjir PB UCS Puncak Alam
BIL	TARIKH	AKTIVITI PB UCS KPP
1	19/03/21	Pendaftaran pelajar baharu 2021
2	22/04/21	Pengagihan Kurma kepada petugas PB
3	02/05/21	Kembara Nur Ramadhan Sahur
4	01/09/21	Majlis Makan Malam Tautan Kasih UPBKPP
5	25/09/21	Aktiviti Kecergasan : Bukit Sapu Tangan
6	01/10/21	Majlis Jasamu Dikenang dan Doa Selamat
7	15/10/21	Pendaftaran Pelajar Baharu 2/2021
8	02/12/21	Pendaftaran Pelajar Baharu 2/2021
9	30/12/21	Majlis Penyampaian Sumbangan Bencana Banjir

### 8.2.6 Penutup

Pada tahun 2021, Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Selangor telah berusaha mempertingkatkan mutu kawalan dan penguatkuasaan peraturan di dalam kampus selaras dengan keperluan dan kehendak warganya. Walau pun negeri masih berdepan dengan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan, pelbagai aktiviti beserta program dapat dilaksanakan termasuk yang berbentuk peningkatan kompetensi warga PB keseluruhannya.

Walaupun kadar kejadian jenayah dan kemalangan gagal menepati KPI yang ditetapkan iaitu sifar (0) kes, Polis Bantuan UCS sentiasa berusaha meminimalkan kes yang berlaku serta mengenalpasti risiko-risiko beserta langkah penambahbaikan. Sepanjang tahun 2021, pelbagai inisiatif telah diambil bagi mengurangkan kadar serta risiko kejadian antaranya perbincangan bersama pihak Pejabat Pengurusan Fasilitas dan cadangan penambahbaikan beberapa kelengkapan jalan raya bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna. Pengurangan aduan kesalahan jalan raya juga menunjukkan bahawa warga kampus semakin memahami dan mengikuti peraturan jalan raya ketika berada di dalam kampus.

Sebagai kesimpulannya, tahun 2021 merupakan tahun bermulanya cabaran baharu bagi semua warga PB dalam memastikan perkhidmatan keselamatan kekal mencapai objektif seperti yang ditetapkan. Peningkatan prestasi staf dari masa ke semasa juga akan dipertingkatkan secara drastik dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan sentiasa terjamin.

## **8.3 Unit Komunikasi Korporat**

### **8.3.1 Pengenalan**

Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Selangor merupakan Unit yang memberi maklumat dan nasihat berkaitan komunikasi dan penjenamaan untuk meningkatkan ketampakan kampus seiring dengan pembangunan berterusan masa kini.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah khidmat nasihat serta rundingan berbentuk Perhubungan Awam, Media, Protokol dan Pengurusan Acara, Maklumat, Publisiti dan Penerbitan Korporat, Pengurusan Jenama dan Media Web.

Unit Komunikasi Korporat juga merancang untuk mempelbagaikan perkhidmatan yang lain seperti Teknologi Media Kreatif dan Penghasilan Video Kreatif di masa akan datang.

### **8.3.2 Fungsi/Teras Utama**

- 8.3.2.1 Merancang pelan komunikasi, promosi serta publisiti segala aktiviti dan hal ehwal korporat universiti untuk meningkatkan reputasi dan memperkukuhkan identiti dan imej UiTM Cawangan Selangor.
- 8.3.2.2 Menguruskan aspek perhubungan awam universiti yang merangkumi hubungan media dan hubungan antara jabatan/agensi.
- 8.3.2.3 Memantau, mengurus dan menyelaras maklumbalas aduan pelanggan dan cadangan yang diterima (akhbar, surat, laman web, e-aduan, media-media sosial, hadir sendiri) bagi memastikan sistem pengurusan aduan yang efektif dan efisien.
- 8.3.2.4 Merancang, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap program dan majlis rasmi UiTM Cawangan Selangor melalui penerbitan, laporan tahunan, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media.
- 8.3.2.5 Sekretariat perhubungan kepada majlis-majlis rasmi universiti, majlis-majlis bersama jabatan/agensi dan majlis korporat.

### 8.3.3 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021



Program Amanat Rektor Tahun 2021 di Dewan Berlian, UiTM Cawangan Selangor pada 4 Mac 2021



Lawatan Naib Canselor ke UiTM Cawangan Selangor pada 22 Oktober 2021



Pertandingan Poster Sempena Bulan Kemerdekaan Tahun 2021



Kolaborasi Penganjuran Pusat Pemberian Vaksin (PPV) MEGA UiTM dan Hospital UiTM



### 8.3.4 Aduan dan Maklumbalas Pelanggan

Sepanjang tahun 2021, Unit Komunikasi Korporat telah menerima sebanyak 100 maklum balas/aduan daripada pelbagai pihak termasuk pelajar dan staf UiTM. Berikut adalah pecahan bagi maklum balas/aduan tersebut:

#### 8.3.4.1 Kategori e-Aduan

Bil	Kategori	Selesai	Tidak Selesai	Jumlah
1.	Pengurusan Fasiliti dan ICT	3	-	3
2.	Kolej Angsana/Casuarina	1	-	1
3.	Kolej Zamrud/Baiduri	1	-	1
4.	Kolej Jasmine	1	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>	<b>-</b>	<b>6</b>

Jadual 8.3.4.1.1: Kategori e-Aduan

Berdasarkan jadual 8.3.4.1.1 terdapat enam (6) aduan telah diterima sepanjang tahun 2021 oleh Unit Komunikasi Korporat. Terdapat tiga (3) aduan berkenaan pengurusan fasiliti dan ICT yang mana aduan tersebut telah diselesaikan pada 30 Mac 2021, 13 April 2021 dan 22 September 2021. Manakala tiga (3) aduan lagi melibatkan kolej iaitu Kolej Angsana/Casuarina, Kolej Zamrud/Baiduri dan Kolej Jasmine dan diselesaikan masing-masingnya pada 05 Januari 2021 dan 25 Oktober 2021.

#### 8.3.4.2 Kategori Maklum Balas (E-Mel)

Bil	Kategori	Selesai	Tidak Selesai	Jumlah
1.	Hal Ehwal Pelajar	89	-	89
2.	Bendahari	1	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>90</b>	<b>-</b>	<b>90</b>

Jadual 8.3.4.2.1: Kategori Maklum balas (Emel)

Jadual 8.3.4.2.1 menunjukkan maklum balas/pertanyaan yang telah diberikan oleh Unit Komunikasi Korporat lanjutan e-mel daripada staf atau pelajar. Hampir kesemua maklum balas/pertanyaan tersebut melibatkan hal ehwal pelajar iaitu sebanyak 89 kes dan hanya satu (1) kes berkenaan Pejabat Bendahari. Rata-rata maklum balas adalah berkaitan pengesahan borang, rayuan kemasukan kampus dan subjek, serta transkrip peperiksaan. Kesemua maklum balas ini telah selesai dalam tempoh yang telah ditetapkan.

#### 8.3.4.3 Kategori Maklum Balas (Media Sosial)

Bil	Bahagian	Selesai	Tidak Selesai	Jumlah
1.	Hal Ehwal Pelajar	3	-	3
2.	Pengurusan Fasiliti dan ICT	1	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>	<b>-</b>	<b>4</b>

Jadual 8.3.4.3.1: Kategori maklum balas (media sosial)

Unit Komunikasi Korporat juga telah mengumpulkan maklum balas/pertanyaan yang diterima melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*. Jadual 8.3.4.3.1 di atas menunjukkan tiga (3) kes adalah berkenaan hal ehwal pelajar manakala satu (1) kes melibatkan pengurusan fasiliti dan ICT. Kesemua maklum balas ini juga selesai dalam tempoh yang telah ditetapkan.

### 8.3.5 Hebahan Dan Publisiti

Bagi hebahan dan publisiti, matlamat utama Unit Komunikasi Korporat adalah untuk mendapatkan liputan media yang maksimum, meningkatkan kesedaran warga kampus terhadap kategori-kategori yang ditetapkan. Secara tidak langsung, ianya boleh memberi kesan yang positif terhadap indeks kegembiraan warga kampus.

Kategori Poster Ucapan/Kempen adalah seperti berikut :

BIL	Kategori Poster	Jumlah
1.	Tahniah di atas kenaikan pangkat	20
2.	Terima kasih kepada staf Tamat Lantikan/Perkhidmatan	10
3.	Tahniah kepada Pemenang Anugerah/ Pertandingan	20
4.	Pemakluman Pelantikan	22
5.	Poster Ucapan Hari Kebesaran/Perayaan	11
6.	Poster Kempen Kesedaran COVID-19	25
<b>JUMLAH</b>		<b>108</b>

### 8.3.6 Penutup

Sebagai sebuah unit yang berperanan menguruskan program dan acara kampus, Unit Komunikasi Korporat masih berupaya menganjurkan beberapa program dan aktiviti walaupun di dalam tempoh fasa pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi menganjurkan program dan aktiviti yang bersesuaian dengan fasa COVID-19 ketika ini. Pihak Unit Komunikasi Korporat juga akan mengambil inisiatif untuk cuba menganjurkan aktiviti dan program yang tidak diadakan pada tahun 2021.

Diharapkan Unit Komunikasi Korporat diberi peranan yang lebih bersepadu dalam meningkatkan prestasikannya UiTM Cawangan Selangor dan hala tuju Universiti secara amnya.

## 8.4 Unit Kualiti

### 8.4.1 Pengenalan

Unit Pengurusan Kualiti berfungsi sebagai unit yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di UiTM Cawangan Selangor (UCS). Pengurusan atasan UCS sentiasa komited kepada pembangunan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, dan sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambahbaik SPK bagi menjamin keberkesanannya. Terdapat Penyelaras, Ketua Sistem Audit dan Koordinator Pengurusan Kualiti Kampus di UCS telah dilantik bagi memastikan SPK dapat dibentuk dan mencapai objektif berpandukan kepada Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti yang ditetapkan.

### 8.4.2 Fungsi / Teras Utama

#### Fungsi Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Selangor (UCS)


Fungsi Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Selangor (UCS) adalah:

1. Memastikan Sistem Pengurusan Kualiti di UCS dapat dibentuk, didokumen, dilaksana dan diselenggara dengan cekap dan berkesan selaras dengan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti UiTM, pelaksanaan iQMS (*Integrated Quality Management System*) dan kehendak pelanggan.
2. Menjadikan UCS sebagai sebuah universiti unggul melalui pencapaian objektif kualiti UCS.
3. Memberi kesedaran kepada warga kampus bahawa paradigma perkhidmatan berkualiti adalah teras kejayaan UCS.
4. Membudayakan amalan kualiti yang berterusan di seluruh sistem pengurusan UCS melalui bimbingan, perkongsian dan penyebaran maklumat kualiti secara telus.
5. Memastikan pemantauan dan penambahbaikan berterusan sistem pengurusan kualiti UCS demi meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan UCS.
6. Memastikan penglibatan UCS dalam aktiviti-aktiviti sistem pengurusan kualiti anjuran InQKA, UiTM.

### 8.4.3 Pencapaian Tahun 2021

#### 8.4.3.1 Jawatankuasa Dokumen Kualiti ISO

Telah menyediakan:



#### Senarai Dokumen Kualiti UCS

BIL	DOKUMEN KUALITI	TANGGUNGJAWAB
1	Manual Kualiti	Ketua Unit Kualiti
2	Prosedur Kualiti Pengurusan	
a	Prosedur Kawalan Dokumen	Penyelaras Dokumen Kualiti ISO
b	Prosedur Kawalan Rekod	Penyelaras Dokumen Kualiti ISO
c	Prosedur Audit Dalam	Ketua Sistem Audit
d	Prosedur Tindakan Pembetulan	Ketua Sistem Audit
e	Prosedur Aduan Maklum Balas Pelanggan	Penyelaras Analisa Data & Kepuasan Pelanggan
f	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan	Wakil Pengurusan
g	Prosedur Pengurusan Latihan	Penyelaras Komunikasi Dalaman & Latihan
h	Panduan Pengurusan Risiko	Penyelaras Pengurusan Risiko
3	Prosedur Kualiti Operasi	
a	Unit Pentadbiran HEP	Pengurus Dokumen
b	Unit Pengurusan Kolej & NR	Pengurus Dokumen
c	Unit Kesihatan	Pengurus Dokumen
d	Unit Sukan	Pengurus Dokumen
e	Unit Kaunseling	Pengurus Dokumen
f	Unit Kokurikulum	Pengurus Dokumen
g	Unit Kebudayaan	Pengurus Dokumen
h	Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I)	Pengurus Dokumen

BIL	DOKUMEN KUALITI	TANGGUNGJAWAB
i	Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (iCARE)	Pengurus Dokumen
j	Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia (BPSM)	Pengurus Dokumen
k	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	Pengurus Dokumen
l	Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) & ICT	Pengurus Dokumen
m	Pejabat Bendahari	Pengurus Dokumen
n	Unit Polis Bantuan	Pengurus Dokumen
o	Unit Hal Ehwal Islam	Pengurus Dokumen
4	Manual Prosedur Kerja	
a	Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)	Pengurus Dokumen
b	Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I)	Pengurus Dokumen
c	Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (iCARE)	Pengurus Dokumen
d	Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia	Pengurus Dokumen
e	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	Pengurus Dokumen
f	Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) & ICT	Pengurus Dokumen
g	Pejabat Bendahari	Pengurus Dokumen
h	Unit Polis Bantuan	Pengurus Dokumen
i	Unit Hal Ehwal Islam	Pengurus Dokumen

#### 8.4.3.2 Jawatankuasa Analisa Data dan Jawatankuasa Pelanggan

##### Pencapaian Objektif Kualiti UCS 2021

BIL	PTJ	OBJEKTIF KUALITI UCS	PENCAPAIAN 2021
Pada tahun 2021, sebanyak sepuluh (10) projek ICT yang telah dirancang dan dijalankan melibatkan perkhidmatan ICT dan juga Pembangunan Sistem Aplikasi.

Daripada sepuluh (10) projek yang dirancang, tiga (3) projek telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Projek ini melibatkan dua projek pembelian peralatan Studio Streaming dan juga pengemaskinian sistem Pengurusan Markah kokurikulum Pelajar Asasi.

Dua (2) projek tidak dapat dilaksanakan iaitu projek pembangunan sistem Pemantauan Penggerai Pusat Asasi dan juga Perolehan pencetak berwarna bagi kegunaan Pusat Asasi. Pembangunan sistem Pemantauan penggerai terpaksa dibatalkan kerana Pejabat Infostruktur Shah Alam didalam proses membangunkan sistem yang sama dan disarankan Pusat Asasi untuk menggunakan sistem yang sedang dibangunkan, manakala pembelian pencetak berwarna tidak mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Prasarana Universiti.


Lima (5) projek ICT yang melibatkan menaiktaraf infrastruktur ICT Pusat Asasi masih didalam proses kelulusan daripada bahagian Dasar kerana ia melibatkan peruntukan daripada tabung MRF.



Gambarajah 20: Peratusan Projek ICT UiTM Kampus Dengkil

### 9.9.2 Aduan ICT (units/CFMS)

Bagi tahun 2021, Bahagian Infostruktur telah menerima **2033** aduan ICT daripada sistem UNITS dan **243** aduan daripada sistem CFMS. Unjuran pecahan aduan disertakan di dalam jadual dibawah.



Jadual 4: Aduan ICT di dalam CFMS bagi tahun 2021

Jadual 5 : Aduan yang diterima melalui sistem UNITS (Jan - Disember) 2021

Bulan	Tahun 2021		
	Jumlah Aduan Telekomunikasi	Jumlah Aduan (ICT)	Tele + ICT 2021
Januari	0	34	34
Februari	0	38	38
Mac	2	20	22
April	4	25	29
Mei	1	6	7
Jun	1	0	1
Julai	1	1	2
Ogos	7	23	30
September	11	26	37
Oktober	3	9	12
November	8	11	19
Disember	3	9	12
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>	<b>202</b>	<b>243</b>

Daripada **1435** aduan yang diterima daripada pelajar, **80%** melibatkan aduan berkaitan dengan capaian internet di dalam kolej pelajar. Rentetan daripada aduan ini, Bahagian Infostruktur telah membuat audit Infrastruktur ICT dan hasil dapatan daripada audit ini mendapati peralatan sedia ada tidak dapat menampung keperluan terkini pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar Pusat Asasi.

Dapatan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Asasi dan Bahagian Infostruktur telah membuat permohonan untuk menaiktaraf Infrastruktur ICT di dalam kolej menggunakan peruntukan MRF. Permohonan ini telah dibawa ke bahagian Dasar untuk semakan dan kelulusan.

Keseluruhan aduan yang diterima (2276) telah diambil tindakan dapat diselesaikan dalam tempoh waktu yang ditetapkan.


### 9.9.3 Live Streaming dan Telesidang

Sejak bermula pandemik kebanyakan mesyuarat, latihan dan taklimat dijalankan

secara atas talian. Selari dengan perubahan ini, Bahagian Infostruktur Pusat Asasi telah membuat perubahan di dalam skop kerja pegawai di dalam bahagian supaya dapat membantu dan menampung kerja yang lazimnya dibuat secara fizikal.

Sepanjang tahun 2021, terdapat 67 aktiviti yang melibatkan *streaming* telah dijalankan di bawah Unit Streaming dan Web. Daripada 67 aktiviti ini, satu (1) melibatkan program Antarabangsa iaitu ICREST 2021 yang dijalan pada 26 Jun 2021.

Bahagian Infostruktur Pusat Asasi juga telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan Konferensi Akademik bagi UiTM pada 27 Ogos 2021 ini.



Gambarajah 21: Penggunaan Streaming Platform UiTM Kampus Dengkil bagi tahun 2021

## 9.10 Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Dengkil

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Dengkil ditubuhkan pada tahun 2015.

PTAR Kampus Dengkil ditubuhkan bertujuan untuk menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan khususnya bagi menyediakan pelajar asasi meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Terdapat lebih daripada 4000 judul koleksi termasuk bahan bercetak dan bukan bercetak. Perpustakaan juga menyediakan kemudahan seperti bilik perbincangan, bilik audiovisual, bilik bacaan, bilik loker, bilik bacaan luar, dan ruang riadah.



### 9.10.1 Laporan Pengoperasian PTAR Pusat Asasi

AKTIVITI	JUMLAH UNTUK TAHUN 2021
Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan	5,408
Bilangan Pengguna Perkhidmatan Konsultasi Penyelidikan Dan Rujukan Perpustakaan	320
Bilangan Peserta Program Pendidikan Pengguna	5,656
Bilangan Pinjaman Bahan Perpustakaan	
Pelajar	130
Staf Akademik	15
Staf Pentadbiran	24

## 10.1 Laporan Pembelian Bahan Bercetak Tahun 2021

TAHUN	LOKASI	KELULUSAN			PESANAN BASAH			BAKI PERUNTUKAN 2021 (RM)		PENERIMAAN 2021			PEMBAYARAN 2021		
		Judul	Naskah	RM	Judul	Naskah	RM	RM	% J	Judul	Naskah	RM	Judul	Naskah	RM
2021	PTAR KAMPUS DENGKIL	163	272	63,005.67	163	272	63,005.67	124.46	0.22	132	212	46,720.83	132	212	46,720.83

## 9.11 Unit Hal Ehwal Islam Pusat Asasi

### 9.11.1 Perkhidmatan Bimbingan Dan Nasihat Agama

Perkhidmatan Bimbingan Dan Nasihat Agama adalah antara fungsi utama UHEI. Melalui perkhidmatan ini warga UiTM dan komuniti berpeluang untuk meningkatkan kefahaman agama, mendapatkan penjelasan dan pencerahan terhadap hukum-hukum dalam islam, mendapatkan bimbingan secara langsung tentang amalan

hidup beragama yang benar serta menghindari diri dari terlibat dengan ajaran yang bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Warga UiTM dan Komuniti boleh mendapatkan perkhidmatan Bimbingan dan Nasihat Agama ini secara individu atau secara berkumpulan. Maklumat peribadi pelanggan Bimbingan dan Nasihat Agama adalah SULIT dan UHEI komited menjaga KERAHSIAAN.


### 9.11.2 Sasaran Dan Pencapaian Bimbingan Dan Nasihat Individu

TAHUN	SASARAN	BILANGAN	% PENCAPAIAN
2020	375	110	29.3
2021	375	150	40

### 9.11.3 Peratus Pelanggan Bimbingan Dan Nasihat Agama Individu

Berikut adalah data pelanggan yang telah menggunakan khidmat dua (2) orang pegawai Unit Hal Ehwal Islam Kampus Dengkil sepanjang tahun.


Warga UiTM dan Komuniti boleh mendapatkan perkhidmatan ini melalui cara *walk-in* atau kaedah virtual.



### 9.11.4 Peratus Kepuasan Pelanggan Bagi Perkhidmatan Bimbingan Dan Nasihat Agama Individu Serta Kelompok Dan Program


Kepuasan Pelanggan sentiasa menjadi keutamaan UHEI dalam memberi dan menyampaikan perkhidmatan. Setiap perkhidmatan Bimbingan dan Nasihat Agama Individu dan Kelompok serta program yang dilaksanakan akan dinilai oleh para pelanggan kami. Bagi tahun 2021 pencapaian kepuasan pelanggan bagi Bimbingan dan Nasihat Agama Individu ialah 94%. Manakala bagi perkhidmatan Bimbingan Dan Nasihat Agama Kelompok dan Program ialah 98.4%.





### A3. PERATUS BIMBINGAN DAN NASIHAT AGAMA KELOMPOK

	PENCAPAIAN	TARGET
USTAZ AHMAD FIRDAUS BIN ISMAIL	32	20
USTAZ MOHD NORHISYAM BIN AZMAN	100	15
<b>KESELURUHAN</b>	<b>132</b>	<b>35</b>



### 9.11.5 Penganjuran Program Mengikut Kategori

Bagi tahun 2021 UHEI UCS Kampus Dengkil telah melaksanakan sebanyak **Seratus Empat Puluh (140)** program di Kampus Dengkil. Empat (4) program Sempena Sambutan Hari Kebesaran Islam dan Sambutan Hari Kemerdekaan (Maal Hijrah, Israk Mikraj, Ihya Ramadhan, dan Maulidurrasul). 70 program Kuliah Pengajian dalam pelbagai aspek (Tajwid al Quran, Akidah, Akhlak, Syariat, Fiqh dan Sirah) dan 66 program keilmuan, merangkumi pelbagai topik semasa dikongsikan dengan warga UiTM dan warga maya.


BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1.	KULIAH MAGHRIB PUSAT ISLAM	70 kali
2.	WACANA PERDANA ILMUAN ISLAM	1 kali
3.	TAZKIRAH KHAS RAMADHAN	4 kali
4.	JOM TADARUS / TADARUS AL-QURAN RAMADHAN	20 siri
5.	KAPSUL HATI	8 siri
6.	MAJLIS KHATAM AL-QURAN PERINGKAT UCS	1 kali
7.	MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL	20 kali
8.	MAU'IZAH	5 kali
9.	BACAAN SURAH AL-KAHFI	6 kali
10.	CERAMAH KHAS IHYA RAMADHAN	1 kali
11.	IHTIFAL MUSABAQAH PUSAT ASASI 2021	1 kali
12.	SEMARAK KEMERDEKAAN PERINGKAT PUSAT ASASI	1 kali
13.	PROGRAM MEMOHON KESEJAHTERAAN DAN KEBERKATAN ALLAH SWT	1 kali
14.	PROGRAM DOA UNTUK MALAYSIA	1 kali
<b>JUMLAH KESELURUHAN (13 AKTIVITI)</b>		<b>140 kali</b>

### 9.11.6 Penyertaan Program

Menggunakan kaedah *google form* UHEI telah merekodkan jumlah penyertaan bagi semua program yang telah dianjurkan bagi tahun 2021. Adalah direkodkan **seramai 12341** telah mengikuti dan beroleh manfaat daripada program anjuran UHEI.

BIL	NAMA PROGRAM	SASARAN TAHUNAN	KEKERAPAN	%	JUMLAH PESERTA	%	STAF	PELAJAR	KOMUNITI	CATATAN
1	MAU'IZAH	12	5	42	323		323			
2	WACANA PERDANA ILMUAN ISLAM	2	1	50	278		169	109		
3	HEALING & REFRESH	3	1	33	165		10	155		
4	IHTIFAL MUSABAQAH PUSAT ASASI	1	1	100	49			49		
5	PROGRAM SEMARAK KEMERDEKAAN 2021	1	1	100	10		10			
6	CERAMAH KHAS IHYA RAMADHAN	1	1	100			13			
7	PROGRAM DOA UNTUK MALAYSIA	1	1	100	469		25	444		
8	QURAN HOUR	1	1		761		66	693		
9	PROGRAM MEMOHON KESEJAHTERAAN DAN KEBERKATAN ALLAH SWT	1	1	15			6		9	
10	BACAAN SURAH AL-KAHFI	12	5	42			35			
11	BACAAN YASIN DAN TAHLIL	20	20	100			122	1181		
12	KULIAH MAGHRIB MINGGUAN	84	70	83			406	8454		
13	TADARUS AL-QURAN RAMADHAN	20	20	100			60			

### 9.11.7 Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI)



	31 DISEMBER 2020	31 DISEMBER 2021
<b>KUTIPAN JUMAAT</b>	58541.40	70652.45
<b>YURAN PELAJAR</b>	92055.50	184156.45
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	150,596.90	254808.90

## 9.12 Unit Polis Bantuan Pusat Asasi

### 9.12.1 Seksyen Pentadbiran Am dan Siasatan

Seksyen Pentadbiran Am Dan Siasatan merupakan satu organisasi yang diwujudkan bertujuan untuk melaksanakan tugas dari segi urusan pejabat seperti pengurusan kewangan, kaunter, logistik dan sumber manusia. Selain itu, seksyen ini berfungsi sebagai organisasi yang akan dipertanggungjawabkan untuk menyiasat sebarang kes salah laku warga kampus.

Pada tahun 2021, penstrukturan semula organisasi telah dilakukan bagi memastikan aspek kawalan keselamatan dilakukan secara menyeluruh berdasarkan kekuatan staf sedia ada. Walaupun pihak pengurusan kampus menerima dana peruntukan yang dikurangkan daripada tahun sebelumnya oleh pengurusan tertinggi Universiti, seksyen ini telah berjaya memastikan keperluan asas anggota dalam menjalankan tugas seperti pakaian dan aksesori, keperluan peralatan pos dan keperluan lebih masa dapat disediakan. Selain itu, statistik telah menunjukkan penjualan pelekat kenderaan bagi tahun 2021 telah menurun secara drastik berbanding tahun 2020.

Ekoran daripada pandemik Covid-19 juga memberikan kesan terhadap jumlah keberadaan warga kampus di dalam kampus sepanjang tahun. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan statistik yang telah disediakan oleh anggota siasatan jelas menunjukkan pengurangan kes dan jenayah yang berlaku di dalam kampus pada tahun 2021 ini.


### 9.12.2 Seksyen Operasi

Seksyen Operasi merupakan satu organisasi yang diwujudkan bertujuan untuk melaksanakan tugas kawalan aman dan aktiviti kampus seperti kawalan pos Pintu utama, rondaan kawasan kampus, operasi khas kampus dan kawalan aktiviti kampus.

Penstrukturan semula organisasi pada tahun 2021 telah memberikan impak yang besar terhadap mutu kawalan di dalam kawasan kampus. Dengan penambahan beberapa staf baru telah memberikan kesan yang positif bagi seksyen ini melakukan tugas hakiki yang diberikan. Pada tahun 2020, seksyen ini hanya menumpukan kawalan pintu utama berbanding pada tahun ini telah berjaya melaksanakan rondaan kampus secara berkala mengikut syif bertugas. Namun, tugas hakiki yang masih baru dilakukan secara berkala ini akan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang terutamanya dari segi sistem dan aset yang digunakan dalam melakukan rondaan.

Ekoran daripada pandemik Covid-19 juga memberikan kesan terhadap jumlah keberadaan warga kampus di dalam kampus sepanjang tahun. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan statistik yang telah disediakan jelas menunjukkan pengurangan kadar kes dan jenayah yang berlaku di dalam kampus pada tahun 2021 ini.

STATISTIK PENJUALAN PELEKAT KENDERAAN 2021



STATISTIK KES 2021



JUMLAH KES 2020: 12 KES

JUMLAH KES 2021: 6 KES

## 9.13 Pencapaian 2021

### 9.13.1 Projek *Outcome* Kementerian Pengajian Tinggi

Pihak UiTM Kampus Dengkil telah terpilih sebagai finalis bagi mewakili Kementerian Pengajian Tinggi untuk tahun 2021 dan telah melakukan pembentangan pada 20 April 2021. Ini merupakan pencapaian terbesar di peringkat institusi pengajian tinggi kerana telah dipilih dari keseluruhan finalis dari seluruh Malaysia.



Gambarajah 17: Slide Pembentangan Laporan Penilaian Outcome 2021

### 9.13.2 Anugerah Kampus Lestari Hijau

Pada 10 Januari 2021, UiTM Green Centre (UGC) telah menganjurkan Anugerah Kampus Lestari Hijau sempena Festival Kelestarian Kampus Hijau UiTM 2021. Terdapat beberapa kategori yang dipertandingkan dan pihak UiTM Kampus Dengkil telah merangkul Naib Juara bagi Kategori Kampus Zon Tengah.



Gambarajah 18: UiTM Kampus Dengkil muncul Naib Juara Anugerah Kategori Kampus Zon Tengah

### 9.13.3 Festival UiTM Perform 2021

Misi Akademik Pusat Asasi UiTM telah menjayakan Festival UiTM Perform secara atas talian buat julung kalinya pada 12 - 14 Mac 2021. Dalam memastikan program yang diadakan selari dengan norma baharu yang disarankan kerajaan, program ini telah diadakan secara maya di Youtube & Facebook Pusat Asasi UiTM dan mendapat sambutan yang memberangsangkan di kalangan pelajar dan warga Pusat Asasi UiTM serta orang awam.

Dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang menjalankan tugas Naib Canselor, tujuan utama program ini adalah untuk menyediakan platform bagi para pelajar Pusat Asasi UiTM khususnya untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan cepat berkenaan program-program yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti di UiTM, membantu para pelajar merancang perjalanan kerjaya dan juga meningkatkan ketampakan Pusat Asasi dan UiTM.

Pelbagai aktiviti dan program telah diadakan sepanjang tiga hari festival ini berlangsung, termasuk sesi perkongsian bersama alumni Pusat Asasi UiTM, taklimat oleh UPU dan Bahagian Pengambilan Pelajar UiTM dan juga taklimat interaktif dan eksklusif daripada lebih 20 fakulti-fakulti di UiTM. Festival ini telah berjalan dengan lancar dengan tontonan bagi setiap taklimat berjaya meraih di antara 2500 sehingga 9500 tontonan.

#### 9.13.4 Soft Launch Asasi Open Day 2021

Soft Launch Pusat Asasi UiTM Virtual Open Day 2021 telah berjaya diadakan pada 27 Mac 2021 yang dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah melalui saluran Youtube dan Facebook Pusat Asasi UiTM.

Program ini diadakan bagi memberikan maklumat yang tepat kepada pelajar lepasan SPM 2020 dan orang awam berhubung peluang pengajian di peringkat asasi di Pusat Asasi UiTM. Menurut Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, “Virtual Open Day” merupakan satu inisiatif agar dapat memberi penerangan secara eksklusif mengenai program-program pengajian yang tawarkan di Pusat Asasi UiTM - #wherethebrightfuturesbegin”.

Pusat Asasi UiTM merupakan satu-satunya pusat asasi yang menawarkan program Plus Tahfiz bagi membuka peluang kepada pelajar lepasan tahfiz melanjutkan pengajian dalam bidang profesional melalui Asasi UiTM tanpa meninggalkan hafalan Al-Quran.

Taklimat program pengajian telah disampaikan oleh kesemua Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator iaitu Asasi Sains, Asasi Kejuruteraan, Asasi TESL, Asasi Undang-Undang dan ACIS & Plus Tahfiz.

#### 9.13.5 Kempen Kesedaran dan Pematuhan Undang-undang Jalan Raya

Kempen Kesedaran dan Pematuhan Undang-undang Jalan Raya Pusat Asasi UiTM telah berlangsung pada 1 hingga 15 April 2021 bagi meningkatkan kesedaran warga kampus berkenaan undang-undang jalan raya di dalam dan di luar kampus. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah hebahan poster kesedaran, forum dan Pertandingan *Orienteering* yang telah disertai oleh kesemua unit dan bahagian kampus. Pertandingan *Orienteering* ini juga merupakan kali pertama diadakan di kampus dan telah dimenangi oleh Unit TESL, Unit Sains Komputer dan Bahagian Pentadbiran. Kempen yang dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, Pengarah Pusat Asasi UiTM ini juga turut menerima kehadiran Supt. Dr. Bakry Hj. Zainal Abidin (Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan PDRM), Dr. Rizati Hamidun (Pegawai Penyelidik Kanan MIROS) dan En. Armyrn Fahmy (Timbalan Pendaftar Kanan UiTM).



### 9.13.6 International Conference on Research and Practices in Sciences, Technology and Social Sciences (i-CReST 2021)

Penganjuran I-CReST 2021 pada 26 Jun 2021 yang bertemakan 'Embracing Research Culture and Fostering Academic Excellence' telah berjaya mengumpul sebanyak 160 penyertaan daripada dalam dan luar negara seperti dari negara Brunei, Indonesia, Morocco dan Mesir. I-CReST 2021 disertai oleh ahli akademik, pelajar pascasiswazah, ahli profesional dan industri bagi membentangkan hasil penyelidikan dan melebarkan perkongsian ilmu dalam bidang berkaitan Sains, Teknologi dan Sains Sosial.

Persidangan akademik tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang menjalankan fungsi Naib Canselor UiTM. Selain itu, turut menyampaikan ucap-tama pada persidangan akademik tersebut adalah Profesor Datuk Dr. Halimaton Hamdan (Universiti Teknologi Malaysia), YBhg. Profesor Dr. Tetsuo Soga (Nagoya Institute of Technology Japan) dan YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu A.Aziz (Penyandang Kursi Raja-Raja Melayu) serta 20 orang penceramah jemputan dari universiti- universiti dalam dan luar negara.

Persidangan akademik ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada semua peserta dan dapat mewujudkan kolaborasi antara peserta dengan universiti luar serta industri.

### 9.13.7 Innovation & Creative Day (AICD 2021)

Pusat Asasi UiTM sekali lagi telah menganjurkan ASiD Innovation and Creative day (AICD2021) yang berlangsung pada bulan Mac dan April 2021. Bertemakan "Unleashing Creativity, Humanizing Innovation", majlis penutup telah disiarkan secara langsung melalui saluran Youtube Pusat Asasi UiTM pada 10 April 2021. Program ini telah dihadiri Program *INNOVATION & CREATIVE DAY* (AICD 2021) Anjuran: Jawatankuasa Pengurusan Inovasi, Pengkomersialan & Jaringan Industri Sebanyak 61 kumpulan telah bertanding dalam dua (2) kategori iaitu Sains dan Teknologi serta Sains Sosial. AICD2021 menganugerahkan pelajar dengan Anugerah Inovasi; emas, perak dan gangsa serta Anugerah Khas iaitu Inovasi Terbaik, Video Terbaik dan Video dengan tanda suka terbanyak bagi kedua-dua kategori. oleh Profesor Dr. Saifollah



Haji Abdullah, Pengarah Pusat Asasi UiTM. Pertandingan inovasi ini sekali lagi telah memberi peluang kepada para pelajar menyerlahkan lagi kreativiti dan idea mereka demi kebaikan dan kemajuan manusia seagat.

Sebanyak 61 kumpulan telah bertanding dalam dua kategori iaitu Sains dan Teknologi serta Sains Sosial. AICD2021 menganugerahkan pelajar dengan Anugerah Inovasi; emas, perak dan gangsa serta Anugerah Khas iaitu Inovasi Terbaik, Video Terbaik dan Video dengan tanda suka terbanyak bagi kedua-dua kategori.

### 9.13.8 Sukan Asasi Malaysia (SAM 2021)

Sukan Asasi Malaysia 2021 dianjurkan oleh Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) dengan MOTO kejohanan “Persahabatan Melalui E-sukan”. Program ini telah diadakan secara atas talian dan disertai oleh seluruh Asasi Universiti Awam dan Matrikulasi pada 20 sehingga 28 Mac 2021. Pusat Asasi UiTM telah berjaya menjadi 10 pasukan terbaik dan bagi kategori PUBG dan mendapat tempat ke-4 secara keseluruhan.



### 9.13.9 E-SULAM Innovation Project

Pada Mac 2021, Pusat Asasi UiTM telah berjaya memenangi kategori Penyertaan Terbanyak dengan menghantar sebanyak 235 penyertaan bagi pertandingan e-Sulam Innovate anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Para pelajar daripada program Sains dan Kejuruteraan telah menghasilkan video yang berkaitan dengan aktiviti khidmat masyarakat yang mereka jalankan kepada pelajar atau rakan sebaya atau komuniti setempat. Satu projek yang diketuai oleh Muhammad Safazatul di bawah seliaan Cik Bazrina Ramly bertajuk “Counselling Awareness” telah berjaya terpilih menjadi salah satu daripada 10 finalis projek ke peringkat kebangsaan. Projek ini merupakan sebahagian dari tugas untuk subjek ELC 081 (*English for Foundation Studies II*) yang memerlukan pelajar menjalankan program khidmat masyarakat yang memberi manfaat kepada komuniti.

### 9.13.10 *Live@PTAR* : *Live@PTAR* : Perlembagaan dan Kemerdekaan

Program Siaran Langsung *Live@PTAR* - Bicara Pakar diadakan pada 3 September 2021 melalui Youtube Rasmi Pusat Asasi merupakan program pembudayaan ilmu dan perkongsian pengetahuan / maklumat di kalangan pakar dan professional di dalam bidang kepakaran mereka.

Topik bagi program ini adalah Perlembagaan dan Kemerdekaan. Ianya menyentuh tentang sejarah perlembagaan menuju kemerdekaan. Perkongsian ini berguna dalam memberi kesedaran agar kita lebih menghargai serta memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara yang dicintai.

#### **Panel**

Encik Abang Ikhbal Bin Abang Bolhil, Pensyarah Kanan  
Jabatan Undang-Undang Pusat Asasi, UiTM

#### **Moderator**

Puan Siti Marina Binti Amit, Pensyarah  
Jabatan Undang-Undang Pusat Asasi, UiTM


#### **Anjuran Bersama :**

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil &  
Jabatan Undang-Undang Pusat Asasi UiTM



### 9.13.11 SciQuiz with PTAR

Pertandingan SciQuiz ini adalah kuiz berkenaan fakta sains diadakan pada 23 – 26 Februari 2021 secara dalam talian. Peserta dikehendaki menjawab soalan kuiz bertemakan fakta-fakta sains secara online melalui *google forms*. Program ini mempunyai kategori individu sahaja. Jumlah penyertaan yang diterima adalah sebanyak 1143 penyertaan dari kalangan pelajar Pusat Asasi.



### 9.13.12 Program Ulasan Buku Tokoh – Tokoh Islam

**ULASAN BUKU: AGAMA ISLAM**

**BUTIRAN PENYERTAAN**

- Terbuka kepada semua pelajar Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil.
- Peserta akan memilih dan membuat peminjaman buku berkenaan Agama Islam, di PTAR UiTM Kampus Dengkil atau pun **membuat pencarian bahan di dalam koleksi ebook PTAR.**
- Peserta perlu membuat ulasan ringkas serta padat dengan **maksima 150 patah perkataan** melalui google form yang diberikan.
- Ulasan buku tersebut perlu dihantar selawat-lewatnya pada **31 Mac 2021 sebelum jam 1 Petang.**
- Ulasan terbaik akan dimuatnaik ke laman Facebook dan Instagram PTAR Kampus Dengkil serta dijadikan sebagai buletin PTAR untuk setiap semester.
- Sekiranya pelajar membuat peminjaman buku, bahan tersebut harus dipulangkan semula ke PTAR selepas selesai proses ulasan.
- Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8924 5674 atau emel ke [ptardengkil@gmail.com](mailto:ptardengkil@gmail.com).
- Untuk penyertaan perlu scan qr code di sini:

Markah koko akan diberikan untuk setiap penyertaan

PTAR "LibraryForAll!" STAY INSPIRED

PTAR Kampus Dengkil / PTAR Kampus Dengkil Page @ptaruitmdengkil https://dengkil.library.uitm.edu.my

Pertandingan Ulasan Buku Tokoh – Tokoh Islam ini diadakan pada 25 – 31 Mac 2021. Program ini adalah mengikut kreativiti penulisan peserta. Peserta dikehendaki memilih serta membuat pinjaman bahan berkenaan Tokoh-tokoh Islam dan perlu membuat ulasan pendek serta padat mengenai buku tersebut mengikut kreativiti cara penulisan masing - masing.

### 9.13.13 Jom Baca Bersama 10 Minit

Program ini diadakan bagi menyokong program Jom Baca Bersama 10 Minit yang diadakan serentak di seluruh Malaysia. Program diadakan pada 22 April 2021 dan telah mendapat sambutan yang amat baik dari kalangan warga Pusat Asasi.



### 9.13.14 Pertandingan Menulis Esei Sempena Bulan Kesihatan Mental

Program ini adalah sebagai inisiatif untuk menyemarakkan program galakan membaca dalam kalangan warga kampus di UiTM Kampus Dengkil. Selain itu, aktiviti yang akan dianjurkan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran penulisan dan penguasaan Bahasa di kalangan pelajar. Program telah diadakan pada 26 Oktober 2021 sehingga 7 November 2021.



A decorative graphic consisting of a central orange parallelogram tilted to the right. This shape is set against a light gray background. The entire composition is framed by a dark purple border at the top and bottom. The text 'Prestasi Kewangan' is positioned to the right of the orange shape.

**Prestasi  
Kewangan**

## 10.0 Prestasi Kewangan

### 10.1 Latar Belakang

#### 10.1.1 Profil dan Fungsi Utama Pejabat Bendahari

Pejabat Bendahari merupakan nadi utama pengurusan kewangan bagi seluruh sistem Universiti Teknologi MARA seperti mana yang termaktub di dalam Akta UiTM 173 (Pindaan 2000). Struktur keseluruhan Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Selangor adalah diketuai oleh seorang Ketua Timbalan Bendahari dan dibantu oleh dua (2) Timbalan Bendahari, enam (6) Penolong Bendahari Kanan, seorang Penolong Bendahari dan 51 orang Staf Sokongan.

Berikut adalah struktur perjawatan Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Selangor seperti **Rajah 10.1.1.1**

KAMPUS	KPA	KPP	KD	KSB-SEL
<b>Kewangan</b>				
Ketua Timbalan Bendahari (W54)	1	-	-	-
Timbalan Bendahari (W48)	1	-	-	1
Penolong Bendahari Kanan (W44)	3	1	1	1
Penolong Bendahari (W41)	1	-	-	-
Penolong Akauntan Kanan (W32)	2	1	-	2
Penolong Akauntan (W29)	10	1	4	3
Pembantu Tadbir Kewangan Kanan (W22)	3	1	1	2
Pembantu Tadbir Kewangan (W19)	6	-	-	4
<b>Pentadbiran</b>				
Setiausaha Pejabat Kanan (N32)	1	-	-	-
Penyelenggara Stor Tertinggi (N26)	2	-	-	-
Penyelenggara Stor Kanan (N22)	2	1	-	-
Penyelenggara Stor (N19)	2	-	-	2
Pembantu Operasi (N11)	1	-	-	-
<b>JUMLAH STAF</b>	<b>35</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>15</b>

Rajah 10.1.1.1 : Perjawatan Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Selangor

Pejabat Bendahari terdiri daripada lima (5) bahagian utama iaitu Bahagian Belanjawan, Korporat dan Kewangan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akaun & Kumpulan wang Penyelidikan, Bahagian Pengurusan Bayaran, Bahagian Pengurusan Perolehan dan Bahagian Pengurusan Harta Benda. Ia diwujudkan bagi memastikan pengurusan kewangan Universiti berjalan lancar dan mematuhi semua prosedur yang berkuat kuasa seperti **Rajah 10.1.1.2** :

BAHAGIAN	FUNGSI UTAMA
Bahagian Belanjawan, Korporat dan Kewangan Pelajar	Merancang, menyedia, mengagih dan mengawal sumber-sumber kewangan dengan cekap dan teratur selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan. Menentukan pengurusan perbelanjaan mengurus Universiti dikendalikan dengan optimum dan efektif mengikut perancangan aktiviti yang ditetapkan. Mengurus dan memantau semua aktiviti pengurusan terimaan / hasil dan pelaburan. Mengurus hal ehwal kewangan berkaitan pelajar.
Bahagian Pengurusan Akaun & Kumpulan wang Penyelidikan	Menyediakan laporan kewangan yang lengkap dan memastikan maklumat kewangan dan perakaunan UiTM direkod dengan betul dan sistematik mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Menyelaraskan pertanyaan dan teguran pihak audit ke atas sistem pengurusan kewangan. Menguruskan kewangan geran penyelidikan.
Bahagian Pengurusan Bayaran	Menguruskan proses bayaran yang melibatkan bayaran pelbagai, gaji, elaun lebih masa, perubahan staf dan pelajar, tuntutan dan pendahuluan.
Bahagian Pengurusan Perolehan	Menguruskan proses perolehan (bekalan, perkhidmatan dan kerja) termasuk: Panggilan Sebut Harga Proses Sebut Harga Pentadbiran Kontrak dan Pemantauan dan Penguatkuasaan Proses Permohonan Perolehan Proses Pengeluaran Pesanan Jabatan
Bahagian Pengurusan Harta Benda	Bertanggungjawab dalam pengurusan aset Universiti (perekodan, penandaan, verifikasi, pelupusan dan kehilangan).

Rajah 10.1.1.2 : Fungsi Utama Setiap Bahagian

## 10.1.2 Pencapaian Pejabat Bendahari

### 10.1.2.1 Audit Bersih

Pejabat Bendahari telah mengekalkan Audit Bersih selama 20 tahun berturut-turut sejak tahun 2000. Ini membuktikan pengurusan kewangan Universiti secara keseluruhannya telah dilaksanakan dengan baik dan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Perbandingan Bajet dan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 77.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Universiti Teknologi MARA 1976.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknologi MARA dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Universiti Teknologi MARA 1976.


**10.1.2.2 Penghantaran Penyata Kewangan Kepada Jabatan Audit Negara Tidak Lewat daripada 30 April Tahun Berikutnya**

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1 - Garis Panduan untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Piagam Pelanggan Pejabat Bendahari,



Penyata Kewangan yang muktamad bagi tahun berakhir 31 Disember setiap tahun perlu dihantar kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya.

Berikut adalah Prestasi Penghantaran Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember kepada Ketua Audit Negara, di mana Pejabat Bendahari telah berjaya menghantar penyata berkenaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan iaitu tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya.




\*dilanjutkan kepada 8 Mei 2020 disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan

Rajah 10.1.2.2 : Prestasi Penghantaran Penyata Kewangan Kepada Jabatan Audit Negara

### 10.1.2.3 Pensijilan ISO 9001 : 2015


Pejabat Bendahari memperolehi Sijil ISO 9001:2015 bagi skop Pengurusan Kewangan Universiti.



#### Certificate Schedule

Certificate identity number: 10121365

Location	Activities
Pejabat Bendahari UiTM Kedah Kampus Merbok, Mukim Bujan, Daerah Merbok, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia	ISO 9001:2015 University Teknologi MARA's financial management.
Pejabat Bendahari UiTM Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, Jalan Permatang Pauh, 13500 Seberang Prai, Pulau Pinang, Malaysia	ISO 9001:2015 University Teknologi MARA's financial management.
Pejabat Bendahari UiTM Sarawak Kampus Samarahan, Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia	ISO 9001:2015 University Teknologi MARA's financial management.
Pejabat Bendahari UiTM Johor Kampus Segamat, Batu 8, Jalan Muar, 85200 Segamat, Johor, Malaysia	ISO 9001:2015 University Teknologi MARA's financial management.
Pejabat Bendahari UiTM Perak Kampus Seri Iskandar, 32600 Bota, Perak, Malaysia	ISO 9001:2015 University Teknologi MARA's financial management.
Pejabat Bendahari UiTM Selangor Kampus Puncak Alam, Aras 2, Bangunan FF1, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor, Malaysia	ISO 9001:2015 University Teknologi MARA's financial management.




#### Certificate of Approval

This is to certify that the Management System of:

**Universiti Teknologi MARA, Pejabat Bendahari**  
Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia

has been approved by LRQA to the following standards:  
ISO 9001:2015



Basem Obaid - Global Head of Training and Improvement Services  
Issued by: Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd

This certificate is valid only in association with the certificate schedule bearing the same number on which the locations applicable to this approval are listed.

Current issue date: 23 August 2018  
Expiry date: 6 September 2021  
Certificate identity number: 10121365

Original approval(s):  
ISO 9001 – 7 September 2006

Approval number(s): ISO 9001 – 0048980

The scope of this approval is applicable to:  
University Teknologi MARA's financial management.

## 10.2 Pencapaian Bahagian Belanjawan dan Pengurusan Hasil

### 10.2.1 Bahagian Belanjawan

Prestasi Perancangan dan Belanjawan diukur dan dilihat berdasarkan prestasi peruntukan dan perbelanjaan tahunan kampus di UiTM Cawangan Selangor. Data maklumat peruntukan dan prestasi perbelanjaan dicapai melalui Sistem *Financial Accounting Intergrated System* (FAIS) dan FineEPortal Pejabat Bendahari.

Prestasi ini dipantau melalui laporan prestasi perbelanjaan secara bulanan dan suku tahun melalui pelaporan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Laporan Prestasi Perbelanjaan adalah seperti pada **Rajah 10.2.1**

KAMPUS	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)			JUMLAH PERBELANJAAN (RM)			PERATUS PERBELANJAAN (RM)		
	2019	2020	2021	2019	2020	2021	2019	2020	2021
PUNCAK ALAM	37,001,034	36,440,822	26,970,485	36,566,174	34,959,084	25,582,119	99%	96%	95%
PUNCAK ALAM (PFI)	9,118,663	6,585,040	4,290,183	8,996,919	5,350,712	3,808,459	99%	81%	89%
PUNCAK PERDANA	6,874,851	5,998,520	4,720,310	6,912,758	5,926,965	4,142,210	100%	99%	88%
DENGKIL	5,687,506	5,451,674	4,191,175	5,514,644	5,451,674	3,048,396	97%	100%	73%
SUNGAI BULOH	29,242,317	27,501,114	24,708,965	29,076,682	26,353,410	21,537,563	99%	96%	87%

Rajah 10.2.1 : Laporan Prestasi Perbelanjaan UiTM Cawangan Selangor

Terdapat kampus telah mencapai 100% pada tahun 2019 iaitu Kampus Puncak Perdana dan secara puratanya perbelanjaan UiTM Cawangan Selangor bagi tahun 2019 mencapai 98.8%. Manakala pada tahun 2020, kampus yang mencapai 100% adalah Kampus Dengkil dan purata perbelanjaan keseluruhan UiTM Cawangan Selangor adalah 94.4%. Bagi tahun 2021, secara puratanya keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak 86.4%. Ini menunjukkan perancangan perbelanjaan telah diuruskan dengan baik dan pihak Pejabat Bendahari sentiasa membuat pemantauan dan melaporkan prestasi perbelanjaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA), Mesyuarat Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Pengurusan Fakulti.

### 10.2.2 Bahagian Pengurusan Hasil

Selain menguruskan perbelanjaan, penjanaan pendapatan juga perlu diuruskan dengan baik dan mantap. Di antara pendapatan atau sumber hasil UiTM Cawangan Selangor adalah daripada Hasil Geran Kerajaan, Hasil Pelajar, Hasil Pelaburan dan Hasil Lain-lain seperti di **Rajah 10.2.2**. Hasil pendapatan tahun 2019 bagi keseluruhan kampus adalah sebanyak RM453,454,226.79. Manakala pada tahun 2020, hasil keseluruhan kampus adalah sebanyak RM 476,937,304.88 menunjukkan peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun 2019. Pada tahun 2021 hasil pendapatan adalah sebanyak RM465,826,087.45 menunjukkan penurunan hasil 2.33% berbanding tahun 2020. Pelbagai inisiatif dan usaha telah dijalankan dengan memastikan semua aset dan fasiliti yang sedia ada digunakan sepenuhnya untuk menjana pendapatan kepada Universiti. Pihak Pejabat Bendahari telah mengambil beberapa inisiatif seperti mengeluarkan bil dengan kadar segera, membuat susulan melalui telefon, mengeluarkan surat peringatan dan membuat potongan utiliti/cagaran.

KAMPUS	JUMLAH 2021	JUMLAH 2020	JUMLAH 2019
	(RM)	(RM)	(RM)
PUNCAK ALAM	195,063,770	206,048,750	219,193,902
PUNCAK PERDANA	33,812,055	35,136,748	35,391,324
DENGKIL	31,760,283	28,998,250	17,794,244
SG. BULOH	205,189,979	206,753,557	181,074,757
<b>JUMLAH</b>	<b>465,826,087</b>	<b>476,937,305</b>	<b>453,454,227</b>

Rajah 10.2.2 : Sumber hasil UiTM Cawangan Selangor

### 10.3 Pencapaian Bahagian Pengurusan Bayaran

Pejabat Bendahari bertanggungjawab menjelaskan pembayaran terhadap semua 80% tuntutan pembayaran dalam tempoh (tujuh) 7 hari dari tarikh terima dokumen lengkap selaras dengan Piagam Pelanggan Pejabat Bendahari Kampus Negeri dan Cawangan seperti di **Rajah 10.3.1**.

3. Menjelaskan pembayaran terhadap semua 80% tuntutan pembayaran dalam tempoh tujuh hari dari tarikh terima dokumen lengkap.

Rajah 10.3.1 : Piagam Pelanggan Pejabat Bendahari Kampus Negeri dan Cawangan

Berdasarkan Laporan Prestasi Bayaran bagi tahun 2019 hingga tahun 2021 (**Rajah 10.3.2**), Pejabat Bendahari telah mencapai KPI yang telah ditetapkan. Walau pun berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021, prestasi bayaran masih berjaya dikekalkan pada tahap cemerlang.

KAMPUS	KPA			KPP			KD			KSB-SEL		
	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019
TAHUN												
JUM. BAUCER	12,814	13,299	18,035	1,992	2,314	3,041	1405	1,638	2,047	9,154	9,339	9,588
< 7 HARI	12,756	12,914	17,430	1,963	2,283	2,936	1377	1,444	1,869	9,107	8,757	9,402
% < 7 HARI	99.5%	97.1%	96.6%	98.5%	98.7%	96.5%	98%	88.2%	91.3%	99.48%	93.8%	98.1%

Rajah 10.3.2 : Laporan Prestasi Bayaran

Pejabat Bendahari juga telah melaksanakan proses Tuntutan Perjalanan secara *online* di FinEPortal yang dilaksanakan secara berperingkat kepada staf di setiap PTJ. Ini memberi impak yang sangat positif kerana proses tuntutan dan pembayaran oleh Pejabat Bendahari dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif. Selaras dengan arahan memaksimumkan penggunaan Sistem FineProcurement Plus, proses berkaitan bayaran menjadi lebih cepat dan mudah.

## 10.4 Pencapaian Bahagian Pengurusan Perolehan

Perancangan Perolehan yang disediakan oleh setiap PTJ amat penting kerana ia digunakan sebagai asas untuk melapor prestasi pelaksanaan perolehan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).

Pencapaian KPI bagi pengeluaran Pesanan Jabatan (LO) untuk tahun 2021 bagi keseluruhan UiTM Cawangan Selangor secara puratanya adalah sebanyak 98.4% (**Rajah 10.4.1**) selaras dengan Piagam Pelanggan Pejabat Bendahari Kampus Negeri. Bagi Kampus Puncak Perdana dan Dengkil telah mencapai 100% pengeluaran Pesanan Jabatan (LO) bagi tahun 2019 sehingga tahun 2021.

KAMPUS	KPA			KPP			KD			KSB-SEL		
	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019
TAHUN	120	203	262	31	45	79	10	49	45	538	624	214
JUMLAH LO	120	202	261	31	45	79	10	49	45	503	584	212
< 5 HARI	100%	99.5%	99.6%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	93.5%	93.6%	99.1%

Rajah 10.4.1 : Laporan Prestasi Pesanan Jabatan (LO) – Manual

Bagi memastikan kelancaran proses perolehan dengan lebih telus, berintegriti dan penguatkuasaan ke atas arahan Bendahari UiTM untuk memaksimumkan penggunaan Sistem FineProcurement Plus, Bahagian Pengurusan Perolehan telah berjaya membantu PTJ dalam pengeluaran LO sebanyak 1,321 (Tahun 2021), 2,931 (Tahun 2020) dan 2,286 (Tahun 2019) dan pelawaan Sebut Harga sebanyak 59 (Tahun 2021), 92 (Tahun 2020) dan 79 (Tahun 2019) (**Rujuk 10.4.2**). Di samping itu, pemantauan secara berkala sekurang-kurangnya seminggu sekali ke atas Sistem FineProcurement Plus bagi semua PTJ turut dilaksanakan. Pemantauan tersebut telah dibuat untuk memastikan proses perolehan dibuat segera dan tiada proses yang tertangguh selain untuk tujuan *housekeeping*.

KAMPUS	KPA			KPP			KD			KSB-SEL		
	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019
PESANAN TEMPATAN	663	694	794	55	89	118	27	59	75	576	2,089	1,299
PELAWAAN SEBUT HARGA	16	13	32	2	7	4	0	2	5	41	70	38

Rajah 10.4.2 : Perolehan Melalui Sistem FineEProcurement Plus

## 10.5 Pencapaian Bahagian Pengurusan Harta Benda

Aset Alih bermaksud aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk aset yang dibekalkan bersekali dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain. Pengurusan Aset Alih di PTJ merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Setiap aset alih di bawah kategori Harta Modal dan Inventori (tidak termasuk barang-barang seperti perabot, langsir dan permaidani) hendaklah didaftarkan dan ditanda selaras dengan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2018. Proses ini untuk memudahkan pengesanan, pemantauan dan pelupusan aset alih.

Setiap maklumat aset alih dapat diakses oleh *Custodian* melalui Sistem FinEAsset di FinEPortal Pejabat Bendahari dan hebahan kepada PTJ telah dilakukan melalui emel dan Taklimat Pengurusan Kewangan. Melalui hebahan ini, kesedaran *Custodian* terhadap senarai harta di bawah tanggungjawab meningkat.

Jumlah bilangan aset alih bagi tahun 2021 untuk keseluruhan UiTM Cawangan Selangor adalah 20,832 unit yang bernilai RM525,290,637 (**Rajah 10.5.1**)

KAMPUS	KPA			KPP			KD			KSB-SEL		
	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019
UNIT	13,657	13,710	15,909	1,665	1,249	1,570	439	485	519	5,071	4,564	6,258
RM	226,390,977	226,274,439	286,373,531	16,672,170	10,946,759	16,811,117	5,900,000	5,450,381	4,842,196	276,327,490	141,971,474	206,557,857

Rajah 10.5.1 : Jumlah Bilangan Aset Alih

Pejabat Bendahari juga telah melaksanakan Gerak Kerja Verifikasi Aset setiap tahun selaras dengan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2018. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan UiTM (JPAKU) ke-40 pada 20 Februari 2018 telah mengarahkan PTJ menjalankan pemeriksaan ke atas semua aset milik PTJ untuk mengenal pasti *Custodian* dan lokasi aset di PTJ masing-masing supaya dapat mempercepatkan kerja-kerja verifikasi harta UiTM dan selesai pada 31 Disember setiap tahun. Melalui pemeriksaan yang dilakukan oleh PTJ juga telah meningkatkan kesedaran untuk mengambil tindakan pelupusan aset yang telah rosak atau tidak boleh digunakan lagi. Pejabat Bendahari juga telah berusaha untuk melakukan kerja verifikasi sepenuhnya bagi menyokong inisiatif kerja verifikasi aset dilakukan oleh *Custodian* secara atas talian melalui FinEAsset di FinEPortal. Secara keseluruhan purata verifikasi harta tahun 2021 bagi UiTM Cawangan Selangor adalah 96.2% (**Rajah 10.5.2**).

KAMPUS	KPA			KPP			KD			KSB-SEL		
	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019	2021	2020	2019
JUMLAH HARTA	8,858	9,272	9,318	876	886	769	439	409	378	4,883	4,981	4,836
JUMLAH VERIFIKASI	8,498	9,270	9,318	876	886	769	439	409	378	4,339	4,940	4,836
%	95.94%	99.98%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	88.86%	99.18%	100%

Rajah 10.5.2: Laporan Kemajuan Verifikasi Harta

## 10.6 Penutup

Pejabat Bendahari telah melaksanakan sistem pengurusan kewangan secara profesional, cekap, berkesan dan bertanggungjawab ke atas perancangan, pelaksanaan program dan penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi jabatan yang unggul, berhemah dan profesional. Pengurusan perakaunan dan kewangan universiti dilaksana, dikawal, direkod mengikut piawaian, prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Kualiti untuk semua, akauntabiliti bersama adalah merupakan teras perkhidmatan bagi memenuhi kepuasan pelanggan Pejabat Bendahari.



**Galeri  
Kejayaan  
2021**



**Tahniah**  
kepada semua pemenang  
**ANUGERAH KAMPUS LESTARI HIJAU UiTM 2021**

**Kategori KAMPUS ZON TENGAH**

- JUARA**  
UiTM PUNCAK ALAM
- NAIB JUARA**  
UiTM DENGKIL

**Kategori KOLEJ KEDIAMAN**

- NAIB JUARA**  
KOLEJ ZAMRUD Baiduri (PUNCAK ALAM)

**Kategori AMALAN TERBAIK**

- KE LIMA**  
KOLEJ ZAMRUD Baiduri (PUNCAK ALAM)

daripada  
Rektor & warga UiTM Cawangan Selangor

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



**Selamat Maju Jaya**

**PUTERI RIFQAH FAHADA AZHAR**  
(UiTM Cawangan Selangor)

kerana terpilih mewakili  
**Malaysia ke pertandingan catur**  
peringkat  
**FIDE Online Chess Olympiad 2021 (2 - 4 Sept.)**  
&  
**Asian University Chess Championship 2021 (3 - 5 Sept.)**



daripada  
Rektor & warga UiTM  
Cawangan Selangor

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan







**Tahniah**

kepada  
**PASUKAN UNIT POLIS BANTUAN**  
UiTM Cawangan Selangor  
Kampus Puncak Perdana

memenangi  
**Tempat KE EMPAT (Saguhati)**  
sempena  
**SIMPOSIUM KECEMERLANGAN  
OPERASI UiTM TAHUN 2021**  
daripada  
Rektor & warga UiTM Cawangan Selangor

**Sijil Anugerah**

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

WORLD UNIVERSITY AWARDS 2021  
TOP 100  
PREMIER QUALITY TEACH UNIVERSITY™  
TOP 100  
5 STAR QUALITY ASSURANCE

UiTM Cawangan Selangor



**Tahniah**

**Siti Jaliha Abu Bakar**  
Pengawal Keselamatan KP11

atas pengurniaan  
**PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K)**  
sempena  
**Ulang Tahun Hari Keputeraan  
Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj  
Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj  
yang ke-75**  
daripada  
Rektor & warga  
UiTM Cawangan Selangor

UiTM Cawangan Selangor

**Tahniah**  
**PASUKAN UiTM  
CAWANGAN SELANGOR**  
**JOHAN KESELURUHAN**  
acara  
**PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG)**  
dalam  
**KARNIVAL SUKAN STAF (KARISTA)  
(VIRTUAL EDITION 2021)**  
daripada  
**Rektor  
& warga UiTM  
Cawangan Selangor**

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

THE UNIVERSITY OF MALAYA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Cawangan Selangor

PlayerUnknown's BATTLEGROUNDS  
PUBG

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

THE UNIVERSITY OF MALAYA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Cawangan Selangor

PlayerUnknown's BATTLEGROUNDS  
PUBG

**Tahniah**  
**PASUKAN UiTM  
CAWANGAN SELANGOR**  
telah berjaya berada di tempat  
**Ke-7 keseluruhan**  
acara  
**PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG)**  
dalam  
**"KEJOHANAN UiTM INTERNATIONAL  
SPORTS FIESTA (E-SPORTS) 2021"**  
daripada  
**Rektor  
& warga UiTM  
Cawangan Selangor**

MUHAMMAD KHIR FADIL SHAHRIL  
IMRAN NAQI UDDIN AZMI  
MOHAMED NOR SAFI AZIZY MOHAMED SUKRI  
MUHAMMAD AMIRUL AFANDI AZMI  
IMAN HAKIMI AZMI

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

THE UNIVERSITY OF MALAYA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Cawangan Selangor

PlayerUnknown's BATTLEGROUNDS  
PUBG

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

THE UNIVERSITY OF MALAYA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Cawangan Selangor

PlayerUnknown's BATTLEGROUNDS  
PUBG

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor

# Tahniah

kepada

**ATLET UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**JOHAN KESELURUHAN KEJOHANAN KARISMA E-SPORT (VIRTUAL EDITION 2021)**





daripada  
Rektor & warga UiTM Cawangan Selangor

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor

# Tahniah

kepada

**PASUKAN UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**JOHAN KESELURUHAN KARNIVAL SUKAN STAF (KARISTA) (VIRTUAL EDITION 2021)**





daripada  
Rektor & warga UiTM Cawangan Selangor

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan





**Tahniah**  
**PEMBAHAS UiTM**  
telah berjaya berada di tempat  
**Ke-3 keseluruhan**  
dalam  
**Pertandingan Debat Parlimen**  
sempena  
**FESTIVAL ANAK MERDEKA**  
anjuran  
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM  
SELANGOR (KUIS)**

daripada  
Rektor & warga UiTM  
Cawangan Selangor



**NURUL ASYIQIN MAZLAN**  
(UiTM Cawangan Selangor)  
**MUHAMAD SOLEH ABU HASSAN**  
(UiTM Shah Alam)  
**MUHAMMAD NASHRYMIE NIZAR MOHD SHAMSOL ZAWAWI**  
(UiTM Shah Alam)  
**AIDEEL HAFIZI FISOL**  
(UiTM Cawangan Negeri Sembilan)

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



**Tahniah**

**“PALAM DENGUE  
PREVENTION PROGRAM”**  
Puan Fatimah Sham (Penasihat)  
Encik Mohd Maaruf Abd Malik (Penasihat)  
Afiq Haiqal Azmi  
Muhammad Kamil Nazzri  
Nur Nadia Atiqah Azizul Hakim  
Nurhidayah Nor Akmal  
Sarah Nabilah Mohd Shalbe

menerima geran bagi projek  
**“TM-MRCS Community  
Volunteer Challenge”**  
Jun - Ogos 2021  
daripada  
**MALYSIAN RED CRESCENT SOCIETY**  
berjumlah  
**RM10,000.00**

daripada  
Rektor & warga UiTM Cawangan Selangor

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan







**Sidang  
Editorial**

# Sidang Editorial

## Laporan Tahunan UiTM Cawangan Selangor 2021

- Penasihat : Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah
- Ketua Editor : Pn. Alfina Bakar, K.M.N
- Editor : Dr. Shantakumari Rajan  
Cik Adlin Na'qiah Sabar @ Sabal
- Sidang Pengarang : Profesor Dr. Saifollah Abdullah  
Profesor Ts. Dr. Asmah Awal  
Prof. Madya Dr. Badrul Isa  
Prof. Madya Sr. Dr. Rosmadi Ghazali  
Pn Noor Alzura Alang Idris  
Hj. Ir. Junaidi Muslim  
Ts. Mohamad Hamidi Hj Mohd Jais  
DSP/PB Marzuki Bin Ab Rashid  
Dr. Norazlina Ahmad  
Dr. Shantakumari Rajan  
Pn. Ismayaza Noh  
Ustazah Khamariah Othman  
En. Sajudin Samad
- Penyelaras Bahan : Pn. Nor Haizah Mokhtar  
Pn. Ruhaida Sabron
- Penyelaras Grafik : En. Rosly Mahmood
- Pereka Grafik : En. Mohamad Lotfi Baharuddin
- Pembaca Pruf : Pn. Noor Azimah Suratem  
Pn. Norlehayati Rahmat
-



**Konsep & Reka Bentuk**  
Unit Komunikasi Korporat  
UiTM Cawangan Selangor  
Kampus Puncak Alam